

# Laporan ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR **AKNC**





# LAPORAN

## ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

### 2023

#### KOLEJ PENGAJIAN ALAM BINA JARINGAN INDUSTRI DAN KEUSAHAWANAN

---

**KETUA PTJ :**

JAMALUNLAILI BIN ABDULLAH

**KETUA UNIT KUALITI :**

ANI SAIFUZA BT ABD SHUKOR

**PENYELARAS :**

ANI SAIFUZA BT ABD SHUKOR

**PENULIS :**

1. MOHD SUHAIZAL BIN SUFIAN NORY
2. NOR AZILAH BINTI IDRIS
3. NOR RIMA BT MUHAMAD ARIFF
4. NORALIZA BINTI BASRAH
5. MOHD KHAIRUL ANUAR BIN JALIL
6. SITI HASNIZA BINTI ROSMAN
7. SRI RAHAYU BT MOHD SA'AD

8. ROHAYU BINTI AB MAJID
9. JULAIDA BINTI KALIWON
10. LILIS SHEREENA BINTI SAFIEE
11. ELY ROUZEE BINTI JAMALUDDIN
12. ABDUL 'IZZ BIN MOHAMAD KAMIL
13. HAMIZAH BINTI YAKOB
14. SITI MAZWIN BINTI KAMARUDDIN
15. HANISAH BINTI YACOB
16. ANI SAIFUZA BT ABD SHUKOR
17. ANI SAIFUZA BT ABD SHUKOR
18. SHAMSIDA BINTI SAIDAN KHADERI
19. SUHANA BINTI ISMAIL
20. SUHANA BINTI ISMAIL
21. SUHANA BINTI ISMAIL
22. SUHANA BINTI ISMAIL
23. FIRDAUS BIN CHEK SULAIMAN
24. CHE BON BINTI AHMAD
25. EZLINA BINTI MOHD AHNUAR
26. NORULELIN BINTI HURI
27. SITI NUR FARHANA BINTI AB LATIF
28. ABDUL RAUF BIN ABDUL RASAM
29. NOOR ASYIKIN BINTI MD. NOR
30. MAWAR BINTI MASRI
31. NURUL LIYANA BINTI HANAPI
32. TENGKU ANIS QARIAH BINTI RAJA ABDUL KADIR
33. ANIS SAZIRA BINTI BAKRI
34. ELMA DEWIYANA BINTI ISMAIL
35. MOHD ZAHID BIN MOHD SALLEH
36. MUHAMMAD ADAM BIN ZAKARIA
37. MUHAMMAD BAHTIAR BIN MASIDIN

## **KRITERIA 1 : KEPIMPINAN**

### **1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

#### **Perancangan**

Tahun 2022 menyaksikan sinergi penstrukturkan semula fakulti kepada kolej telah memacu kepimpinan kanan FSPU/KAB dan warganya secara kolektif mendukung lapisan hierarki struktur organisasi yang lebih dinamik dan berdaya saing ke arah usaha melonjak pencapaian objektifnya. Perancangan strategik yang komprehensif diformulasikan berpaksikan integrasi Rancangan Malaysia Ke-12, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025, serta Pelan Strategik UiTM2025. Diterajui oleh Penolong Naib Cancellor (PNC), FSPU/KAB telah mengatur Perancangan Strategik 2021-2025 dalam mengerakkan operasinya menyokong **Model Kepimpinan FSPU/KAB** yang menumpukan kepada **Generations of Professional Excellence**. Berdasarkan **enam teras-Model Inisiatif Jaringan Industri dan Keusahawanan (JI&K) FSPU/KAB**, projek dan aktiviti bersilang dan saling berkaitan telah dirancang bagi menyokong matlamat UiTM2025 menjadikan UiTM sebagai Universiti Tersohor Dunia.

#### **Pelaksanaan**

Sinergi bidang tujuan JI&K menyokong objektif FSPU/KAB dan seterusnya visi dan misi UiTM. Tema strategik UiTM2025 bagi tahun 2022, **Kompetensi Global** direalisasikan melalui pelaksanaan enam teras-Model Inisiatif JI&K yang bersifat bersilang dan berkaitan ke arah **Comphensively Excellent** dan seterusnya menyokong pemusatan model kepimpinan FSPU/KAB. Sinergi bidang tujuan diterajui oleh Unit Jaringan Industri dan Keusahawanan seterusnya digalas oleh seluruh warganya secara kolektif. Kompetensi industri staf akademik diketengahkan dan mendapat pengiktirafan melalui jaringan kolaborasi yang mensasarkan impak optimum melibatkan kemampuan program akademik dan pemegang taruhnya ke arah mendokong UiTM sebagai hab bakat dan ilmu sejagat. Peranan pertubuhan alumni diangkat melalui **kapten industri** dan **notable alumni** mendokong usaha pemupukan berterusan kualiti operasi melalui kolaborasi tujuan jaringan industri dan intervensi keusahawanan. FSPU/KAB mengerakkan inisiatif keusahawanan selaras dengan strategi MASMED ke arah transformasi daya saing pelajar melalui impak keusahawanan.

#### **Pemantauan**

Pelan pemantauan JI&K digerakan dengan menitikberatkan usaha secara kolektif dan komprehensif dua hala di antara kepimpinan kanan dan pelaksana. Pemantauan telah diperluaskan berdasarkan punca kuasa, iaitu Manual Tadbir Urus dan Pekeliling UiTM, Polisi dan Panduan Pengurusan Risiko UiTM, Strategi ICAN dan MASMED. Pelan pemantauan bidang tumpuan telah merujuk kepada pemetaan petunjuk prestasi (PI) serta daftar risiko bidang tujuan yang telah dipertanggungjawabkan kepada unit-unit berkaitan dan dipantau kemajuannya melalui pengumpulan data dan pelaporan secara berkala oleh **Unit Pengurusan Strategik FSPU/KAB**. Di peringkat pelaksana, mesyuarat jawatankuasa telah dijalankan oleh unit-unit seperti Unit Kualiti, Unit Jaringan Industri, Unit Keusahawanan dan pusat pengajian. Seterusnya, hasil pemantauan aras diangkat ke mesyuarat kepimpinan kanan iaitu Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) bagi meneliti kemajuan dan prestasi, dan seterusnya mengambil tindakan penambahbaikan.

Berdasarkan PI projek yang dipertanggungjawabkan kepada unit-unit berkaitan, pelan tindakan ke arah penambahbaikan berterusan FSPU/KAB telah dilaksanakan bertepatan dengan dasar jaminan kualiti UiTM dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Melalui pelan tindakan, data pengurusan risiko dirujuk, intipati laporan gerak kerja setiap projek dianalisa dan diperhalusi untuk mengenalpastikekangan dan limitasi kepada pencapaian PI telah dijalankan. Hasilnya, saranan penambahbaikan diangkat di mesyuarat MKSP. Sebagai kolej yang komprehensif, pengiktirafan program profesional dan kompetensi industri staf akademiknya tidak boleh dikompromi. Kepimpinan kanan amat prihatin terhadap maklumbalas pihak berkepentingan. Suara pemegang taruh diberi perhatian seperti laporan lembaga akreditasi, laporan panel industri, laporan majikan latihan industri pelajar dan kebolehpasaran pelajar. Pendekatan **berorientasikan tindakan** dilaksanakan mengikut pelan tindakan jangka pendek dan panjang bagi menjamin JI&K FSPU/KAB kekal relevan dan berdaya saing.

## 1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Penstrukturkan fakulti kepada kolej pada Oktober 2022, mengekalkan status FSPU/KAB sebagai kolej komprehensif menawarkan program profesional alam bina ke arah melahirkan graduan cemerlang memenuhi keperluan pemegang taruh, sumber tenaga terlatih dan profesional dalam bidang alam bina. Kepimpinan kanan FSPU/KAB meneruskan usaha mencapai objektif dan piagam pelanggannya berpaksikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025. Mendukung visi dan misi UiTM, Pelan Strategik UiTM2025 diterjemahkan melalui **Model Kepimpinan FSPU/KAB** yang memfokuskan kepada ***Generations of Professional Excellence***. Kepimpinan kanan terus mengorak langkah melalui pelan strategik dan operasinya menyokong tema strategik UiTM2025 tahun 2022, iaitu **Kompetensi Global** dan merealisasikan tujuan UiTM untuk menjadi Universiti Tersohor Dunia menjelang 2025.

Mendukung tiga teras strategik utama UiTM2025, kepimpinan kanan FSPU/KAB telah mengerak bidang tumpuan jaringan industri dan keusahawanan (JI&K) melalui pendekatan **Comprehensively Excellent** terhadap enam teras utama-**Model Inisiatif JI&K** bagi menyokong aspirasi ***Generations of Professional Excellence*** (1.2.1a-d Aspirasi, Inisiatif Bidang Tumpuan, Dasar, Piagam Pelanggan & Objektif Kualiti FSPU/KAB). Kepimpinan kanan membawa sinergi JI&K melalui pendekatan **Leadership by Example** yang diterajui oleh Penolong Naib Canselor (PNC), integrasi empat portfolio utama dekan-dekan dan seterusnya penglibatan staf akademik dan bukan akademik (1.2.2a-d Carta Organisasi & Kepimpinan).

Menggarap nilai kolektif ESI dan individu iDART UiTM, pendekatan seterusnya disokong oleh moto ***Believe, Strategise and Execute*** beroreintasikan **value-driven performance**. Secara kolektif, kepakaran warganya telah berjaya menjalankan kolaborasi industri dan memperkasa keusahawanan bagi menjamin kemampunan pendidikan alam bina dan graduannya. Manakala, melalui iDART, lima tunjang prinsipnya menjadi intipati akauntabiliti amalan warga dalam merealisasikan usaha FSPU/KAB dan seterusnya misi dan visi UiTM (1.2.2e Aspirasi ESI-iDART UiTM).

Di peringkat operasi, kepimpinan kanan amat menitikberatkan kemampunan kompetensi industri profesional warga akademiknya melalui kelayakan lembaga profesional dan kelayakan badan/pertubuhan profesional peringkat nasional dan antarabangsa (1.2.3a-d Statistik & Pengiktirafan Profesional). Pendekatan ini juga telah menjadi pemangkin utama kepada mewujudkan jaringan industri (1.2.3e-g MoU & MoA). Kepercayaan industri, telah dibuktikan melalui projek perundingan dan dana penyelidikan, lantikan pakar rujuk pelbagai sektor dan badan profesional serta lantikan jawatankuasa yang memayungi bidang profesional alam bina (1.2.4a-d Penglibatan Staf Akademik di Industri). Impak kolaborasi bersama industri telah menjadi tunjang kepada pembangunan dan penyampaian kurikulum yang berpaksikan ***industry-relevant skills*** di mana kepimpinan kanan amat menekankan kemampunan pengiktirafan program akademik dari pihak lembaga dan badan profesional serta kebolehpasaran graduan (1.2.4e-f Akreditasi Program & Kebolehpasaran Graduan).

Pendekatan keusahawanan KAB/FSPU mendokong salah satu tema strategik teras Pendidikan Berkualiti UiTM2025 ke arah matlamat UiTM sebagai sebuah universiti terkemuka menumpukan bidang keusahawanan. Justeru, kepimpinan kanan menggalas **intervensi keusahawanan** UiTM melalui MASMED yang menawarkan platform untuk pelajar menzahirkan potensi mereka bagi melahirkan graduan yang seimbang dan kompeten di peringkat global yang mampu mengatasi masalah pengangguran di kalangan graduan. Melalui Unit Keusahawanan FSPU/KAB, tujuan pelan strategik keusahawanan komprehensif telah diambil (1.2.5a-b Strategik Keusahawanan). Kaedah penumpuan terhadap pencetusan minda keusahawanan, kemahiran dan peluang telah digarap melibatkan pelajar, pensyarah dan pemegang taruh (1.2.5c Inisiatif Keusahawanan). Pendekatan ini jelas menzahirkan kecaknaan kepimpinan kanan terhadap keperluan dan impak JI&K yang saling bersilang dan berkaitan, melalui pendekatan sinergi kolektif tanpa mengetepikan nilai individu warganya dalam usaha melahirkan profesional alam bina seiring dengan visi dan misi UiTM.

**SENARAI BUKTI:**

1. [F0080\\_K01\\_KB02\\_20231\\_1.2.1a-d Aspirasi, Inisiatif, Dasar, Piagam Pelanggan\\_Objektif Kualiti FSPU\\_KAB.pdf](#)
2. [F0080\\_K01\\_KB02\\_20232\\_1.2.2a-d Carta Organisasi \\_Kepimpinan, 1.2.2e. Aspirasi ESI\\_iDART UiTM.pdf](#)
3. [F0080\\_K01\\_KB02\\_20233\\_1.2.3a-d Statistik, Pengiktirafan Profesional, 1.2.3e-g MoU MoA.pdf](#)
4. [F0080\\_K01\\_KB02\\_20234\\_1.2.4a-d Penglibatan Staf Akademik,1.2.4e-f Akreditasi Program Kebolehpasaran Graduan.pdf](#)
5. [F0080\\_K01\\_KB02\\_20235\\_1.2.5a-b Strategik Keusahawanan 1.2.5c Inisiatif Keusahawanan.pdf](#)

### **1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Tujuhan JI&K telah digerakkan melalui perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek melalui Unit Perancangan Strategik FSPU/KAB. Umumnya, Unit Jaringan Industri melalui Dekan ICAN dan Unit Keusahawanan menerajui bidang tujuan ini. Di peringkat organisasi, sinergi perluasan telah digalas dan dilaksanakan secara kolektif oleh warganya. Pada tahun 2022, 20 projek telah dirancang menasarkan impak positif bagi mencapai objektif dan pentunjuk prestasi (PI) JI&K. Melalui enam teras-Model inisiatif JI&K, projek digerakkan secara bersilang dan saling berkaitan bagi menghasilkan impak optimum bidang tumpuan yang meliputi pelbagai aspek ekosistem pendidikan dan pemegang taruh (1.3.1a-d Perluasan Unit Perancangan Strategik).

Kemampanan program profesional dan ekosistem pendidikan FSPU/KAB digalas oleh staf akademik berkelayakan kompetensi profesional di peringkat nasional dan antarabangsa. Pelaksanaan ini menjadi amalan teras dan dipadukan dengan kolaborasi industri bagi memastikan keperluan industri terkini dan terkehadapan diserap ke dalam pembangunan kurikulum dan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang melibatkan kursus-kursus teras program dan keusahawanan (1.3.2a-d Kolaborasi Industri Untuk Kemampanan Program dan Kompetensi). Untuk kekal relevan, staf akademik giat mempraktiskan kompetensi industri. Melalui ICAN, peluang jaringan telah dikenalpasti, kepakaran staf diketengahkan dan seterusnya digalas bersama warganya melalui pusat pengajian. Kepercayaan dan pengiktirafan industri telah menghasilkan dua MoA dan tujuh MoU. Manakala, 24 projek telah dianugerahkan dengan nilai keseluruhan hampir RM1.3 juta. Perluasan **kepakaran silang disiplin** alam bina, merentas pusat pengajian dan luar kolej diamalkan supaya impak jaringan lebih komprehensif meliputi pelbagai amalan alam bina, bertepatan dengan amalan industri. **Inisiatif mentor-mentee** digembung melibatkan pensyarah berpengalaman industri dengan pensyarah yang sedang membina pengalaman, serta melibatkan secara langsung pelajar FSPU/KAB. Perluasan ini mendukung tema strategik UiTM2025 tahun 2022, yang menumpukan **Kompetensi Global** (1.3.3a-d Perluasan Kompetensi Global Jaringan Industri).

Perluasan objektif dan inisiatif JI&K juga dipacu bersama **Pertubuhan Alumni Alam Bina** (PAAB). Alumni merupakan pemegang taruh utama dan menjadi pemangkin kepada sinergi dalam mewujudkan rakan strategik industri. FSPU/KAB telah melahirkan **Kapten Industri** dan **Notable Alumni** berjaya, menjadi teladan dan inspirasi kepada pelajar. Sokongan alumni menunjukkan kesetiaan dan sokongan mereka terhadap usaha pemupukan berterusan kualiti operasi FSPU/KAB terutamanya impak bidang tujuan JI&K melalui pelbagai kolaborasi dan aktiviti seperti lantikan profesor adjung, panel industri, panel penilai industri dan perkongsian ilmu industri. Selain daripada itu, memberi manfaat kepada penempatan pelajar latihan industri dan juga peluang pekerjaan kepada graduan (1.3.4a-b Perluasan JI&K Melalui Alumni).

Kepimpinan amat cakna dengan kemelut dan saingen kelangsungan graduannya sebaik sahaja tamat pengajian. Selaras dengan visi UiTM sebagai universiti terkemuka dalam bidang keusahawanan, inisiatif FSPU/KAB berterusan mendukung aspirasi UiTM 2025 dan usaha MASMED dalam **mentransformasikan pelajar melalui keusahawanan** supaya mampu berdikari mencipta pekerjaan dan mewujudkan peluang pekerjaan kepada yang lain melalui keusahawanan. Pelaksanaan lapan inisiatif keusahawanan FSPU/KAB telah digerakkan melibatkan komitmen pelajar, staf akademik dan pemegang taruh (1.3.5a-b Perluasan Keusahawanan).

Menerajui organisasi, kepimpinan kanan mencerap inisiatif JI&K melalui input halatuju dari pemegang taruhnya. Justeru, **perluasan komunikasi** amat penting supaya pelaksanaan dan pencapaian dihebahkan kembali kepada pemegang taruh utama dan komuniti luar. Hebahan dalam talian dilaksanakan melalui laman sesawang dan juga media sosial rasmi untuk lebih cekap, pantas dan efektif dalam menyalurkan sumber maklumat (1.3.5c Hebahan Bidang Tumpuan JI&K).

**SENARAI BUKTI :**

1. [F0080\\_K01\\_KB03\\_20231\\_1.3.1a-d Peluasan Unit Perancangan Strategik.pdf](#)
2. [F0080\\_K01\\_KB03\\_20232\\_1.3.2a-d Kolaborasi Industri Untuk Kemampunan Program dan Kompetensi.pdf](#)
3. [F0080\\_K01\\_KB03\\_20233\\_1.3.3a-d Perluasan Kompetensi Global Jaringan Industri .pdf](#)
4. [F0080\\_K01\\_KB03\\_20234\\_1.3.4a-b Perluasan JI\\_K Melalui Alumni .pdf](#)
5. [F0080\\_K01\\_KB03\\_20235\\_1.3.5a-b Perluasan Keusahawanan, 1.3.5c Hebahan Bidang Tumpuan JI\\_K.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Usaha FSPU/KAB mencapai ***Generations of Professional Excellence*** melalui nilai ESI-iDART berlandaskan ekosistem ***Comprehensively Excellent*** bagi memacu peningkatan keahlian profesional staf akademik di setiap pusat pengajian. Pemantauan dilaksana secara kolektif dan komprehensif bagi meningkatkan keahlian profesional warganya (1.4.1.1 Carta Alir Pemantauan FSPU/KAB). PNC mengetuai pemantauan melalui Mesyuarat Pengurusan Kolej Pengajian dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) berkaitan pemerksaan kompetensi profesional warganya termasuk memantau risiko terhadap pencapaian usaha tersebut yang menunjukkan kekurangan bilangan staf akademik berkelayakan professional dalam pusat pengajian dan risiko yang berkaitan sekiranya keadaan ini berterusan (1.4.1.2a Petikan MKSP Bil1\_2022). Pemantauan di tahap pusat pengajian melibatkan ketua pusat pengajian memupuk usaha meningkatkan keahlian badan profesional di kalangan pensyarah melalui hebahan di platform komunikasi sedia ada (1.4.1.2b Galakan Keahlian Profesional) dengan mengambil kira keperluan lembaga dan badan akreditasi profesional (1.4.1.2c Laporan Akreditasi Perancangan Bandar) dan melalui penentuan syarat kompetensi profesional ketika proses pelunjuran dan pengambilan staf akademik yang baru (1.4.1.2d Minit Mesyuarat PPPBW Bil.4\_Disember2021).

Pemantauan pelaksanaan keberkesanan dasar dan strategi FSPU/KAB dalam bidang tumpuan diselaraskan dengan merujuk kepada Manual Tadbir Urus & Pekeliling UiTM, Polisi & Panduan Pengurusan Risiko UiTM, Strategi ICAN dan MASMED bagi menentukan kesepaduan usaha mencapai kecemerlangan ***kompetensi global*** melalui kolaborasi JI&K bermatlamat meletakkan UiTM sebagai Universiti Tersohor Dunia (1.4.1.3a Rujukan Pemantauan). Pelan pemantauan bidang tumpuan merujuk kepada pemetaan petunjuk prestasi (PI) serta daftar risiko yang melibatkan projek keusahawanan, jalinan industry, PdP, Geran Penyelidikan dan Perundingan dan kolaborasi badan professional (1.4.1.3b Pemetaan Projek PI & Daftar Risiko). FSPU/KAB meneruskan fokus kepada laporan kemajuan projek bagi memantau pencapaian PI dalam bidang tumpuan JI&K yang ditentukan dapat melonjakkan UiTM menuju ***Globally Renowned University*** (1.4.1.3c Laporan Kemajuan Projek).

Peringkat pemantauan seterusnya melibatkan mesyuarat di kalangan jawatankuasa yang dilantik seperti Unit Kualiti dan Perancangan Strategik, Unit Pengurusan Risiko, Unit ICAN dan Unit Keusahawanan. Ketua Unit Kualiti bertanggungjawab membantu kepimpinan kanan melaksanakan pengurusan berkualiti dan cemerlang secara berterusan, termasuk memantau keberkesanannya melalui pembentangan laporan dalam MKSP (1.4.1.4 Sorotan Pelaporan dalam MKSP). Untuk kelancaran proses pemantauan, pentadbir akademik sebagai Ketua Unit/Koordinator/Penyelaras telah dilantik bagi mengetuai dan mengurus pelaksanaan pelan tindakan strategik dan projek yang telah direncanakan agar usaha tersebut berjalan lancar (1.4.1.5 Pelantikan Ketua Unit/Koordinator/Penyelaras).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0080\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20231\\_1.4.1.1 Carta Alir Pemantauan FSPU\\_KAB.pdf](#)
2. [F0080\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20232\\_1.4.1.2a-d.pdf](#)
3. [F0080\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20233\\_1.4.1.3a-c.pdf](#)
4. [F0080\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20234\\_1.4.1.4 Sorotan Pelaporan dalam MKSP.pdf](#)
5. [F0080\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20235\\_1.4.1.5 Pelantikan Ketua Unit. Koordinator dan Penyelaras.pdf](#)

#### **1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan, mengenalpasti ketidaktentuan yang menyumbang kepada risiko ke atas sesuatu inisiatif adalah amat penting. Justeru, kepimpinan kanan FSPU/KAB telah mengambil langkah proaktif dengan menggariskan beberapa langkah bagi mengawal risiko. Pendekatan pelaporan kemajuan dan pencapaian sasaran PI adalah salah satu contoh di mana pihak kepimpinan kanan menilai semua ketidaktentuan dan risiko yang ada bagi memastikan semua PI yang ditetapkan dicapai (1.4.2.1a PI Achievement Report UiTM 2022). Unit Perancangan Strategik FSPU/KAB bertanggungjawab melaporkan pencapaian setiap PI secara berkala. Manakala setiap projek yang dirancang untuk setiap PI juga diteliti dan dinilai tahap risikonya bagi menjamin pelaksanaannya berjalan dengan baik dan mencapai objektif yang telah ditetapkan (1.4.2.1b Project and Risk Mapping Report).

Komunikasi dua hala adalah salah satu usaha yang diterapkan oleh pihak kepimpinan kanan FSPU/KAB bagi mengawal risiko dalam memastikan pencapaian bidang tujuan JI&K yang telah ditetapkan bertunjangkan enam teras inisiatif JI&K yang berpaksikan tumpuan model kepimpinan FSPU/KAB iaitu ***Generations of Professional Excellence*** (1.4.2.2a Model Inisiatif JI&K). Komunikasi secara berkala dan konsisten bersama badan profesional, pihak industri dan alumni telah banyak membantu pihak kepimpinan kanan memantapkan pelaksanaan aktiviti dan projek secara lebih efektif dan efisien (1.4.2.2b Minit Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan).

Menjalinkan aktiviti hubungan dan kerjasama strategik antara FSPU/KAB dan pihak majikan dan industri bertujuan menghasilkan impak positif serta manfaat kepada universiti dan pelajar khususnya. Kerjasama yang terjalin menerusi MoU/MoA menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan seperti pemindahan pengetahuan dan ilmu, serta memupuk inovasi (1.4.2.3 Bilangan MoU/MoA). Bagi menguruskan MoU/MoA yang ditandatangani oleh pihak industri, pihak kepimpinan kanan telah menjadikan garis panduan pengurusan MoU/MoA yang telah dikeluarkan oleh pihak UiTM sebagai panduan. Hal ini bagi memastikan pelaksanaan dan pemantauan dapat dilaksanakan dengan lebih teratur (1.4.2.4 Pekeliling Pengurusan MoU/MoA UiTM).

Seiring dengan visi UiTM yang menggariskan aktiviti keusahawanan sebagai tunjang dalam melahirkan graduan yang berdaya saing dalam bidang keusahawanan, pihak kepimpinan kanan mengambil langkah proaktif seperti memperkenalkan inisiatif Pasar Rabu (1.4.2.5a Kertas Kerja Pasar Rabu 2022). Bagi memastikan objektif program ini tercapai, pihak FSPU/KAB telah mensasarkan penglibatan semua pelajar yang menjalankan perniagaan sendiri untuk mengikuti aktiviti Pasar Rabu ini (1.4.2.5b Surat Kelulusan Pasar Rabu 2022).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0080\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20231\\_1.4.2.1a-b.pdf](#)
2. [F0080\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20232\\_1.4.2.2a-b.pdf](#)
3. [F0080\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20233\\_1.4.2.3 Bilangan MoU\\_Moa FSPU tahun 2022.pdf](#)
4. [F0080\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20234\\_1.4.2.4 Pekeliling Pengurusan MoU\\_MoA UiTM.pdf](#)
5. [F0080\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20235\\_1.4.2.5a-b.pdf](#)

### **1.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Kepimpinan kanan FSPU/KAB sentiasa komited dan konsisten menggarap peluang dan melaksanakan penambahbaikan berterusan bagi memastikan kecemerlangan penyampaian operasi dan perkhidmatannya supaya mencapai objektifnya. Penstrukturkan semula fakulti kepada kolej, telah meperlihatkan kepimpinan kanan terus cakna terhadap persekitaran dalaman dan luaran yang mempengaruhi pencapaian bidang tujuan JI&K. Tumpuan terhadap proses penambahbaikan telah dilakukan secara komprehensif bagi setiap projek yang dirangka bagi mencapai sasaran PI yang telah ditetapkan. Antara pendekatan yang dilakukan adalah dengan mewujudkan inisiatif Pelan Tindakan Strategi yang dikelolakan oleh Unit Perancangan Strategik FSPU/KAB, dimana penetapan PI diagihkan kepada setiap pusat pengajian mengikut kapasiti dan kekuatan (1.4.3.1a Pelan Tindakan Strategi). Pelan tindakan penambahbaikan ini, telah membawa hasil apabila FSPI/KAB berjaya memperolehi pencapaian yang membanggakan dengan berjaya mendapat pencapaian keseluruhan **lima bintang (80%)** PI yang telah ditetapkan (1.4.3.1b PI Achievement Report UiTM 2022).

Strategi penambahbaikan FSPU/KAB adalah berdasarkan kepada objektif kualiti secara berterusan yang selari dengan Dasar Kualiti UiTM (1.4.3.2 Objektif Kualiti FSPU/KAB). Hal ini dapat dilihat apabila Unit Perancangan Strategik melancarkan beberapa inisiatif ke arah penambahbaikan bagi mencapai sasaran PI yang telah ditetapkan. Intipati inisiatif ini melibatkan pembentangan secara berkala laporan gerak kerja yang menumpukan kepada kemajuan projek dan perkara berbangkit bagi merangka strategi penambahbaikan untuk mengurangkan potensi risiko yang boleh membawa kepada kegagalan projek. Pencapaian PI pusat pengajian yang telah dipertanggungjawabkan juga dibentangkan melalui penyediaan pelaporan berkala pencapaian semasa di mesyuarat MKSP (1.4.3.3 Minit Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan 2022). Tindakan penambahbaikan dilaksanakan dengan memberi penekanan kepada aspek proses pemantauan, maklum balas pelanggan, mengenalpasti risiko dan seterusnya mengkaji semula proses. Seperti contoh, maklumbalas pemegang taruh lembaga profesional akreditasi di ambil perhatian dan tindakan khusus dan seterusnya melaksanakan penambahbaikan bagi memastikan kemampanan program akademik dan juga kompetensi staf akademiknya (1.4.3.4 Minit Mesyuarat Lawatan Akreditasi Penuh AP221 tahun 2022).

Tindakan selari juga diambil ke atas inisiatif keusahawanan melalui pemantauan berkala yang unit keusahawanan FSPU/KAB dan MASMED UiTM. Pelaporan projek meliputi analisis, tindakan yang telah diambil, hasil yang telah dicapai serta perancangan untuk masa hadapan. Pelaporan ini akan dikemukakan terus kepada kepimpinan kanan FSPU/KAB bagi mendapatkan gambaran penuh program yang telah dilaksanakan (1.4.3.5 Laporan Penutup Program Built Entrepreneur's Day 2022)

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0080\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20231\\_1.4.3.1a-b.pdf](#)
2. [F0080\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20232\\_1.4.3.2 Objektif Kualiti FSPU\\_KAB.pdf](#)
3. [F0080\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20233\\_1.4.3.3 Minit Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan 2022.pdf](#)
4. [F0080\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20234\\_1.4.3.4 Minit Mesyuarat Lawatan Akreditasi Penuh AP221 tahun 2022.pdf](#)
5. [F0080\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20235\\_1.4.3.5 Laporan Penutup Program BuiltEntrepreneur\\_s Day 2022.pdf](#)

## **1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Kepimpinan kanan menetapkan halatuju FSPU/KAB sebagai ***Generations of Professional Excellence*** untuk mendukung nilai ESI-iDART dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan, **Notable Alumni, Kapten Industri**, peluang pekerjaan kepada graduan, kompetensi staf akademik sebagai pakar rujuk dan mentor industri serta profesionalisme staf melalui keterlibatan dengan badan professional, industri, agensi kerajaan dan bukan kerajaan. Komitmen kepimpinan kanan terhadap aspirasi UiTM diterjemahkan dalam bentuk dasar, pelan strategik dan piagam pelanggan sebagai asas pelaksanaan kepada semua warganya (1.5.1 Komitmen Kepimpinan Kanan)

Usaha kepimpinan kanan FSPU/KAB terhadap pencapaian objektif dan inisiatif organisasi dimulai dengan penetapan model kepimpinannya. Pembudayaan kecemerlangan yang diterapkan selari dengan visi, misi dan objektif UiTM dan KPT melalui pembudayaan ekosistem ***Comprehensively Excellent***. Terdapat usaha komprehensif oleh FSPU/KAB dalam menggarap nilai kolektif ESI terhadap integrasi kecemerlangan dalam bidang tumpuan JI&K yang meliputi enam teras inisiatif yang ditumpukan kepada ***Teaching & Learning, Direct Linkage to Board, Student Development, Leadership by Example, Industrial Trust & Recognition*** dan ***Consultancy Contract Research*** (1.5.2 Model Inisiatif JI&K FSPU/KAB).

Pembudayaan nilai ***Excellence*** dilaksanakan melalui komponen teras kecemerlangan PdP dan pembangunan pelajar. Proses pengendalian PdP disokong oleh Unit Kualiti FSPU/KAB dalam menentukan kecemerlangan operasi PdP dan pembangunan pelajar dilaksana dengan tersusun. Ini terbukti, apabila FSPU/KAB telah melakar kejayaan sebagai **Juara Keseluruhan AKNC2022** melalui bidang tumpuan PdP dan diikuti dengan kemenangan bagi lima kategori sampingan. Bagi meneruskan kecemerlangan PdP, FSPU/KAB telah menerapkan sesi syarahan industri (webinar), pengajaran kolaboratif (CGCT), lantikan panel industri dan pemeriksa luar melalui inisiatif jaringan industri. Program PdP dan pembangunan pelajar turut tertumpu kepada aspek keusahawanan (1.5.3 Kecemerlangan PdP dan Pembangunan Pelajar).

Inisiatif terhadap nilai ***Synergy*** telah dirangka melalui penstrukturkan semula FSPU kepada KAB pada tahun 2022. 10 buah pusat pengajian sediada digabungkan menjadi lima pusat pengajian yang bersepdu agar sinergi kepakaran terhasil dari gabungan tersebut. Pendekatan integrasi ini telah dihebahkan melalui taklimat PNC kepada warga FSPU/KAB. Usaha menggalakkan staf akademik mendepani langkah jaringan industri bersama badan akreditasi dan professional turut menerbitkan hubungan baik dengan pihak industri peringkat nasional dan antarabangsa. Kecemerlangan melalui sinergi usahasama tersebut diangkat melalui pembudayaan jalinan kerjasama MoU dan MoA yang dimeterai antara FSPU/KAB dengan pelbagai pihak industri dalam mengukuhkan aspek bidang tumpuan JI&K (1.5.4 Langkah Sinergi oleh FSPU/KAB).

Nilai ***Integrity*** dipupuk dengan pembudayaan inisiatif JI&K melalui salah satu inisiatif model kepimpinan iaitu ***Leadership by Example*** sebagai inspirasi dan galakkan staf akademik meningkatkan kompetensi dan pengetahuan supaya dapat melahirkan pakar rujuk dan mentor industri. PNC mengungguli langkah sebagai ***role model*** profesional cemerlang kepada warganya dengan mengekalkan penglibatannya sebagai pakar rujuk industri. Selain itu, staf akademik turut mendapat kepercayaan dari pihak industri dan agensi kerajaan dalam aspek penganugerahan geran penyelidikan dan dana perundingan. Staf dan pelajar FSPU/KAB juga telah menjuarai dan mendapat pengiktirafan melalui pertandingan yang dianjurkan oleh pihak industri di pelbagai peringkat. Selain pembudayaan inisiatif secara kolektif, kepimpinan kanan juga telah menekankan pembudayaan nilai individu i-Dart dikalangan warganya supaya membudayakan sifat berakauntabiliti dalam melaksanakan tanggungjawab yang diberikan. Sokongan dan motivasi berterusan diamalkan bagi kelangsungan pembudayaan. Salah satunya adalah melalui Majlis Kecemerlangan KAB (CBEEEx2022) di mana kategori anugerah JI&K telah anugerahkan kepada warganya yang cemerlang (1.5.5 Pembudayaan Integriti).

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0080\\_K01\\_KB05\\_20231\\_1.5.1 Komitmen Kepimpinan Kanan.pdf](#)
2. [F0080\\_K01\\_KB05\\_20232\\_1.5.2 Model Inisiatif JI\\_K FSPU\\_KAB.pdf](#)
3. [F0080\\_K01\\_KB05\\_20233\\_1.5.3 Kecemerlangan PdP dan Pembangunan Pelajar.pdf](#)
4. [F0080\\_K01\\_KB05\\_20234\\_1.5.4 Langkah Sinergi oleh FSPU\\_KAB.pdf](#)
5. [F0080\\_K01\\_KB05\\_20235\\_1.5.5 Pembudayaan Integriti.pdf](#)

## **KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK**

### **2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

#### **Perancangan**

Pelan Tindakan Strategik FSPU/KAB 2022 telah dirangka khusus bagi memacu kecemerlangan agenda strategik universiti seiring dengan Model Kepimpinan FSPU/KAB bagi menghasilkan ***Generations of Professional Excellence*** dengan penerapan nilai teras yang melibatkan ***Teaching and Learning, Consultancy Contract Research, Student Development, Industrial Trust and Recognition, Direct Linkage to the Board and Leadership by Example*** yang memfokuskan bidang Jaringan Industri dan Keusahawanan (JI&K). Perancangan **PTS\_FSPU/KAB2022** telah melibatkan tujuh pengarah program yang dilantik dengan memfokuskan tujuh kriteria yang berbeza iaitu jaringan industri, komuniti dan alumni, keusahawanan, akademik dan antarabangsa, hal ehwal pelajar, penyelidikan dan inovasi, korporat, dan pendaftar. Justeru, FSPU/KAB telah merancang 36 projek yang berimpak dan beriltizam memastikan JI&K terus diperhebat dalam memastikan kecemerlangan FSPU/KAB dapat dipertingkatkan dengan kerjasama industri yang kukuh dan nilai keusahawanan yang teguh.

#### **Pelaksanaan**

Pelaksanaan PTS\_FSPU/KAB2022 adalah berpandukan kepada semua **36 projek** yang telah dirancang berlandaskan kesepakatan semua ahli pelaksana di bawah projek strategik dengan sokongan padu dari pengarah program yang merupakan ahli pengurusan tertinggi FSPU/KAB. Pengarah program telah melantik seorang pengurus projek bagi memastikan pelaksanaan projek dijalankan dengan sistematik dan holistik. Pelaksanaan setiap aktiviti projek **dipetakan dengan sasaran 63 petunjuk prestasi Performance Indicator (PI)** yang diturunkan oleh peneraju universiti kepada FSPU/KAB. Seterusnya, pencapaian ke atas sasaran semua PI **diagihkan kepada 10 pusat pengajian (PP)** bagi memastikan setiap usaha yang dipertanggungjawabkan dapat **dilaksanakan dengan baik oleh warga FSPU/KAB** berdasarkan kekuatan dalam JI&K yang dipacu oleh profil staf dan pelajar yang mampan.

#### **Pemantauan**

Prestasi pelaksanaan setiap projek strategik dan pencapaian PI ini **dipantau secara berkala bagi setiap bulan dan sukuan tahun** menerusi beberapa **siri perbincangan dan perkongsian** antara semua pengarah program, pengurus projek dan Penolong Naib Canselor (PNC) menerusi capaian *GoogleMeet*, kumpulan *WhatsApp* dan pautan *GoogleDrive*. Semua prestasi semasa projek yang dilaporkan menerusi *GoogleDrive* ini akan disemak oleh Penyelaras Strategik Transformasi Universiti (PSTU) sebelum dimuatnaik ke sistem Bahagian Transformasi Universiti (BTU) bagi rekod pencapaian keseluruhan. PI yang disasarkan turut dipantau secara berkala pada setiap awal bulan sebelum dimuat naik ke laman UePMO sebagai rekod rasmi universiti. Pengurusan kanan memandang serius ke atas rekod setiap pencapaian berkala ini. Setiap sasaran PI yang tidak mempunyai pencapaian yang positif perlu menjalani **proses audit strategik** yang mendalam berhubung punca dan potensi kebolehlaksanaan. Manakala prestasi PTS yang dipetakan bersama dengan 63 PI dilancarkan bersama **pelan mitigasi** berlandaskan **hasil penilaian risiko** bagi memastikan **projek strategik yang signifikan**, terancang dan sistematik berjalan seiring dengan misi kualiti kolej dan universiti.

#### **Tindakan Penambahbaikan**

Prestasi semasa ke atas PI dan PTS\_FSPU/KAB2022 yang dipaparkan hasil dari pemantauan

berkala dicaturkan dengan **tindakan drastik penambahbaikan**. Bagi PI khususnya berkaitan JI&K yang belum mencapai sasaran telah dikaji punca kegalannya ke atas pencapaian semasa. **Sumber yang berpotensi** bersama **inisiatif terbaik** yang telah dikenalpasti ke arah penyumbangan pencapaian PI dicaturkan sebaik mungkin dalam merancakkan usaha pencapaian secara berterusan. Analisis prestasi keterlibatan dan sumbangan setiap PP dalam menyumbang pencapaian PI telah disusuli dengan sesi perbincangan khusus antara setiap ketua PP bersama pengurusan kanan. Ini bertujuan bagi memastikan alternatif yang direncanakan merupakan solusi terbaik ke atas usaha pencapaian PI sekaligus memastikan pencapaian strategik FSPU/KAB pada skala maksima.

## **2.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

Sejajar dengan matlamat strategik UiTM menjadi universiti terkemuka dunia menjelang 2025, FSPU/KAB terus mengorak langkah secara proaktif dalam memacu kecemerlangan melalui bidang tumpuan yang memfokuskan (JI&K). (2.2.1 Model Kepimpinan KAB). PTS FSPU/KAB2022 yang dirangka, diketuai oleh tujuh Pengarah Program terdiri daripada pengurusan tertinggi FSPU/KAB memfokuskan kepada tujuh kriteria seperti jaringan industri, komuniti dan alumni, keusahawanan, akademik dan antarabangsa, hal ehwal pelajar, penyelidikan dan inovasi, korporat dan pendaftar. Pengarah Projek pula dibantu 36 Pengurus Projek dan Ahli Pasukan masing-masing (2.2.2 PTS FSPU/KAB2022). Anjakan paradigma yang memfokuskan JI&K, Unit Perancangan Strategik FSPU/KAB (UPS FSPU/KAB) dengan kerjasama Unit Kualiti FSPU/KAB yang berfungsi memantau kualiti di FSPU/KAB, turut menjadi pelengkap dalam menggalas matlamat perancangan strategik FSPU/KAB2022. UPS turut mendapat kerjasama penuh daripada semua warga FSPU/KAB secara kolektif, bagi menggerak dan memperkasakan program, projek strategik dan aktiviti sepanjang tahun 2022.

UPS FSPU/KAB turut merancang inisiatif berdasarkan objektif perancangan strategik mengikut dua bidang tumpuan yang telah dikenal pasti. Justeru, inisiatif yang memfokuskan objektif **Jaringan Industri** dilaksana melalui pemerkasaan hubungan dengan industri tempatan dan luar negara, dan turut melibatkan MoU/MoA bersama industri. Projek yang dirancang akan menyuntik hubungan dengan pihak industri, untuk terus melakar kegemilangan FSPU/KAB. Antara projek yang dirancang dan berkolaborasi dengan jaringan industri seperti **Projek gloBE** dan **Projek Built Environment Excellent Mission**. Objektif Projek *gloBE* bertujuan meningkatkan hubungan kerjasama dengan universiti dan industri luar negara, penglibatan dan pendedahan pelajar dalam program antarabangsa tentang isu global, penambahan bilangan MoU/MoA dengan *Top 300 QS World University Ranking* di peringkat antarabangsa dan pelaksanaan program antarabangsa mengikut MoU/MoA yang aktif bagi tahun 2022. (2.2.3a-c Projek AP2022 @ 05 gloBE AP2022). Pelaksanaan perancangan strategik turut melibatkan Projek *Built Environment Excellent Mission* dengan merancang dua aktiviti pembangunan penjenamaan tokoh tersohor industri dalam bidang Alam Bina sekaligus berupaya membentuk imej positif pihak luar terhadap FSPU/KAB. (2.2.4a-c Projek AP2022 @ 28 BEEM).

Manakala, inisiatif yang memfokuskan objektif **Keusahawanan** dirancang untuk meningkatkan jumlah pelajar FSPU/KAB menjadi graduan usahawan, usaha menjalankan program ke arah keusahawanan sosial dan menggalakkan penyertaan pelajar dalam program keusahawanan. Bagi memperkasa inisiatif tersebut, empat projek telah dirancang seperti **Projek FSPU Digital Entrepreneurship** yang memfokus pelajar berpikiran kritis dan kreatif dalam bidang perniagaan, serta usaha melestarikan ekosistem keusahawanan yang seimbang setelah pelajar bergraduat (2.2.5a-c Projek AP2022 @10 FMarD). Pendekatan **Program FSPU Market Day** merancang ekosistem keusahawanan di kalangan pelajar dalam kampus dan menerapkan budaya keusahawanan di kalangan graduan. Program tersebut membantu pelajar menambah pendapatan dan meningkatkan modal permulaan tanpa memerlukan permis. Pelaksanaan **Program FSPU Entrepreneurship Summer Camp** memberi pendedahan kepada pelajar tentang dunia usahawan menerusi pelbagai program *summer camp*. **Program FSPU STARTUP** dirancang untuk menyuntik ekosistem keusahawanan dari semua pusat pengajian FSPU/KAB serta mengenalpasti projek-projek yang berdaya maju untuk program *incubator* bersama MASMED. Justeru, semua perancangan strategik program jaringan industri akan dapat mewujudkan peluang keusahawanan di kalangan pelajar dan graduan FSPU/KAB.

Pengamalan budaya kerja pengurusan tertinggi FSPU/KAB dapat memperkasakan JI&K melalui semua program yang dirancang. Pendekatan yang telah dirancang ke atas semua program strategik merupakan inisiatif dalam mencapai misi JI&K bukan hanya di FSPU/KAB, malah di peringkat universiti.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [ГУУОУ\\_РУІ\\_РДУІ\\_20231\\_2.2.1\\_Модель\\_репрезентації\\_РАДЗУЦЬ.пнг](#)
2. [F0080\\_P01\\_PB02\\_20232\\_2.2.2 PTS\\_FSPU\\_KAB2022.pdf](#)
3. [F0080\\_P01\\_PB02\\_20233\\_2.2.3 Проект AP2022@05\\_gloBE.pdf](#)
4. [F0080\\_P01\\_PB02\\_20234\\_2.2.4 Проект AP2022@28\\_BEEM.pdf](#)
5. [F0080\\_P01\\_PB02\\_20235\\_2.2.5 Проект AP2022@10\\_FMarD.pdf](#)

### **2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Sasaran ke arah *Generations of Professional Excellence* melalui Model Kepimpinan FSPU/KAB menjadi sandaran dalam menerap nilai teras *Teaching and Learning, Consultancy Contract Research, Student Development, Industrial Trust and Recognition, Direct Linkage to the Board and Leadership by Example* dengan memfokuskan JI&K, selain PTS FSPU/KAB 2022 menerapkan 63 *PI* dalam 36 projek berimpak. (2.3.1a-b Model Kepimpinan & PTS FSPU/KAB2022). Kesemua sasaran *PI* telah diturunkan kepada semua pusat pengajian berdasarkan nisbah profil PP bagi membantu mencapai sasaran FSPU/KAB. Proses pemantauan PTS di peringkat FSPU/KAB dilakukan secara berkala pada setiap suku tahunan iaitu pada bulan Mac, Jun, September dan Disember 2022, bagi memastikan agenda strategik yang dirancang berjaya dicapai. (2.3.2a-d Pemantauan FSPU Strategic Action Plan 2022 - 2026). Pelaksanaan *PI* turut dipantau oleh pengurusan tertinggi UiTM melalui Penyelaras Strategik Transformasi Universiti (PSTU) bagi memastikan kelancaran dan usaha menggerakkan inisiatif bidang tumpuan mencapai sasaran ditetapkan. Proses penyebarluasan yang mempraktis inisiatif *Student Development* digerakkan menerusi Jaringan Industri. Manakala, inisiatif *Leadership by Example* diketengahkan melalui projek strategik Keusahawanan. Perluasan telah digembung untuk kesemua projek yang telah dirancang, dengan menjurus kepada projek strategik kolaborasi jaringan industri dan memperkasakan keusahawanan di kalangan pelajar dan graduan, di peringkat national dan antarabangsa.

Pelaksanaan projek strategik keusahawanan FSPU/KAB telah berjaya mencapai 100% sasaran *PI* yang telah ditetapkan. Projek *FSPU Digital Entrepreneurship*, *FSPU Market Day* dan *FSPU Entrepreneurship Summer Camp* menjadi pemangkin keusahawanan pelajar FSPU/KAB dalam menjalankan perniagaan di kampus dalam tempoh pengajian. (2.3.3a-d SAP 2022). Projek *FSPU Market Day* yang melibatkan 30 gerai telah dilaksanakan dengan konsep ‘*Go Green: Gearing Plastic Free Market*’. Pelaksanaan projek *FSPU Digital Entrepreneurship* memperkasakan usahawan menggunakan *Facebook*, *Instagram*, *Canva* dan *WhatsApp* sebagai medium perniagaan. Projek *FSPU Entrepreneurship Summer Camp* yang telah dilaksanakan di *MRANTI Business Park*, Bukit Jalil melibatkan sebelas (11) pusat pengajian termasuk Pusat Pengajian Siswazah. Pelaksanaan projek *FSPU STARTUP* merupakan projek kolaborasi antara industri dan pelajar Sarjana Muda bagi menghasilkan model perniagaan berteraskan inovasi dan teknologi. Selain itu, program anjuran *Princess Narathiwat University*, menerusi agenda keusahawanan FSPU/KAB melalui ekosistem universiti celik usahawan dan berinovasi tinggi telah berjaya memenangi tempat kedua pertandingan hasil inovasi dan rekabentuk produk-produk komersial bertaraf antarabangsa. Justeru, program berstrategikan antarabangsa ini berjaya meletakkan FSPU/KAB di mata dunia. (2.3.4a-b Projek STARTUP International League 2022).

Projek strategik jaringan industri direalisasikan secara kolektif melalui Program *gloBE* dan *Built Environment Excellent Mission*. Program *gloBE* dilaksana dengan pencapaian *PI* 80% melalui *MoU/MoA* bersama *University of Bologna Italy*, Universiti Esa Unggul, *University of Kathmandu Nepal* dan *University of Philippines Los Banos*. Manakala, program *Built Environment Excellent Mission* mencapai *PI* 100% melalui program *ZTopia PALAM Fest Profesional Talk : Future Design Perspective of Design in Multi - Culture Environment* yang direalisasikan pada 3 Disember 2022. (2.3.5a-c SAP 2022). Graduan FSPU/KAB berjaya menjadi usahawan dalam projek perkongsian usahasama bersama majikan. Perlaksanaan projek strategik secara komprehensif berjaya melibatkan graduan dan bukan graduan FSPU/KAB, dari dalam dan juga luar negara. Penyebarluasan projek strategik di atas, berjaya membuktikan hubungan baik antara FSPU/KAB dengan pelbagai pihak industri yang menjadi teras kepada tujuan jaringan industri di peringkat nasional dan antarabangsa.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0080\\_P01\\_PB03\\_20231\\_2.3.1. Model Kepimpinan KAB 2022 \\_ PTS FSPU\\_KAB.pdf](#)
2. [F0080\\_P01\\_PB03\\_20232\\_2.3.2 Pemantauan Projek FSPU Strategic Action Plan 2022-2026.pdf](#)
3. [F0080\\_P01\\_PB03\\_20233\\_2.3.3. Projek SAP2022 .pdf](#)
4. [F0080\\_P01\\_PB03\\_20234\\_2.3.4 Projek STARTUP International League 2022.pdf](#)
5. [F0080\\_P01\\_PB03\\_20235\\_2.3.5 SAP2022- Mapping SAP with PI.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

FSPU/KAB telah berusaha memastikan objektif dan inisiatif strategik dilaksana dengan berkesan. Tahun 2022 menyaksikan impak yang ketara terhadap JI&K selepas beralihnya kepada fasa endemik. Kesemua **projek dipetakan bersama 63 PI** (2.4.1.1a-b Pemetaan Projek Tindakan Strategik kepada Petunjuk Prestasi PTS\_FSPU/KAB2022) yang disasarkan dalam tahun 2022 dan berjaya dicapai mengikut acuan projek yang telah dirancang. 36 projek strategik telah dijalankan secara konsisten menerusi pelan **pemantauan yang tersusun dan sistematis** melalui **hubungan dua hala** antara *Program Director, Project Manager* dan *Team Member* (2.4.1.2 Pemantauan Sistematis ke atas PTS menerusi hubungan 2 hala).

Umumnya perlaksanaan 36 projek tertumpu kepada semua bidang peneraju utama iaitu Hal Ehwal Pelajar, Akademik dan Antarabangsa, Penyelidikan dan Inovasi, ICAN, MASMED dan Unit Pendaftar. Perlaksanaan setiap projek yang dirancang telah berjaya memberi impak yang signifikan ke atas hubungan jaringan industri dan keusahawanan FSPU/KAB khususnya berkaitan *Industrial task recognition, Consultancy Contract Research and Direct Linkages to the Board*.

Setiap projek yang dilancarkan telah melalui **fasa semakan dan analisis pencapaian secara berkala**. Sesi konferensi antara pihak pengurusan projek strategik telah berlangsung melalui pelbagai medium seperti kumpulan whatsapp, telegram, google meet dan mesyuarat bersemuka (2.4.1.3 Sesi Konferensi).

Prestasi projek telah dibentangkan oleh setiap ketua projek dalam **mesyuarat berkala pada setiap 3 bulan**. Manakala catatan peratusan pencapaian direkodkan dalam dokumen *google drive* sebagai platform digital (2.4.1.4 Penggunaan Google Drive sebagai Platform Pengemaskinian Data Semasa) yang boleh diakses secara berkala oleh semua peneraju projek. Rekod prestasi semasa projek yang dimuatnaik ke platform digital telah analisa oleh PSTU sebelum dimuatnaik ke sistem BTU bagi rekod pencapaian keseluruhan.

Pemantauan secara berterusan telah dilakukan sebaik mungkin oleh setiap **Program Director menerusi medium perbincangan bersama Project Manager**. Komunikasi berterusan *Project Manager* bersama ahli projek terus disemarakkan dengan beberapa *Pocket Meeting* (2.4.1.5 *Pocket Meeting* antara Ahli Projek) sebagai usaha memantau perjalanan projek bagi memastikan penyumbangan kepada kecemerlangan arena industri dan keusahawanan FSPU/KAB

Penolong Naib Canselor yang bertindak sebagai *Lead Director* dibantu oleh PSTU telah menyemak segala kemungkinan risiko pelaksanaan projek yang diusulkan. Segala isu yang dikenalpasti sebagai halangan utama perjalanan projek telah diberikan perhatian mendalam bagi mencari tindakan mitigasi susulan oleh pengurusan FSPU/KAB.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0080\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20231\\_2.4.1.1 Pemetaan Projek Tindakan Strategik kepada](#)

Petunjuk Prestasi.pdf

2. F0080\_P01\_PB04\_PC01\_20232\_2.4.1.2 Pemantauan Sistematik ke atas PTS.pdf
3. F0080\_P01\_PB04\_PC01\_20233\_2.4.1.3 Sesi Konferensi antara Pihak Pengurusan Projek Strategik di Talian Webex.pdf
4. F0080\_P01\_PB04\_PC01\_20234\_2.4.1.4 Penggunaan Google Drive sebagai Platform Pengemaskinian Data Semasa .pdf
5. F0080\_P01\_PB04\_PC01\_20235\_2.4.1.5 Pocket Meeting antara Ahli Projek .pdf

## **2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

36 projek strategik yang dipetakan bersama dengan 63 PI juga berpotensi menghadapi pelbagai risiko. Penumpuan JI&K yang merupakan sebahagian misi projek strategik turut berhadapan dengan pelbagai kekangan. Hubungan bersama industri yang difokuskan menjadi peneraju kegemilangan FSPU/KAB bukanlah perkara mudah untuk dilaksanakan. Namun **gandingan mantap** antara FSPU/KAB bersama industri merupakan kunci utama kejayaan projek strategik menerusi pengendalian risiko yang sistematik (2.4.2.1 Penekanan Risiko dalam Pemerkasaan PTS).

Pada awal perlaksanaan, projek strategik JI&K telah berhadapan dengan pelbagai risiko yang telah dijangka diperingkat penilaian risiko. Kegagalan meneruskan hubungan yang baik bersama pihak industri adalah merupakan sebahagian risiko tinggi yang dihadapi. Malah wujud **jurang yang besar** antara keperluan industri berbanding kesediaan FSPU/KAB dalam menjalankan kerjasama. Hubungan strategik sedia ada turut terjejas ekoran **kurangnya keserasian dan halatuju bersama** (2.4.2.2 Projek 14, 22, 23) antara kedua-dua pihak. Implikasi ini akhirnya menyumbang kepada **kekurangan kolaborasi yang memberi impak** kepada penurunan kompetensi industri ahli akademik dan pelajarnya. Malah penjejasan jaringan strategik ini turut mendorong kepada **kecenderungan pengabaian etika dan intergriti** dalam ekosistem JI&K

Sebahagian projek berlandaskan keusahawanan juga terdedah kepada pelbagai risiko ekoran **kekurangan kepakaran** (2.4.2.3 Projek 13) dalam memacu aktiviti yang telah dirancang . Malah pengurusan projek juga berhadapan ketidaktetapan aktiviti projek yang gagal menyumbang nilai positif kepada keusahawanan pelajar. FSPU/KAB turut terdedah dengan risiko **kekurangan pelajar yang berminat dan komited** (2.4.2.4 Projek 10 & 11) untuk turut serta dalam projek yang mampu menyulam nilai etika sebenar keusahawan. Rentetan itu, terdapat limitasi dalam memperbanyak projek kolaborasi yang berpotensi ekoran kekangan yang telah dikenalpasti.

Segala risiko yang dikenalpasti **telah diperhalusi sebaik mungkin** dalam mengurangkan tahap kegagalan projek. Kekurangan jaringan industri telah diatasi dengan **pengenalpastian warga FSPU/KAB yang mempunyai hubungan kukuh bersama industri**. Mereka ini telah dipertanggungjawabkan sebagai **anchor person** (2.4.2.5 Projek dibawah Pendaftar) yang berupaya menerajui gerakan jaringan kerjasama industri pada masa hadapan.

Risiko projek yang berasaskan keusahawanan turut diatasi dengan memperkenalkan aktiviti projek yang mampan dan berinovasi sesuai dengan keperluan semasa untuk menarik minat pelajar. Pelbagai jenis ganjaran turut disediakan dalam usaha menggalakkan minat pelajar dalam dunia keusahawanan. Usaha ini termasuklah menggalakkan penglibatan pelajar dalam kursus ENT600 yang ditawarkan oleh MASMED.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0080\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20231\\_2.4.2.1 Penekanan Risiko.pdf](#)
2. [F0080\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20232\\_2.4.2.2 Risiko Projek 14, 22, 23.pdf](#)
3. [F0080\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20233\\_2.4.2.3 Risiko Projek 13.pdf](#)
4. [F0080\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20234\\_2.4.2.4 Risiko Projek 10\\_11.pdf](#)

5. [F0080\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20235\\_2.4.2.5 Projek dibawah Pendaftar.pdf](#)

## **2.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Dua komponen utama perancangan strategik FSPU/KAB yang terdiri daripada 36 projek dan 63 PI dalam pelbagai pemberat (1 hingga 4) telah menyumbang 5 bintang (80%) menerusi analisa tahap pencapaiannya di akhir tahun. Laporan prestasi telah dibentangkan di Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) (2.4.3.1a-e Peruntukan Laporan Unit Perancangan Strategik dalam MKSP) untuk sesi *post-mortem* dan tindakan penambahbaikan.

Peratusan pencapaian 36 projek strategik dalam PTS\_FSPU/KAB2022 telah dinilai impaknya ke atas pencapaian 63 PI yang telah dipetakan. Projek yang diperuntukkan dengan pemberat PI tertinggi tetapi mencatatkan progres yang kurang memberangsangkan telah dikaji dengan mendalam berkaitan faktor yang mendorong kepada ketidakcapaian PI (2.4.3.2a-b Penilaian Pencapaian PI & PTS). Faktor-faktor telah dikenalpasti dan dikaji sejauh mana ianya menjelaskan prestasi. **Pelan mitigasi dan inisiatif** yang diusulkan diawal perancangan juga **dianalisa semula** bagi melihat sejauh mana keberkesanannya dalam mengurangkan kegagalan projek.

Kemampanan projek turut dinilai bagi menentukan samaada projek tersebut patut diteruskan atau sebaliknya berdasarkan **cadangan tindakan solusi** (2.4.3.3 Solusi Kelestarian PTS). Cadangan solusi ini termasuklah pilihan (i) menjalankan projek yang sama dengan aktiviti yang sama, (ii) menjalankan projek yang sama dengan aktiviti yang berbeza, (iii) menjalankan projek yang sama dengan tambahan, (iv) pengurangan dan penggantian sebahagian aktiviti sedia ada, (v) menggabungkan beberapa aktiviti dari pelbagai projek menjadikan satu projek baru serta menjenamakan projek sediada dengan tema dan misi baru. Bagi memastikan kejayaan projek berjalan dengan baik, kemampanan projek dapat dicapai dengan memperkenalkan satu projek baru yang memfokuskan PI kritikal diperingkat FSPU/KAB.

Bagi memantau **ketepatan peruntukan PI mengikut projek**, setiap PI telah disemak kadar frekuensinya pada 36 projek strategik (2.4.3.4a-f Semakan Penyesuaian dan Peruntukan Skor PI ke atas PTS). PI dengan pemberat yang tinggi dengan catatan pencapaian peratusan yang rendah telah dilabelkan sebagai **PI kritikal** yang **memerlukan perhatian khusus** melalui **inisiatif yang lebih komprehensif** serta **tindakan penambahbaikan yang fokus**. Antaranya adalah PI geran penyelidikan dan penerbitan berindeks yang melibatkan industri diperingkat nasional dan antarabangsa, aktiviti MoU/MoA, *Student Outbound* dan *Inbound* yang menjadi pemacu secara tidak langsung kepada kecemerlangan bidang JI&K. Justeru semua PI kritikal diletakkan dalam kumpulan yang sama dan disesuaikan dengan projek strategik khas bagi penambahbaikan perancangan strategik tahun berikutnya. (2.4.3.5a-c Pengenalpastian PI Kritikal).

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0080\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20231\\_2.4.3.1 Peruntukan Laporan Unit Perancangan Strategik dalam MKSP.pdf](#)
2. [F0080\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20232\\_2.4.3.2 Penilaian Pencapaian PI PTS 2022.pdf](#)
3. [F0080\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20233\\_2.4.3.3 Solusi Kelestarian Projek Tindakan Strategik KAB.pdf](#)
4. [F0080\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20234\\_2.4.3.4 Semakan Penyesuaian dan Peruntukan Skor PI.pdf](#)
5. [F0080\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20235\\_2.4.3.5 Pengenalpastian PI Kritikal.pdf](#)

## **2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Tindakan penambahbaikan yang dirancang hasil dari analisis pencapaian agenda strategik telah **mencetuskan budaya kualiti JI&K yang cemerlang** di kalangan warga FSPU/KAB. Agenda strategik yang dulunya kurang mendapat perhatian kini menjadi perkara utama yang diperdebat dan diperhalusi di dalam mesyuarat PTJ samada diperingkat pengurusan kanan, pusat pengajian mahupun unit pengurusan sokongan (2.5.1a-b Peruntukan Laporan Strategik dalam Mesyuarat Pengurusan FSPU/KAB). Budaya kerja yang berkualiti mula dijadikan amalan dalam kalangan warga FSPU/KAB yang kini menjadi pemangkin utama pembangunan insan yang berteraskan **Excellence, Synergy, Integrity** yang menerapkan nilai Ilmu, Disiplin, Amanah, Rajin dan Tanggungjawab (ESI-iDART) dalam aktiviti berkaitan dengan pemantapan pengetahuan, perkongsian bersama industri serta inisiatif keusahawanan.

Agenda penambahbaikan perancangan strategik di FSPU/KAB menyaksikan kerjasama semua ahli pengurusan kanan dalam **mencari solusi dan keputusan terbaik** dalam merancang program dan projek strategik bagi menyumbang pencapaian sasaran PI yang diturunkan oleh peneraju universiti. Malah elemen **sinergi** antara projek strategik yang diusulkan menampakkan kecenderungan semua pihak di pelbagai peringkat dalam **menggalas bersama pencapaian KPI kolej** (2.5.2a-b Struktur PTS\_FSPU/KAB2022 yang melibatkan pengurusan kanan).

Barisan pengurusan kanan kolej terus berintergrasi dalam memacu perlaksanaan projek strategik serta pencapaian semasa PI menerusi **pembentangan oleh PSTU** dalam mesyuarat pengurusan. Pencapaian PTS\_FSPU/KAB2022 dan PI yang didapati ketinggalan jauh telah **dikenakan tindakan mitigasi awal** dengan pembabitan pengurusan kanan dan *Person in Charge* (PIC) PI yang terlibat (2.5.3a-d Peranan PIC dan Pengurusan Kanan). **Pembudayaan bekerjasama dan akauntabiliti** dalam pengemaskinian data PI setiap bulan terlaksana hasil daripada komitmen oleh semua PIC. Ahli Jawatankuasa UPS dari Unit 5 yang memfokuskan mengenai aktiviti kemajuan staf dan pelajar berperanan sebagai perantara antara pusat pengajian dan UPS-FSPU/KAB dengan mengemaskini dan melaporkan prestasi pencapaian semasa pusat pengajian, sekaligus memberi ruang kepada ketua pengajian untuk menyemak pencapaian pusat pengajian masing-masing. Pendekatan ini mewujudkan **pembudayaan cakna dalam kalangan pusat pengajian** untuk memacu kejayaan dalam mencapai sasaran 63 PI hasil dari projek yang dilaksanakan.

Sasaran keseluruhan PI yang diturunkan bersama **sasaran tahunan ke FSPU/KAB telah diagihkan kepada 10 pusat pengajian di FSPU/KAB** berdasarkan kapisiti pelajar dan staf semasa. Menjadi kelaziman untuk setiap PP menerima jumlah sasaran yang diperuntukkan bagi setiap PI (2.5.4a-c Pengagihan Sasaran PI kepada 10 Pusat Pengajian). Namun kekuatan dan keupayaan yang berbeza antara pusat pengajian ini turut ditekankan dalam agenda pencapaian strategik bagi memudahkan setiap pusat pengajian merancang aktiviti bersama ke arah mencapai sasaran yang ditetapkan dengan sistematik dan holistik. Justeru, wujudnya pembudayaan dalam **menggembangkan idea dan usaha mencaturkan sasaran PI mengikut kapasiti dan kekuatan** pusat pengajian disamping merencanakan program dan projek yang bersesuaian untuk dibangunkan bagi memenuhi sasaran PI yang diperuntukkan (2.5.5 Penyesuaian Program dan Pelan Tindakan Strategik dengan PI FSPU/KAB).

**Sinergi kebersamaan pusat pengajian** dalam memastikan kejayaan pencapaian sasaran strategik 2022 adalah amat positif dan proaktif. Sejarar dengan itu PI yang dahulunya berstatus kritikal iaitu penyelidikan dan penerbitan berindeks mula menjadi perhatian khusus dalam penilaian prestasi (KPI) tahunan. Rentetan itu **budaya penulisan akademik** telah menjadi tumpuan utama tugas hakiki seluruh warga FSPU/KAB. Pihak FSPU/KAB juga telah melakukan inisiatif dengan memperkasa penulisan akademik bersama pihak industri bagi menghasilkan penyelidikan berorientasi industri dalam memacu pengetahuan yang mampan dan holistik.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0080\\_P01\\_PB05\\_20231\\_2.5.1 Peruntukan Laporan Strategik dalam Mesyuarat Pengurusan FSPU.pdf](#)
2. [F0080\\_P01\\_PB05\\_20232\\_2.5.2 Struktur Organisasi Unit Perancangan Strategik 2022.pdf](#)
3. [F0080\\_P01\\_PB05\\_20233\\_2.5.3 Peranan PIC dan Pengurusan.pdf](#)
4. [F0080\\_P01\\_PB05\\_20234\\_2.5.4 Pengagihan Sasaran PI kepada Pusat Pengajian.pdf](#)
5. [F0080\\_P01\\_PB05\\_20235\\_2.5.5 Penyesuaian Program dan Pelan Tindakan Strategik bagi setiap PI.pdf](#)

## **KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN**

### **3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

#### **Perancangan -**

Berpandukan pada Pelan Strategik UiTM 2025, melalui Pelan Strategik FSPU 2021-2026, kepimpinan tertinggi FSPU/KAB telah merangka strategi bagi memastikan Jaringan Industri dan Keusahawanan(JI&K) dapat dilaksanakan dengan cemerlang. Berdasarkan pada **Model Tumpuan Pelanggan FSPU/KAB**, maklumat pelanggan diperolehi bagi mengenalpasti profil dan keperluan pelanggan. Seterusnya membawa kepada pecahan pelanggan utama yang telah dikategorikan kepada pelanggan luaran dan pelanggan dalaman. Melalui **Model Inisiatif JI&K FSPU/KAB** juga setiap pelanggan telah dikenalpasti mengikut pecahan enam teras utama *Teaching and Learning, Consultancy Contract Research, Student Development, Industrial Trust and Recognition, DirectLinkage to the Board and Leadership by Example*. Semua perancangan dibentuk dengan mensasarkan pada pelanggan berpandukan enam teras utama tersebut. Semua perancangan ini telah dilaksanakan berdasarkan kepada model **Plan, Do, Check and Action** tumpuan pelanggan FSPU/KAB bagi memastikan semua projek yang dirancang berjalan dengan lancar .

#### **Pelaksanaan**

Bagi memastikan pencapaian **Generations of Professional Excellence** direalisasikan melalui pendekatan yang berstruktur dan holistik, FSPU/KAB telah menerapkan pendekatan strategik yang memacu enam teras utama tersebut. Program akademik yang dirancang dan direkabentuk telah diperkenalkan dan dirangka dengan teliti untuk memastikan kesesuaianya dengan aspirasi **Comprehensively Excellent**. Kesemua enam teras utama ini berperanan sebagai landasan yang memandu rancangan pelaksanaan.FSPU/KAB telah memastikan bahawa setiap program tidak sekadar menerapkan elemen pembelajaran tradisional, tetapi juga mengintegrasikan elemen inovatif dalam eko-sistem pendidikan. Setiap program yang diterapkan tidak hanya memberi tumpuan kepada dimensi dalaman organisasi, tetapi merentasi sempadan dengan memberi impak yang signifikan kepada ekosistem luar. Ini diwujudkan melalui penglibatan dua kumpulan pelanggan utama, iaitu pelanggan luar yang melibatkan industri, badan profesional, ibu bapa, dan alumni, serta pelanggan dalaman yang melibatkan staf akademik, pentadbiran dan sokongan, serta pelajar. Rancangan pelaksanaan program mampu memberi impak yang komprehensif dan kontekstual kepada semua peringkat pelanggan. Kesemua usaha ini adalah agenda FSPU/KAB dalam melibatkan JI&K, yang menjadi fokus utama dalam setiap program yang dilaksanakan. Ini bermakna setiap program tidak hanya menekankan aspek teoritikal semata-mata, tetapi juga merangkumi elemen praktikal yang berkaitan dengan realiti industri dan landskap berdasarkan **Model Inisiatif JI&K FSPU/KAB**.

#### **Pemantauan -**

Keberkesanan perancangan setiap inisiatif FSPU/KAB telah dilaksanakan melalui pemantauan berkala. Kaedah ini penting bagi memastikan setiap **Performance Indicator**(PI) dapat dicapai dan peratus kegagalan projek dapat dikurangkan. Bagi JI&K, pemantauan dijalankan melalui pelaporan aktiviti yang merangkumi implikasi kewangan dan kemajuan projek kepada Unit Perancangan Strategik dalam mesyuarat bulanan bagi mengenalpasti tahap pencapaian PI. Amalan pemantauan ini dijalankan bagi memastikan setiap projek yang dirancang dapat dicapai, dan sebarang isu yang timbul dapat ditangani lebih awal. Seterusnya, pemakluman pencapaian PI dimajukan ke peringkat UiTM setiap tiga bulan.

## **Tindakan Penambahbaikan**

Pelbagai inisiatif telah dibuat oleh pihak pengurusan FSPU/KAB sebagai langkah penambahbaikan hasil daripada pemantauan yang telah dijalankan. Sudah semestinya setiap projek akan terdapat risiko-risiko yang mungkin menghalang penglibatan pelanggan. Bagi tujuan rujukan dan penambahbaikan, FSPU/KAB sentiasa memastikan data pelanggan dikumpul dan disimpan dengan baik. Secara amnya, data pelanggan bagi bidang tumpuan didokumentasi di dalam sistem yang dibangunkan oleh ICAN dan MASMED. Data yang didokumentasi termasuk surat jemputan, maklumat pegawai untuk dihubungi, maklumbalas program serta laporan aktiviti yang telah dijalankan manakala data Hal Ehwal Pelajar disimpan di BHEP dalam sistem SIMS.

### **3.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

FSPU/KAB telah merencana Pelan Tindakan Strategik dengan menerapkan Model Kepimpinan dan Model Inisiatif JI&K FSPU/KAB berpaksikan kepada Pelan Tindakan Strategik UiTM 2025, dalam menjadikan UiTM sebagai ***Globally Renowned University***. 36 projek telah dibangunkan melalui tujuh program yang diketuai oleh tujuh pengarah program daripada pengurusan kanan FSPU/KAB (3.2.1 Pelan Tindakan Strategik FSPU/KAB 2022-2026). Berdasarkan tujuh program ini, 63 *performance Indicator* (PI) telah dikenalpasti. Setiap PI telah diagihkan kepada setiap pusat pengajian mengikut pemberat masing-masing berdasarkan kepada jumlah pelajar dan kepakaran bidang pusat pengajian tersebut. Bagi memastikan semua perancangan JI&K sentiasa berada di landasan yang tepat bagi mencapai PI yang telah ditetapkan, inisiatif Model JI&K FSPU/KAB berteraskan enam teras utama, *Teaching and Learning, Consultancy Contract Research, Student Development, Industrial Trust and Recognition, Direct Linkage to the Board and Leadership by Example* telah di bentuk. Melalui inisiatif ini, semua perancangan JI&K FSPU/KAB akan berpandukan pada enam teras utama ini. Penglibatan pelanggaran dalaman dan luaran terhadap JI&K juga berteraskan kepada inisiatif yang dibina ini.

**Model Tumpuan Pelanggan FSPU/KAB (MTP FSPU/KAB)** digunakan sebagai dasar dalam menentukan profil dan kehendak pelanggan dimana setiap pelanggan akan dikenalpasti berdasarkan kepada latarbelakang dan kepentingan pada mereka amnya dan pada FSPU/KAB khasnya (3.2.2 Model Tumpuan Pelanggan FSPU/KAB). Melalui pendekatan MTP FSPU/KAB ini, dua kategori utama pelanggan telah dikenalpasti, iaitu **pelanggan dalaman** terdiri daripada pelajar, staf akademik, staf pentadbiran dan staf sokongan (bukan akademik), serta **pelanggan luaran** merangkumi lembaga dan badan profesional, pemain industri, alumni dan komuniti (3.2.3a Rajah Kategori Tumpuan Pelanggan FSPU/KAB). Berdasarkan pada projek yang telah dirancang, FSPU/KAB telah berusaha meningkatkan PI terhadap bidang tumpuan melalui **lima pendekatan dan kaedah perlaksanaan** (3.2.3b Jadual perincian pendekatan dan perlaksanaan mengikut kategori pelanggan dan 3.2.3c Jadual pelaksanaan mengikut kategori pelanggan). Ini termasuklah mengenalpasti pasti pelanggan, menyediakan pengkalan data pelanggan, menstruktur keperluan, kebaikan dan ganjaran yang bakal diperolehi oleh kedua belah pihak, merancang program mengikut PI yang telah ditentukan oleh FSPU/KAB dan menganalisa aduan dan maklumbalas pelanggan dengan sistematik. Pelanggan yang terlibat dalam menjayakan objektif setiap projek dikenalpasti dan ditentukan dalam mesyuarat peringkat FSPU/KAB seperti mesyuarat pengurusan eksekutif, mesyuarat pentadbiran dan mesyuarat pentadbir akademik (3.2.5b Minit Mesyuarat ICAN Bil1 & 2/2022)

Kolaborasi antara pelanggan dalaman dan luaran melalui projek yang dirancang telah memberi pendedahan kepada pelajar untuk menceburi bidang kemahiran keusahawanan selain daripada hanya menumpukan kepada bidang pekerjaan sediaada. Ini termasuklah program kolaborasi pelajar-majikan, yang sebahagian besarnya merupakan klien projek perundingan. Antaranya, pendedahan kepada latihan praktikal, menumpukan kepada aspek keusahawanan (3.2.4 SAP2022- Department Progress Report). Pelanggan luaran didekati melalui projek perundingan, projek penyelidikan, projek kesukarelawan, projek usahasama dan sebagainya. Penglibatan dari pelanggan luaran yang melibatkan komuniti setempat adalah seperti projek Program Menyantuni Komuniti di Kg Trombol Kuching, SMK Bukit Rangin, Kuantan dan Rumah Anak Yatim Cahaya Kasih, Shah Alam. Selain daripada itu, kolaborasi turut diperluaskan dengan badan kerajaan dan badan bukan kerajaan bagi memperkasa kerjasama dan perkongsian pengetahuan melalui MoU/MoA dengan PKNS, Asas Stabil dan Jabatan Tanah Sarawak (3.2.5a Majlis menandatangani MoU di antara UITM dan PKNS). Secara tidak lansung satu jalinan kerjasama bersifat jangkapanjang yang membawa keuntungan kedua belah pihak telah tercapai.

**SENARAI BUKTI:**

1. [F0080\\_T01\\_TB02\\_20231\\_3.2.1.pdf](#)
2. [F0080\\_T01\\_TB02\\_20232\\_3.2.2.pdf](#)
3. [F0080\\_T01\\_TB02\\_20233\\_3.2.3.pdf](#)
4. [F0080\\_T01\\_TB02\\_20234\\_3.2.4.pdf](#)
5. [F0080\\_T01\\_TB02\\_20235\\_3.2.5.pdf](#)

### **3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Dalam konteks perluasan, data pelanggan menjadi asas yang penting dan perlu diberi perhatian. Pendekatan ini memainkan peranan yang penting dalam memastikan kehendak pelanggan dapat dipenuhi. Metodologi penyimpanan data memainkan peranan utama dalam membolehkan data dan maklumat yang diperoleh dianalisa secara berterusan untuk tujuan peningkatan prestasi organisasi. Keperluan pelanggan dalaman dan luaran FSPU/KAB telah dikenalpasti melalui profil pelanggan dan kaedah pengumpulan dan penyimpanan data adalah berdasarkan pada latarbelakang pelanggan tersebut. (3.3.1a Gambarajah Keperluan Pelanggan dan Kaedah Pengumpulan dan Penyimpanan Data). Kebanyakan data pelanggan dalaman telah direkodkan menggunakan sistem dalaman UiTM seperti PRISMA, MYRA, SIMS dan STAFF PORTAL. Manakala pelanggan luaran akan direkodkan menggunakan sistem penyimpanan data ICAN dan MASMED. Sistem SIMS merupakan platform yang digunakan dalam pengumpulan semua maklumat berkaitan pelajar termasuklah data penempatan latihan industri dan maklumat majikan (3.3.1b Sistem SIMS). Selain dari merujuk kepada sistem sedia ada, FSPU/KAB mengambil inisiatif untuk mewujudkan mekanisme dalaman dimana FSPU/KAB juga telah menyediakan database mengikut bidang pengajian masing-masing bagi memastikan pihak industri yang memberi peluang penempatan disenaraikan sebagai **key partners** bagi pengambilan pelajar untuk penempatan latihan industri (3.3.1c Senarai Majikan dan penempatan pelajar). Platform SUFO, salah satu platform penilaian kualiti serta kepuasan pelanggan terhadap sesuatu kursus seperti latihan industri (3.3.2a Sistem SUFO). Maklumbalas untuk kursus Latihan Industri boleh di didapati melalui sistem UFuture (3.3.2b Sistem Ufuture). Segala aduan dan maklumbalas telah disimpan dalam pelaporan bidang pengajian masing-masing (3.3.3a Laporan Latihan Industri AP229). Secara umumnya, para pelanggan, khususnya pelajar, juga mempunyai alur aduan yang terbuka terhadap mana-mana permasalahan berkaitan pengurusan FSPU/KAB melalui portal e-aduan dalam laman Unit Komunikasi Korporat (3.3.3b Sistem eAduan). Hasil dapat dilihat dengan peningkatan kebolehpasaran graduan yang merupakan salah satu pencapaian terbaik FSPI/KAB.

Unit Penyelidikan, Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (PJI), di bawah pengurusan Timbalan Dekan PJI (FSPU)/ Unit ICAN (Industri Community dan Alumni) yang dikendalikan oleh Dekan ICAN (KAB), berfungsi untuk merancang dan mengendalikan pelanggan luaran seperti industri, masyarakat, dan komuniti (3.3.4a Carta Organisasi ICAN). Unit ini sentiasa memastikan semua projek yang telah dilaksanakan dihayati melalui pelbagai program yang dapat meningkatkan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar (3.3.4b Pelaporan Aktiviti Sulam). Unit ini juga bertindak sebagai pemacu utama yang tanggungjawab dalam mengendalikan aktiviti bersama industri, perkongsian kepakaran, program Alumni, pemindahan ilmu serta memberikan pendedahan luas berkaitan kebolehpasaran dan promosi latihan industri kepada pelajar (3.3.4c Senarai Program ICAN dan 3.3.4d Poster Program GE). Unit ICAN juga bertanggungjawab untuk memperkuuhkan hubungan FSPU/KAB dengan komuniti masyarakat setempat melalui pelbagai program CSR (3.3.5a Poster program CSR). Maklumat berkaitan program yang telah dijalankan disimpan melalui sistem yang dikenali sebagai SMART (3.3.5b Sistem SMART). Sistem ini penting dalam memastikan penilaian dan analisa keberkesanan projek dapat dilakukan bagi tujuan peningkatan masa hadapan melalui PI yang diperturunkan oleh FSPU/KAB (3.3.5c PI ICAN). Dalam hal program konsultasi dengan industri atau komuniti, sistem PRIME (3.3.5d Sistem Prime) digunakan sebagai alat pengurusan dan pelaporan program komuniti. Selain daripada itu pendaftaran MoU/MoA akan didaftarkan dan direkodkan di dalam sistem Nilams (3.3.5e Screenshot Nilams) bagi memastikan semakan hubungan ikatan bersama industri dan pemantauan aktiviti dibawah ikatan bersama industri dibuat seiring dengan tempoh ikatan.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0080\\_T01\\_TB03\\_20231\\_3.3.1 a-c.pdf](#)
2. [F0080\\_T01\\_TB03\\_20232\\_3.3.2 a-b.pdf](#)
3. [F0080\\_T01\\_TB03\\_20233\\_3.3.3a-b.pdf](#)
4. [F0080\\_T01\\_TB03\\_20234\\_3.3.4.a-d.pdf](#)
5. [F0080\\_T01\\_TB03\\_20235\\_3.3.5a-e.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pengurusan tertinggi FSPU/KAB sentiasa cakna dalam memastikan hubungan antara warga FSPU/KAB dengan pelanggan JI&K sentiasa pada tahap yang membanggakan. Pemantauan kepuasan pelanggan bersandarkan kepada Objektif Kualiti FSPU/KAB dan KPI Perancangan Strategik FSPU/KAB 2022-2026 dengan mensasarkan pelanggan luaran dan dalaman (3.4.1.1a Kategori Pelanggan KAB) mengikut pecahan enam teras utama dalam **Model Inisiatif JI&K** (3.4.1.1b Enam teras utama dalam Model Inisiatif JI&K). Berasaskan **Performance Indicator (PI)** yang telah ditetapkan oleh pihak UiTM, perlaksanaan **Meet and report** dijadikan sebagai kaedah pemantauan bagi memastikan PI yang telah dirancang tercapai dengan jayanya (3.4.1.2a Minit mesyuarat ICAN). Bagi memastikan ICAN dan MASMED dapat melaksanakan kesemua PI yang diberikan, pemakluman pencapaian pada pihak UiTM telah dibuat setiap tiga bulan diikuti dengan beberapa siri mesyuarat bulanan. Unit Perancangan Strategik FSPU/KAB akan mencatatkan pencapaian semasa dan ianya dijadikan amalan bulanan sehingga alah pencapaian PI sebenar tercapai (3.4.1.2b Laporan kemajuan projek). Semua pencapaian yang melibatkan JI&K telah dimuatnaik ke dalam data **SMART** dan **PRIME** bagi tujuan rekod (3.4.1.2c Screenshot sebahagian rekod ICAN-PRIME, 3.4.1.2d Screenshot sebahagian rekod ICAN-SMART ).

FSPU/KAB memastikan semua aktiviti yang melibatkan Pertubuhan Alumni - **Persatuan Alumni Alam Bina** dengan mengadakan pertemuan dan mesyuarat tahunan, bagi memantau semua projek yang telah dirancang sentiasa berjalan lancar (3.4.1.2e Minit mesyuarat PAAB 2022/Bil.3). Kekerapan pertemuan dengan pihak industri, merangkumi komuniti profesional yang merupakan **notable alumni** dan **kapten industri** FSPU/KAB juga telah dilaksanakan bagi tujuan pemantauan aktiviti. Ianya dapat dilihat dengan pelantikan mereka sebagai panel jemputan untuk sesi krit bagi kursus **Design Based** (3.4.1.3 Poster panel jemputan krit COSA) bagi memastikan kualiti pelajar seiring dengan permintaan industri. **Alumni Profesional** juga turut sama dilantik menjadi Penilai Industri (3.4.1.4 Surat lantikan Panel Industri bersama CV - alumni profesional) bagi membantu FSPU/KAB dalam memastikan perlaksanaan aktiviti sejarah dengan kehendak profesional. Kerjasama erat ini telah membawa hasil dimana kadar kebolehpasaran graduan FSPU/KAB terus meningkat sehingga 91.2% bagi tahun 2022. (3.4.1.5a Rajah peratus kebolehpasaran pelajar). FSPU/KAB terus membuktikan kesungguhan dalam JI&K dengan melantik beberapa profesional dalam industri sebagai Profesor Adjung (3.4.1.5b Poster Lantikan Prof Adjung). Ianya terus diperkuuhkan bagi merealisasikan inisiatif FSPU/KAB ke arah **Generations of Professional Excellence** termasuk penglibatan pelajar dalam keusahawanan (3.4.1.5c Poster He & She).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0080\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20231\\_Bukti 3.4.1.1a-b.pdf](#)
2. [F0080\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20232\\_Bukti 3.4.1.2a-e.pdf](#)
3. [F0080\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20233\\_Bukti 3.4.1.3.pdf](#)
4. [F0080\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20234\\_Bukti 3.4.1.4.pdf](#)
5. [F0080\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20235\\_Bukti 3.4.1.5a-c.pdf](#)

### **3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Selain daripada mengenalpasti risiko melalui daftar risiko FSPU/KAB, risiko berkaitan dengan JI&K juga telah dikenalpasti melalui ***Strategic Action Plan (SAP)***. Melalui risiko yang telah didaftarkan ini, FSPU/KAB telah mengklasifikasikan semua projek/aktiviti JI&K mengikut tahap risiko yang dikenalpasti. Melalui penilaian kesan risiko terhadap keadaan semasa, proses mengawalselia risiko berkenaan telah dijalankan (3.4.2.1 Rajah Proses Pengurusan Risiko). Pada tahun 2022 FSPU/KAB telah mensasarkan sebanyak 36 projek, 20 daripadanya adalah merupakan projek JI&K (3.4.2.2 Senarai program JI&K dibawah SAP 2022). Kesemua projek tersebut telah didaftarkan bersama-sama risiko yang telah dikenalpasti bagi setiap projek. Risiko setiap projek akan dianalisa berdasarkan pada besarnya kesan risiko tersebut pada sesuatu projek mengikut tahap risiko sesuatu projek (3.4.2.3 Tahap Risiko SAP 2022). Setiap projek yang didaftarkan akan disertakan dengan pelan mitigasi yang bersesuaian untuk setiap kategori risiko berdasarkan tahap risiko yang telah dianalisa. Ini merupakan salah satu langkah awal mengawalselia risiko (3.4.2.4a *Strategic Plan Action 2022 - Project Info with Project Risk*). Ini secara tidak langsung dapat mengenalpasti semua risiko yang berimpak tinggi seterusnya langkah pengawalan dapat di rancang sebelum sesuatu risiko itu terjadi.

Daripada SAP 2022, tiga projek telah diklasifikasikan sebagai tahap ***extreme*** dan satu daripadanya adalah di bawah JI&K iaitu ***AP2022@14\_FEWebinar FSPU Entrepreneurship Webinar Marathon*** (3.4.2.4b AP2022@14\_FEWBinar - Projek Extreme). Kesukaran untuk berkolaborasi dengan penceramah jemputan di peringkat antarabangsa bagi menyertai program ini adalah antara risiko yang telah di kenalpasti. Bagi mengatasi masalah ini, penglibatan semua staf yang mempunyai rangkaian kerjasama antarabangsa adalah sangat membantu bagi mengatasi risiko ini. FSPU/KAB melalui Unit Perancangan Strategik telah memantau semua risiko yang dikenalpasti dengan memastikan pemunya projek mengadakan pelan tindakan sokongan melalui pelan mitigasi yang dirancang bagi memastikan semua projek berjalan dengan risiko yang sangat rendah. Antaranya dengan memastikan hebahan setiap projek dijalankan di semua saluran media yang ada (3.4.2.5a Poster hebahan Program Keusahawanan). Pengahihan PI mengikut pusat pengajian juga telah mengurangkan risiko kegagalan dalam setiap projek yang dijalankan. Setiap PP telah melaksanakan mengikut kreativiti masing-masing dan ianya terbukti telah meningkatkan kejayaan pencapaian setiap PI. Setiakawan setiap Pusat Pengajian dalam bersama memastikan penglibatan setiap pelanggan dalaman dan luaran telah menjayakan projek yang dirancang (3.4.2.5b Jadual Pengagihan PI setiap PP).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0080\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20231\\_Bukti 3.4.2.1.pdf](#)
2. [F0080\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20232\\_Bukti 3.4.2.2.pdf](#)
3. [F0080\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20233\\_Bukti 3.4.2.3.pdf](#)
4. [F0080\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20234\\_Bukti 3.4.2.4a-b.pdf](#)
5. [F0080\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20235\\_Bukti 3.4.2.5a-b.pdf](#)

### **3.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Melalui Pelan Tindakan Strategik FSPU/KAB 2022, kepimpinan tertinggi FSPU/KAB telah menumpukan penglibatan kumpulan sasaran pelanggan dalaman dan luaran pada tahap maksima bagi memastikan inisiatif ***Generations of Professional Excellence*** tercapai. Ini termasuklah dengan memperkuuhkan lagi perhubungan JI&K di peringkat nasional dan antarabangsa melalui MOU/MOA yang telah ditandatangani, samada yang melibatkan industri atau lembaga dan badan profesional (3.4.3.1a Senarai MOU/MOA antarabangsa 2022, 3.4.3.1b Senarai MOU Dan MOA peringkat Nasional 2022). FSPU/KAB sentiasa memanifestasikan amalan “***Plan, Do, Check and Action***” (3.4.3.2 Model PDCA Tumpuan Pelanggan KAB) bagi memastikan semua aktiviti atau program di semua peringkat sentiasa berkualiti. Tindakan penambahbaikan sentiasa seiring dengan semua aduan dan punca risiko yang telah dikenalpasti mengikut ketetapan yang telah diunjurkan oleh pihak pengurusan kanan FSPU/KAB. Mesyuarat Pengurusan menjadi salah satu platform rasmi bagi membentangkan hasil analisa yang dicapai dari pelbagai kaedah pemantauan secara berkala (3.4.3.3 Minit Mesyuarat Pengurusan ke 44). Semua dapatan yang telah di kenalpasti dibincangkan dengan menyarankan beberapa tindakan penambahbaikan.

Mesyuarat (MKSP) telah dijalankan bagi memastikan setiap pemunya projek memaklumkan dapatan hasil pemantauan yang telah dijalankan sepanjang tahun 2022. Ini termasuklah hasil pemantauan yang dilaksanakan mengikut ketetapan yang sediada. Selain daripada itu terdapat juga beberapa siri mesyuarat lain yang menjadi platform menganalisa hasil tindakan penambahbaikan permasalahan semasa berhubungkait dengan JI&K. Antaranya adalah Hasil daripada pemantauan sebelumnya, semua kelemahan lepas akan ditambahbaik bagi memastikan tiada kelomongan pada perlaksanaan perancangan seterusnya (3.4.3.4 Laporan Latihan Industri 2021 - 2022). Beberapa KPI yang dahulunya agak sukar dicapai telah ditambahbaik dengan beberapa pendekatan hasil daripada perbincangan penambahbaikan yang telah dijalankan melalui beberapa mesyuarat dalaman antara UPS FSPU/KAB dan semua PP. Antaranya adalah dengan mengagihkan PI kepada setiap pusat pengajian mengikut pemberat yang telah ambilkira, telah meningkatkan kejayaan pencapaian setiap PI. Setiap PP yang diberikan tanggungjawab dalam melaksanakan PI tersebut akan mula merancang berdasarkan kemampuan dan kreativiti masing-masing. Penekanan terhadap maklumbalas pelanggan amat dititikberatkan bagi memastikan kecemerlangan dalam semua perkhidmatan pada setiap pelanggan dalam JI&K. Setiap maklumbalas antaranya dari Penilai Industri yang diterima akan di analisa dan terus diambil tindakan bagi menghasilkan graduan yang seiring dengan kehendak industri disamping mempunyai daya saing yang mampan dalam bidang keusahawanan (3.4.3.5 Laporan Penilai Industri AP229).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0080\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20231\\_Bukti 3.4.3.1a-c.pdf](#)
2. [F0080\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20232\\_Bukti 3.4.3.2.pdf](#)
3. [F0080\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20233\\_Bukti 3.4.3.3.pdf](#)
4. [F0080\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20234\\_Bukti 3.4.3.4.pdf](#)
5. [F0080\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20235\\_Bukti 3.4.3.5.pdf](#)

### 3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Keperluan pelanggan merupakan tunjang utama dalam kesepakatan strategik bersama industri melalui ***Alumni and Industrial Involvement Culture*** yang telah menjadi amalan FSPU/KAB sejak penubuhannya lima dekad yang lalu. Pembudayaan yang terhasil dizahirkan dengan penghasilan pelbagai inovasi melibatkan pelanggan dalaman dan luaran, antaranya peningkatan bilangan staf dengan kelayakan profesional, pencapaian bilangan MoU dan MoA yang disasarkan, memperolehi geran perundingan dan pencapaian kadar kebolehpasaran graduan (3.5.1a Model Integrasi Tumpuan Pelanggan). Dari perspektif keusahawanan pula, fokus FSPU/KAB adalah menghasilkan graduan, pelajar dan staf yang bermindakan usahawan. Pembudayaan ekosistem keusahawanan ini telah mengangkat bilangan ***graduan usahawan, pelajar usahawan***, juga membentuk ***akademia usahawan***.

Hasil pembudayaan kesepakatan strategik dengan industri, FSPU/KAB sentiasa dipilih menjadi rakan kolaborasi melalui pelbagai usahasama yang bersifat menang-menang bagi memastikan pelanggan dalaman dan luaran mendapat manfaat bersama (3.5.1b Aktiviti-aktiviti ICAN 2022). Kelebihan alumni FSPU/KAB yang ramai di optima melalui pengumpulan data alumni (3.5.1c Data pengumpulan Alumni dan PAAB) yang dimanfaatkan dengan pelbagai aktiviti perkongsian pengetahuan seperti ceramah, webinar dan ***collaborative teaching*** (3.5.2a Aktiviti-aktiviti webinar dan collaborative teaching 2022). Pembudayaan menghargai dan meraikan alumni turut dijadikan agenda tahunan melalui Majlis Silaturrahim Alumni bagi memperkasa kesepakatan ini (3.5.2b Majlis Silaturrahim Alumni 2022). Ketampakan dan kompetensi FSPU/KAB melalui pelbagai inisiatif kolaborasi menjadikan FSPU/KAB sering diberi mandat untuk mengelola projek-projek industri dengan perolehan geran perundingan dan MoU/MoA (3.5.2c Senarai geran perundingan FSPU/KAB 2022 dan MoU/MoA). Malah, staf FSPU/KAB turut diiktiraf melalui pelbagai pengiktirafan dan penganugerahan di peringkat nasional dan antarabangsa sebagai pakar rujuk (3.5.3a Penganugerahan dan Pengiktirafan FSPU/KAB 2022). Ini secara tidak langsung turut meningkatkan bilangan staf yang mempunyai kelayakan profesional (3.5.3b Bilangan staf FSPU/KAB dengan kelayakan profesional). Lantaran itu, graduan FSPU/KAB sering mendapat pujian dan menjadi pilihan majikan sebagai pekerja mahupun perantis latihan industri (3.5.3c Maklumbalas majikan latihan industri), seterusnya melonjakkan kebolehpasaran graduan (3.5.3d Rajah kebolehpasaran graduan 2022). Malah, ada juga graduan yang bekerja di luar negara (3.5.3e Graduan bekerja di luar negara).

Selaras dengan aspirasi UiTM dalam melahirkan ***entrepreneurial and well-balanced graduates***, FSPU/KAB melalui Unit Keusahawanan KAB telah menjayakan pelbagai program antaranya Built Entrepreneur's Day, Program Start Up Idea Creating with Digi dan Pasar Rabu bagi merancakkan persekitaran positif keusahawanan (3.5.4a Aktiviti-aktiviti Keusahawanan 2022). Hasilnya dapat dilihat daripada bilangan pendaftaran ***pelajar usahawan*** MyENT yang menjalankan perniagaan di kampus semasa tempoh belajar (3.5.4b Bilangan pelajar mendaftar FSPU/KAB MyENT November dan Disember 2022). Penglibatan pelajar bersama dengan industri dan institusi luar diperkasa menerusi *Startup International League Competition* 2022 anjuran Princess of Naradhiwas University dan pertandingan rekabentuk Kafe He & She Coffee (3.5.4c Kemenangan pelajar dalam program Keusahawanan 2022). Susulan pembudayaan yang berterusan ini, FSPU/KAB telah melahirkan ramai ***graduan usahawan*** sama ada yang berorientasikan bidang profesional mahupun bidang bukan profesional (3.5.5a Data graduan usahawan dari SMART).

Matlamat keusahawanan FSPU/KAB turut diperluas di kalangan pensyarah dalam pembentukan ***entrepreneurial educators*** atau ***akademia usahawan*** menerusi MDEC Digital Entrepreneurship Workshop/ Training e-Educators (3.5.5b Poster MDEC Digital Entrepreneurship Workshop). Keberhasilannya diterjemahkan dengan pengaktifan platform

pemasaran dalam talian atau media sosial para peserta seperti *Facebook*, *Instagram* dan *Tik Tok* sebagai langkah pertama bagi memulakan perniagaan (3.5.5c Contoh Facebook page dan Instagram Elma Hafael II).

**SENARAI BUKTI :**

1. [F0080\\_T01\\_TB05\\_20231\\_3.5.1a-c.pdf](#)
2. [F0080\\_T01\\_TB05\\_20232\\_3.5.2a-c.pdf](#)
3. [F0080\\_T01\\_TB05\\_20233\\_3.5.3a-d.pdf](#)
4. [F0080\\_T01\\_TB05\\_20234\\_3.5.4a-c.pdf](#)
5. [F0080\\_T01\\_TB05\\_20235\\_3.5.5a-c.pdf](#)

## **KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN**

### **4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

#### **Perancangan**

Perancangan yang menyeluruh bagi pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan (PAPP) merangkumi langkah-langkah bagi mencapai objektif kualiti serta pelaksanaan strategik dan matlamat FSPU/KAB dan selaras dengan matlamat UiTM. Merujuk kepada Pekeliling Naib Canselor Bil 2 2020 berkuatkuasa 9 November 2020, Pekeliling ICAEN Bil 1 dan Bil 2 2017 TNC, dan garis panduan UiTM 2020 yang berkaitan dengan pelaksanaan program dan aktiviti prosedur dan langkah-langkah strategik dilaksanakan sesuai dengan keadaan semasa. Walaubagaimanapun, setiap langkah Jaringan Industri dan Keusahawanan (JI&K) dipantau secara berterusan bagi memastikan objektif tercapai dengan jayanya. Perancangan ini merangkumi aspek kaedah implementasi yang sesuai dan boleh diukur, dianalisa, dipantau dan ditambahbaik. Perancangan meliputi aspek pengurusan serta penilaian semula (*manage and review*) yang berterusan semasa tahun 2022 berteraskan model kepimpinan FSPU/KAB yang menekankan aspek komitmen yang tinggi dari semua warga akademik dan pentadbiran dan pencapaian objektif kualiti FSPU/KAB.

#### **Pelaksanaan**

Pelaksanaan PAPP secara sistematik menggunakan pengukur utama petunjuk prestasi iaitu KPI Universiti dan Fakulti berteraskan moto ***Unleashing Potentials, Shaping the Future*** dan ***Generations of Professional Excellence***. Tahap pencapaian FSPU/KAB dalam JI&K diukur berdasarkan indikator yang ditetapkan mengikut analisa data yang bersesuaian yang dikumpul secara berkala. Data disimpan dengan cermat dan dapat diakses oleh pihak pengurusan dengan kaedah sistem yang mudah dan selamat bagi menepati prosedur yang ditetapkan oleh Universiti. Pada tahun 2022, penggunaan sistem yang selaras pada peringkat universiti masih digunakan dan lebih diperluaskan, dipermudahkan capaiannya kepada staf, contohnya aplikasi *gdrive*, *whatsapp*, *GMeet*, *Webex* dan platform sosial media. Ini memudahkan komunikasi dan perkongsian maklumat di antara tenaga pengajar, pelajar dan pihak pengurusan serta jaringan profesional industri luar. FSPU/KAB meningkatkan petunjuk prestasi Jaringan Industri dan Keusahawanan (JI&K) dengan menambah kolaborasi, webinar *knowledge sharing session* bersama industri dalam dan luar negara, penglibatan bersama badan profesional, organisasi awam tempatan dan antarabangsa yang dimanfaatkan oleh warga FSPU/KAB amnya.

#### **Pemantauan**

Setiap pegawai bertanggungjawab yang terlibat dalam pengurusan data JI&K melaporkan hasil analisa data di dalam mesyuarat peringkat unit dan Kolej sebagai kaedah pemantauan data. Pelaporan dibuat setiap semester dan prestasi *Performance Indicator* (PI) dipantau dari segi peratusan pencapaian serta isu/risiko yang berbangkit. Pengurusan Tertinggi FSPU/KAB juga memantau pencapaian projek/aktiviti berkaitan PI dan menjadikan platform mesyuarat pengurusan dan seterusnya MKSP untuk membincangkan dengan lebih terperinci risiko, peluang tindakan pencegahan, masalah yang dihadapi, tindakan penambahbaikan dan hasil analisa keberkesanan penambahbaikan yang telah dilaksanakan bagi pengawalan risiko dan penambahbaikan berterusan.

#### **Tindakan Penambahbaikan**

Tindakan penambahbaikan melibatkan pelantikan Jawatankuasa JI&K di kalangan tenaga pensyarah baru dan staf pentadbiran terhadap beberapa kategori kumpulan *Performance Indicator* (PI). Susulan cabaran pandemik COVID-19 yang bermula pada tahun 2020 berserta arahan PKP, PKPB dan PKPP yang berlanjut sehingga 2021, Universiti dan Kolej telah membuat sedikit pindaan dan kesesuaian kaedah JI&K pada 2022 bagi menyokong pencapaian PI. Mesyuarat AJK ICAN dan Unit Perancangan Strategik bergerak bersama-sama untuk memastikan PI tercapai. Ini termasuk pelaksanaan *Operational Definition* (OD) diwujudkan bagi Kolej mencapai sasaran PI yang ditetapkan dan rujukan untuk penambahbaikan berterusan. Laporan Unit Perancangan Strategik yang memantau prestasi PI untuk JI&K disediakan pada 2022 dan dibentangkan di peringkat Pusat Pengajian dan peringkat pengurusan tertinggi di dalam mesyuarat yang dimintikkan.

#### **4.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

Pengurusan telah membuat perancangan agar kayu pengukur utama FSPU/KAB yang digunakan sebagai pencapaian prestasi PAPP adalah KPI Univers KPI FSPU/KAB. Ini berlandaskan Pelan Strategik 5 tahun UiTM (2020-2025) dan model FSPU/KAB yang berteraskan prinsip ***Generations of Professional Excellence*** secara menyeluruh. Perkara ini jelas dinyatakan di dalam laman web FSPU/KAB khususnya dalam perutusan PNC FSPU/KAB (4.2.1 Perutusan FSPU/KAB). Model ini relevan dan bertepatan bagi kelestarian FSPU/KAB dalam konteks JI&K. Elemen di dalam model yang telah dikenal pasti adalah:

1. Jaringan penglibatan/kolaborasi bersama pihak industri dan **Professional Accreditation Bodies**. Semua aktiviti /program/dapatkan/impak kepada FSI bersama pihak dalam dan luar negara
2. Jaringan penglibatan dan kolaborasi bersama **Core Industries** dan agensi kerajaan seperti pihak JKR//PLANMalaysia/Pihak Berkua Tempatan
3. Jaringan penglibatan dan kolaborasi bersama NGO / Komuniti yang bukan bidang Alam Bina dalam atau luar negara (4.2.2: Poster Aktiviti Bersama P Pihak)

Pelaksanaan aktiviti dan program yang berkaitan adalah mengikut proses yang sistematik dan bermula dari pengenapstian projek dan aktiviti untuk dijalankan bersama industri. Di peringkat “*bottom up*” (PP kepada Pihak Pengurusan) atau secara “*top down*” (Pihak Pengurusan kepada Pusat Pengajian), pelaksanaan aktiviti dijalankan mengikut SOP FSPU/KAB yang memastikan perlaksanaan yang berkesan dan mudah untuk pemantauan. Pendekatan me SOP memudahkan AJK untuk menyediakan kertas kerja, penyenaraian aktiviti-aktiviti yang dirancang untuk implementasi, merancang bilangan staf yang terlibat dan mengenalpasti kos/sumber pembelian, menetapkan tempoh setiap peringkat pelaksanaan projek, disusuli perbincangan dari pihak pusat pe pemurnian sebelum dibentangkan di peringkat pengurusan. Pada tahun 2022, sebanyak 10 PI daripada 63 PI, adalah berkaitan dengan projek dalam bidang **Jaringan Industri**, manakala 13 PI menyentuh aktiviti/projek dalam bidang **Keusahawanan** yang melibatkan pensyarah/staf dan pelajar. Selebihnya merangkumi aspek akademik, pembelajaran, penyelidikan dan komuniti.

Projek yang dikenalpasti di peringkat PP telah melalui proses penyediaan kertas kerja oleh AJK yang mana objektif, butiran aktiviti, bilangan staf/budget, tar tempoh pelaksanaan telah dikenalpasti dan disokong oleh pengurusan atasan. Kertas kerja dibentangkan di dalam Mesyuarat Pengurusan dan dipertimbangkan untuk kelulusan pembelian serta perincian yang lebih jelas. Antara manfaat yang diperolehi dari proses ini adalah cadangan pihak pengurusan untuk memperolehi pembelian daripada pihak industri/alumni yang berkaitan. Dari segi pencapaian prestasi JI&K, pendekatan penilaian pencapaian indikator-indikator adalah seperti yang dinyatakan di bahagian Indikator Pengukuran pencapaian JI&K dan bahagian Proses pengukuran pencapaian.

Pendekatan menggunakan pelaporan bertujuan merekodkan data pengukuran berkaitan indikator JI&K bagi tahun 2022 berdasarkan Dasar JI&K (4.2.3 P JI&K Bil 2 2022). Langkah ini memudahkan semua pihak untuk membuat rujukan dan perincian analisa ke arah langkah-langkah pertambahbaikan seterusnya.

Perincian laporan perancangan strategik 2022 disediakan oleh AJK ICAN dan dimuatnaik di sistem universiti dan *google drive* oleh Ketua Unit Kualiti dan memohon kebenaran (*access*) untuk tindakan yang bersesuaian dengan keperluan (4.2.4: Laporan Strategik G Drive). Pemantauan berterusan oleh pengurusan dilakukan melalui mekanisme pembentangan dan perbincangan laporan Perancangan Strategik di mesyuarat MKSP bersama tindakan yang perlakukan (4.2.5 Minit Mesyuarat MKSP Bil 44 2022). Selain mengenalpasti kekuatan/strength PI yang mencapai sasaran pengenapstian *Performance* (PI) yang belum mencapai sasaran juga dilakukan bagi tujuan penambahbaikan seperti yang dilaporkan di dalam Laporan Strategik.

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0080\\_A01\\_AB02\\_20231\\_Bukti 4.2.1.pdf](#)
2. [F0080\\_A01\\_AB02\\_20232\\_Bukti 4.2.2.pdf](#)
3. [F0080\\_A01\\_AB02\\_20233\\_Bukti 4.2.3.pdf](#)
4. [F0080\\_A01\\_AB02\\_20234\\_Bukti 4.2.4.pdf](#)
5. [F0080\\_A01\\_AB02\\_20235\\_Bukti 4.2.5.pdf](#)

### **4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Dari aspek perluasan, data-data yang digunakan untuk membuat penilaian adalah tertumpu kepada *Performance Indicator* PI yang dinyatakan di bahagian 4.2 di atas yakni bilangan perjanjian, bilangan aktiviti, bilangan khidmat kepakaran dan indikator-indikator lain (PI) dan diperincikan semula di bahagian ini. Data ini telah dikumpulkan pada setiap akhir semester dan dianalisa dari segi peratusan pencapaian Indikator tersebut. Kaedah utama pengumpulan data oleh AJK ICAN adalah dengan merekodkan setiap bilangan PI dan kemudian telah dimasukkan ke dalam sistem UePMO. Versi sistem terkini UiTM ini merupakan kaedah/mekanisme bagi meningkatkan kualiti JI&K dan boleh diakses dan diisi oleh AJK ICAN FSPU/KAB.

Sembilan *Performance Indicator* (PI) yang berkaitan Jaringan Industri (JI) dan telah mendapat pencapaian penuh 100% adalah:

- **PI020** Bilangan aktiviti *official partnerships*
- **PI023** Bilangan kolaborasi bersama agensi agensi, panel industri, NGOs, IPT (tempatan dan antarabangsa)
- **PI030** Bilangan syarikat terlibat dengan aktiviti kerjaya
- **PI065** Jumlah geran penyelidikan dan Pembiayaan Industri
- **PI072** Bilangan MoU baru dan MoA bersama Industri antarabangsa
- **PI074** Bilangan aktiviti di bawah MoA/ MoU bersama industri antarabangsa
- **PI085** Bilangan staf yang mempunyai 6 tahun pengalaman industri
- **PI088** Bilangan staf yang mempunyai kelayakan badan profesional
- **PI090** Bilangan staf sebagai ahli dalam organisasi akademik / badan professional dalam dan luar negara

Manakala, dua belas PI yang berkaitan keusahawanan dan telah mendapat pencapaian penuh 100% adalah:

- **PI021** Bilangan pelajar keusahawanan IPT yang menjalankan perniagaan di kampus semasa tempoh pengajian
- **PI022** Bilangan syarikat *enterprise* atau projek perniagaan
- **PI023** Bilangan kolaborasi bersama agensi, industri NGOs, IPT (tempatan dan antarabangsa)
- **PI024** Bilangan pendidik yang mempunyai kepakaran keusahawanan
- **PI026** Jumlah pelajar terlibat in dalam IPT Inovasi dan program berlandaskan Teknologi
- **PI030** Bilangan syarikat yang terlibat di dalam aktiviti kerjaya
- **PI064** Jumlah geran penyelidikan peringkat kebangsaan.
- **PI065** Jumlah of geran penyelidikan pembiayaan industri
- **PI066** Jumlah geran penyelidikan pembiayaan antarabangsa.
- **PI072** Bilangan MoU baru dan MoA bersama industri antarabangsa
- **PI074** Bilangan aktiviti di bawah MoA/ MoU bersama industri antarabangsa
- **PI117** Penjanaan pendapatan Kumpulan Wang Amanah daripada latihan/program latihan/program akademia/ pertandingan

Oleh yang demikian, kaedah utama yang telah digunakan dalam membuat penilaian dan analisis data bagi setiap PI yang disenaraikan di atas adalah dengan membuat perbandingan pencapaian bilangan program/aktiviti dengan sasaran yang telah dirancang dan peratusan yang telah tercapai. Ini juga telah memberi gambaran yang jelas tentang tahap pencapaian PI tersebut (4.3.1: Jadual Item Pengukuran Data). Justeru, dari rekod telah didapati pencapaian PI secara keseluruhan adalah sangat memberangsangkan dan mencapai sasaran penuh. Dari segi kekerapan penilaian PI telah dipantau setiap bulan mengenai perkembangan sasaran.

Permaianan projek adalah merupakan bahan yang akurasi/program yang terkini mengikut bahan yang, nama program/aktiviti, perancangan kos yang terlibat, dana yang diperolehi dari fakulti atau dari luar, dan kos sebenar juga dipantau (4.3.2: Laporan *Project Cost Summary* 2022). Laporan ini memberi petunjuk terhadap pencapaian KPI yang seterusnya telah digunakan sebagai sumber rujukan dan untuk tujuan penambahbaikan (*continuous quality improvement-CQI*) di tahun yang akan datang (4.3.3: Laporan Rumusan ICAN dan Keusahawanan 2022). Selain daripada itu, pencapaian sasaran program/aktiviti berkaitan JI&K juga dibincangkan di dalam mesyuarat bersama pihak pengurusan FSPU/KAB (4.3.4: Agenda Mesyuarat Keusahawanan Bil 4, 2022) (4.3.5 Mesyuarat MKSP Bil 44, 2022.)

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0080\\_A01\\_AB03\\_20231\\_BUKTI 4.3.1 Jadual Item Pengukuran.pdf](#)
2. [F0080\\_A01\\_AB03\\_20232\\_BUKTI 4.3.2 Project Cost Summary.pdf](#)
3. [F0080\\_A01\\_AB03\\_20233\\_BUKTI 4.3.3 PI Achievement Report.pdf](#)
4. [F0080\\_A01\\_AB03\\_20234\\_Buktii 4.3.4 Mesyuarat keusahawanan bil 4 2022.pdf](#)
5. [F0080\\_A01\\_AB03\\_20235\\_Buktii 4.3.5 Minit MKSP Bil 44 2022.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Proses pembelajaran di dalam PAPP meliputi elemen yang penting iaitu langkah pemantauan. Pemantauan pencapaian Jaringan Industri dan Keusahawanan (JI&K) dilaksanakan oleh FSPU/KAB secara berkala dan berperingkat mengikut kekerapan analisa data yang telah ditetapkan sejajar projek di dalam Pelan Strategik FSPU/KAB 2022 (4.4.1.1): Laporan Hasil Pencapaian PI UiTM 2025). Laporan Pencapaian Performance Indicator (PI) UiTM 2025 ini dibentangkan di peringkat Kolej setiap hujung tahun dimana pencapaian ini dipantau oleh pegawai bertanggungjawab yang terdiri daripada Koordinator, penyelaras atau Ahli Jawatankuasa (AJK) Unit ICAN dan Unit Keusahawanan yang telah dilantik (4.4.1.2: Jadual pegawai bertanggungjawab/ pemantau mengikut Pengukuran PI).

Di peringkat unit mengikut projek SAP pula, pegawai pemantau ini melaporkan dan membincangkan hasil pengumpulan dan analisa data berkenaan setiap awal bulan sebelum diserah kepada BTU (4.4.1.3: SAP 2022 Laporan Kemajuan). Antara aspek yang dipantau adalah bilangan aktiviti/program, nama program/aktiviti, perancangan kos dan perolehan dana dari sumber dalam atau luar FSPU/KAB. Hasil pencapaian dari laporan ini adalah untuk mengenal pasti kelemahan,kekangan pencapaian serta menjadi rujukan bagi tujuan penambahbaikan pada tahun seterusnya. Pada tahun 2022, pencapaian FSPU/KAB adalah di kedudukan 5 bintang (*5 star rating*) dengan skor sebanyak 80% (4.4.1.4: Pencapaian PI FSPU/KAB *5 STAR rating*).

Laporan setiap program/ aktiviti sepanjang tahun 2022 melibatkan PI dimajukan untuk semakan di peringkat Jawatankuasa ICAN dan Jawatankuasa Keusahawanan iaitu Pengurus Projek dan seterusnya Pengarah Projek (Timbalan Dekan ICAN & Koordinator Keusahawanan) membentangkan pelaporan untuk disahkan dalam Mesyuarat Pengurusan Tertinggi. Tambahan pula, keseluruhan hasil laporan yang telah disemak beserta maklumbalas dikongsi dan direkodkan di dalam Minit Mesyuarat Pengurusan Tertinggi FSPU/KAB 2022. Laporan yang dibentangkan memberi penekanan untuk tindakan penambahbaikan oleh setiap Ketua Pusat Pengajian (4.4.1.5a: Contoh Slaid Mesyuarat Keusahawanan & Petikan Minit Mesyuarat FSPU/KAB ke 45 berkaitan Jaringan Industri untuk tindakan PP).

Pemantauan juga dibuat melalui pembentangan laporan lain antaranya Laporan e-Programme Self Review Report (ePSRR) oleh AJK Kualiti setiap Pusat Pengajian (PP) dan Laporan Audit Dalaman oleh Ketua Sistem Audit yang melaporkan penglibatan alumni, industri juga penilaian akreditasi daripada badan-badan profesional. Jawatankuasa ini bertanggungjawab dalam melakukan pemantauan sekali dalam setahun beserta menyediakan laporan eSRR dan dibentangkan di peringkat kolej (4.4.1.5b: Contoh Slaid Ringkasan Laporan ePSSR AP221).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0080\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20231\\_4.4.1.1 - Laporan Hasil Pencapaian PI JI\\_K 2022.pdf](#)
2. [F0080\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20232\\_4.4.1.2- Jadual Pegawai Pemantau dan Komponen Pengukuran KPI.pdf](#)
3. [F0080\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20233\\_4.4.1.3- SAP Laporan Kemajuan mengikut Projek di bawah JI\\_K.pdf](#)
4. [F0080\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20234\\_4.4.1.4-Pencapaian PI FSPUKAB 5 STAR rating.pdf](#)
5. [F0080\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20235\\_4.4.1.5-Contoh Slaid Mesyuarat Keusahawanan untuk tindakan PP.pdf](#)

#### **4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

PAPP boleh terjejas dengan terdapatnya risiko. Kegagalan untuk menangani risiko menjelaskan fokus pencapaian KPI yang ditetapkan. Risiko PAPP dikenalpasti oleh Pengurusan Kanan / Eksekutif fakulti/kolej pengajian, ketua-ketua pengajian/ketua bahagian/unit dan pegawai pengurus data melalui perbincangan hasil analisa data.

Oleh yang demikian, Unit Pengurusan Risiko FSPU/KAB telah mengamalkan sikap proaktif dalam mengenalpasti dan menguruskan risiko agar perancangan dan pelaksanaan aktiviti berkaitan JI&K dapat berjalan seperti yang digariskan untuk mencapai PI FSPU/KAB. Risiko dan pelan tindakan didaftarkan dalam sistem pengurusan risiko universiti (eRMS) dan kemudian dibentangkan oleh Unit UPR FSPU/KAB samada di dalam MKSP, mesyuarat pengurusan, bengkel/mesyuarat perancangan strategik atau mesyuarat Kualiti FSPU/KAB. Langkah ini memberi petunjuk kepada KPP untuk perancangan yang lebih efisien dan sistematik (4.4.2.1 PSAP2022 *Project Info with Project Risk* / 4.4.2.2 Minit Mesyuarat Pengurusan FSPU/KAB dalam MKSP)

Berikut adalah antara risiko PAPP bagi JI&K di FSPU/KAB:

**Risiko 1:** *Memorandum of Understanding (MoU)* tidak dikira sebagai PI ICAN manakala hanya *Memorandum of Agreement (MoA)* diambil kira dalam PI ICAN. Ini menjadi satu cabaran risiko ketidakcapaian PI jika tiada MoA dilaksanakan/dicapai pada tahun tersebut disebabkan proses MoA yang panjang dan melibatkan implikasi kewangan.

**Kawalan:** Bagi mengatasi isu ini dan sebagai kaedah pengawalan risiko, ICAN mengenalpasti MoU yang berpotensi dijadikan sebagai MoA (4.4.2.3 Contoh aktiviti MoU yang diangkat sebagai MoA). Selain dari itu, kawalan risiko juga dapat dilaksanakan dengan mengaktifkan aktiviti-aktiviti di bawah MoU pada peringkat PP dengan perancangan serta pelaksanaan yang lebih efisen dan pemantauan yang berterusan (4.4.2.4 Minit Mesyuarat PPPBW Bil. 3/ 2022).

**Risiko 2:** Laporan program JI&K yang tidak lengkap dan tidak direkodkan dalam sistem PRIME. Kepelbagaiannya format laporan program menyukarkan pihak PJI untuk pendaftaran ke dalam sistem dan berkemungkinan maklumat juga tidak lengkap. Risiko juga berlaku apabila ketua projek tidak menyalurkan data program PJI yang dilaksanakan mengikut tempoh perancangan terutama di peringkat PP dan impaknya data ini adalah tidak dikira dalam PI FSPU/KAB.

**Kawalan:** Bagi mengatasi perkara ini, kawalan risiko adalah dengan semakan oleh AJK/Penyelaras UPS, pengenalpastian langkah mitigasi serta pelaporan kepada Ketua dan pihak Pengurusan. Penyelaras telah mendapatkan data tambahan dengan menghubungi KPP berserta merujuk laporan/maklumat projek FSPU/KAB.(4.4.2.5 Laporan Ketidakcapaian KPI PI075-PI079 bagi Kolej Pengajian Alam Bina)

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0080\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20231\\_Bukti 4.4.2.1 - Project Info with Project Risk.pdf](#)
2. [F0080\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20232\\_Bukti 4.4.2.2 - Minit MKSP Bil 44 2022.pdf](#)
3. [F0080\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20233\\_Bukti 4.4.2.3 - MoU yang berpotensi dijadikan sebagai MoA bagi Tahun 2022.pdf](#)
4. [F0080\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20234\\_Bukti 4.4.2.4 Minit Mesyuarat PPPBW Bil.3 22 berkaitan](#)

[MoU-MoA.pdf](#)

5. [F0080\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20235\\_Bukti 4.4.2.5 - Laporan Ketidakcapaian KPI PI075-PI079 bagi Kolej Pengajian Alam Bina.pdf](#)

#### **4.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Penambahbaikan prestasi bermula dengan proses pemantauan oleh Ketua Unit Perancangan Strategik (UPS) FSPU/KAB bersama ahli pasukan mengenai prestasi PI. Proses pemantauan juga disokong oleh Unit Kualiti, Unit Komunikasi dan Korporat (4.4.3.1: Pembentukan Kumpulan Unit Perancangan Strategik). Di dalam proses ini, AJK unit UPS yang mewakili setiap PP di Kolej bertanggungjawab mengumpul dan menyemak data PI. Unit-unit tersebut adalah hal ehwal kewangan, keusahawanan, akademik, siswazah, staf akademik, aktiviti pelajar, aktiviti penyelidikan, jaringan industri, perpustakaan dan hal berkaitan MyRA. Proses pemantauan dilaksanakan dengan melakukan pengumpulan dan merekodkan data berkaitan Performance Indicator (PI), disusuli penganalisaan data mengikut skop yang telah dijelaskan oleh ketua UPS (4.4.3.2: Jadual/ Carta Organisasi Unit-unit PS). Ini adalah bagi memastikan tiada pertindanan analisis data serta dapat memberi gambaran jelas pencapaian PI tersebut berdasarkan sasaran fakulti untuk proses pertambahbaikan yang seterusnya.

Dalam penganalisa data, setiap AJK berbincang bersama untuk memastikan data yang telah dikumpul/direkod dan dikemaskinikan. Langkah seterusnya adalah analisis dan laporan daripada ketua UPS tentang pencapaian PI dan langkah pertambahbaikan, contohnya mengemukakan langkah pengukuhan strategi sediada untuk menambahkan aktiviti/penglibatan staf dan aktiviti pelajar yang berkaitan (4.4.3.3: Minit Mesyuarat AJK Keusahawanan FSPU). Fokus utama yang dilaporkan adalah prestasi dan pencapaian PI dalam bentuk peratusan tercapai maksimum atau belum mencapai sasaran. Maklumbalas dari ahli mesyuarat dan sebarang tindakan penambahbaikan atau cadangan di bincangkan bersama AJK UPS di Mesyuarat UPS susulan mesyuarat pengurusan. Tambahan pula, perbincangan AJK meliputi corak pengoperasian unit UPS bagi melancarkan operasi dan proses pemantauan secara berkala dan berperingkat berlaku mengikut kekerapan analisa data yang ditetapkan setiap 3 bulan sebelum dibentangkan di peringkat Mesyuarat Pengurusan.

Semakan pencapaian dilakukan bagi mengenalpasti aspek kelemahan untuk tujuan penambahbaikan dan dibentangkan di Mesyuarat Pengurusan, Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP), Mesyuarat Perancangan Strategik dan Unit Kualiti (**4.4.3.4: Laporan UPS 2022**). Khususnya, Mesyuarat UPS menghasilkan Laporan Penunjuk Sasaran dan mengenalpasti langkah penambahbaikan untuk tahun 2022 (**4.4.3.5: Pencapaian PI FSPU 2022**). Dengan ini, setiap hasil analisa juga telah diwar-warkan kepada seluruh warga FSPU melalui mesyuarat di peringkat pusat pengajian oleh setiap wakil UPS, di mesyuarat pengurusan yang diwakili setiap pusat pengajian dan koordinator serta di peringkat fakulti menerusi mesyuarat fakulti bersama Dekan oleh Ketua UPS.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0080\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20231\\_Bukti 4.4.3.1 Pembentukan Kumpulan UPS.pdf](#)
2. [F0080\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20232\\_Bukti 4.4.3.2 Peranan AJK UPS FSPU KAB.pdf](#)
3. [F0080\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20233\\_BUKTI 4.4.3.3 Minit Mesyuarat AJK Keusahawanan.pdf](#)
4. [F0080\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20234\\_Bukti 4.4.3.4 Laporan Penambahbaikan UPS FSPU KAB.pdf](#)
5. [F0080\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20235\\_Bukti 4.4.3.5 Laporan Prestasi PI FSPU KAB.pdf](#)

#### **4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Pemantauan berterusan dan secara berkala di peringkat Jaringan Industri dan Keusahawanan (JI&K) FSPU/KAB menjadikan budaya pengumpulan dan analisa data dapat diterapkan dalam kalangan warga. Pemantauan ini diterjemahkan menerusi pelaporan yang disediakan oleh koordinator/ penyelaras. Laporan analisa telah dibentangkan di peringkat mesyuarat pengurusan JI&K FSPU/KAB dan PI yang dirancang telah menepati sasaran. (4.5.1 Minit Mesyuarat Pengurusan/MKSP / Catatan Perbincangan di JI&K).

Hasil analisa tindakan pencegahan risiko menunjukkan nilai kekuatan dalam kecemerlangan JI&K FSPU/KAB adalah menerusi jaringan sinergi dalam kalangan warga. Pembudayaan diamalkan menerusi beberapa kaedah antaranya ialah melalui penyediaan Manual ICAN (FSPU/KAB) oleh penyelaras/koordinator sebagai satu sumber rujukan, penyediaan laporan kemajuan, perbincangan dalam kalangan AJK dan penghebahan dalam strategi penambahbaikan berterusan. Dokumen Manual ICAN ini meliputi aspek carta alir, proses kerja, templat kertas kerja, templat pelaporan serta panduan penyediaan maklumat. Ianya sebagai satu inisiatif memastikan budaya pemantauan berkala dan penyediaan laporan/analisa sesuatu projek yang dilaksanakan tercapai. (4.5.2 Contoh Rujukan Template Laporan / Proses Kerja dan Carta Alir)

Budaya keusahawanan diterapkan dalam kalangan pensyarah dan pelajar FSPU/KAB menerusi beberapa projek yang dirancang. Antara projek yang telah dilaksanakan dan direalisasikan dengan baik ialah *FSPU Market Day*, *BuiltEntrepreneur's Day* dan *FSPU Creative Product by Each Centre (FCrep)* yang dilaksanakan untuk mewujudkan ekosistem keusahawanan di kalangan pelajar di dalam kampus dan menerapkan budaya keusahawanan dalam kalangan graduan. Manakala bagi *FCrep*, projek ini menggalakkan pelajar dan akademia dalam membangunkan produk kreatif, mewujudkan pemikiran secara kritis bagi menghasilkan produk/perkhidmatan yang terbaik. Menerusi *FCrep*, FSPU/KAB telah memenangi *Silver Award* di *StartUp International League 2022 Competition dengan penghasilan SS Ring (Sleep Stop Ring)*. Penghasilan produk kreatif ini menjadi contoh kepada usahasama dan sinergi idea antara akademia dan pelajar sekaligus pemangkin kepada pemikiran kreatif dan berdaya keusahawanan. (4.5.3 Poster Built Entrepreneurs Day/ Pasar Rabu dan Pencapaian PI Keusahawanan)

Bagi mengekalkan kualiti dan meningkatkan prestasi berkaitan JI&K, kaedah pengurusan menggunakan templat sistem UePMO dikekalkan. Medium pelaksanaan penyimpanan data berkaitan JI&K ini sesuai dan terkini, mudah diakses oleh tenaga pengajar serta pentadbir. Perbincangan dan perkongsian data di antara AJK ICAN melalui platform seperti *Gdrive*, *Google Meet*, *WhatsApp* pada tahun 2022 amat menggalakkan dan terbukti penggunaannya berkesan (4.5.4 Jadual PI dalam sistem UePMO) dan memberi ruang inovasi JI&K untuk pemantauan yang lebih efektif. Implementasi Inovasi dan penambahbaikan JI&K di FSPU/KAB merangkumi:

1. Penggunaan platform maya oleh AJK ICAN untuk memudahkan perbincangan bersama AJK unit-unit di FSPU/KAB seperti UKK
2. Pemantauan pencapaian PI yang berterusan oleh AJK ICAN dan pengurusan
3. Pelaksanaan Aktiviti/Program masakini ICAN yang menepati objektif dan menghasilkan sinergi serta manfaat bersama pihak industri, akademia dan pelbagai badan melalui platform webinar, konferensi dan pertandingan.

Budaya menghargai usaha warga FSPU/KAB diterjemahkan melalui penganjuran Anugerah Kecemerlangan Alam Bina (*College of Built Environment Excellence Awards*) (CBEEEx). Melalui CBEEEx, pengiktirafan telah dianugerahkan kepada warga FSPU/KAB yang cemerlang dalam memperkasakan JI&K sepanjang tahun 2022. Anugerah Pensyarah Aktif (Keusahawanan) dan

Anugeran Pensyaran AKTIR (Jaringan Industri) dipertandingkan. Penganugerahan ini tuan memberi motivasi kepada staf FSPU/KAB untuk memperkasa jaringan industri yang berimpak tinggi dan membuat pelaporan program yang baik.(4.5.5 Poster Deraf Buku Program CBEEEx /Poster CBEEEx/Gambar Pemenang 2 kategori ini)

**SENARAI BUKTI :**

1. [F0080\\_A01\\_AB05\\_20231\\_Bukti 4.5.1- Minit MKSP Bil 44 2022.pdf](#)
2. [F0080\\_A01\\_AB05\\_20232\\_Bukti 4.5.2 -Contoh Rujukan Template Laporan -Proses Kerja dan Carta Alir.pdf](#)
3. [F0080\\_A01\\_AB05\\_20233\\_Bukti 4.5.3 - Poster Built Entrepreneurs Day - Pasar Rabu dan Pencapaian PI Keusahawanan.pdf](#)
4. [F0080\\_A01\\_AB05\\_20234\\_Bukti 4.5.4 - Jadual PI dalam sistem UePMO.pdf](#)
5. [F0080\\_A01\\_AB05\\_20235\\_Bukti 4.5.5 - Poster Pemenang CBEEEx Tahun 2022 \(Kategori JI\\_K\).pdf](#)

## **KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA**

### **5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

#### **Perancangan**

Perancangan sumber manusia yang sistematik dalam mengoptimakan kepakaran pembangunan kepimpinan telah dipacu melalui inisiatif pembentukan Enam Teras utama ***Generations of Professional Excellence*** dan ***Model Inisiatif Jaringan Industri dan Keusahawanan (JI&K)*** FSPU/KAB. Berpandukan bidang-bidang kepakaran dan pengurusan sumber manusia FSPU/KAB yang cekap mendorong warga FSPU/KAB dalam menghasilkan aktiviti-aktiviti JI&K yang berjaya di peringkat global. Berteraskan ***Industrial trust & recognition, Leadership by example dan Delegate, motivate & empower*** menunjukkan perancangan yang sistematik dalam mempraktikkan kepakaran pembangunan kepimpinan yang dinamik dalam merealisasikan JI&K FSPU/KAB. Perancangan yang strategik dengan ***penglibatan menyeluruhan*** semua warga ***mengoptimakan kepakaran*** telah memantapkan pelaksanaan JI&K FSPU/KAB yang berimpak tinggi di peringkat nasional dan antarabangsa. Perancangan sumber manusia dalam ***libat sama industri dan keusahawanan*** telah menerapkan budaya perkongsian ilmu dan kepakaran dalam aktiviti JI&K bagi perkembangan profesionalisme yang berterusan di FSPU/KAB dan UiTM. Perancangan dan inisiatif dalam libat sama industri dan keusahawanan ini dapat menyebar luaskan kepakaran dan ***pemantapan visibility & media*** dalam pemerkasaan JI&K FSPU/KAB.

#### **Pelaksanaan**

**Perluasan kompetensi** staf sebagai pakar rujuk, diperluaskan dengan mengoptimakan kepakaran warga FSPU/KAB melalui kolaborasi bersama badan profesional dalam dan luar negara. Kolaborasi industri serta akademik dengan pelbagai bidang industri alam bina telah dilaksanakan secara efektif dimana staf dan pelajar dapat menerima perkongsian ilmu profesional secara langsung. Pelaksanaan penglibatan sumber manusia dalam membudayakan Inovasi dan R&D telah menjadi batu asas dalam membangun serta mencetuskan kreativiti dan inovasi untuk FSPU/KAB tetap bersaing di persada global. Pembudayaan inovasi, R&D dan staf sebagai pakar rujuk ditingkatkan melalui termeterainya perjanjian MoU/MoA serta wujudnya mobiliti staf dan pelajar-pelajar bersama pihak industri dalam dan luar negara. FSPU/KAB mempunyai kepakaran staf akademik untuk membantu industri dalam inovasi khidmat produk. Pelaksanaan dengan memperkasakan latihan, bengkel dan pembangunan kerjaya dalam pengurusan sumber manusia telah melahirkan sinergi yang tinggi dalam kolaborasi. Sinergi staf dalam menzahirkan pelbagai siri kursus dan latihan profesional, seminar/webinar, ***professional talk*** dan juga persidangan di peringkat universiti/kebangsaan/antarabangsa telah dijalankan dengan jayanya. Pelaksanaan ***'Infrastructure & Infostructure enhancement'*** merupakan inisiatif FSPU/KAB bagi memastikan ruang kerja yang kondusif untuk kemudahan warga. Ini mendorong peningkatan keberhasilan kolaborasi, ***visibility*** dan media kepada sumber manusia dengan mantap.

#### **Pemantauan**

Pelaksanaan pemantauan secara berterusan memastikan warga FSPU/KAB mengekalkan prestasi dan meneruskan legasi kecemerlangan dalam menjayakan JI&K yang berkualiti dan berinovasi. Bagi mencapai sasaran, FSPU/KAB memantau pencapaian PI dan Pelan Tindakan Strategik. Ini dicapai dengan pihak pengurusan melihat keberkesanan perancangan dan melakukan penambahbaikan melalui ***pemantauan keahlian profesional, komunikasi langsung dan dua hala yang berkesan, pelaksanaan audit dan Self Review Report***. Tindakan pemantauan berterusan adalah pemangkin pemerkasaan profesionalisme sumber manusia dalam menyokong pengendalian sistem kerja FSPU/KAB sentiasa berada dalam

tahap terbaik dan cemerlang.

### Tindakan Penambahbaikan

Selaras dengan model kepimpinan dan Inisiatif JI&K FSPU/KAB, pengurusan sumber manusia diukur untuk penambahbaikan bagi memastikan petunjuk prestasi pelan tindakan strategik FSPU/KAB dicapai dengan jayanya. Bagi mengoptimakan serta memperkuuhkan kebolehupayaan staf akademik dan bukan akademik dalam mengendalikan JI&K, FSPU/KAB menggariskan penumpuan penambahbaikan **budaya perkongsian** berterusan dengan seminar atau bengkel perkongsian bersama pihak industri serta **pembudayaan kecemerlangan** dengan memfokuskan kepada jaringan kolaborasi melalui perkongsian ilmu dan kepakaran bagi mempelbagaikan aktiviti jaringan industri dan keusahawanan.

## **5.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

### **Mengoptimakan kepakaran dalam pembangunan kepimpinan**

Model Inisiatif JI&K berdasarkan pembentukan enam teras **Model Kepimpinan FSPU/KAB** adalah bertujuan untuk mengkoordinasikan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan konsultasi bersama industri dan keusahawanan di kalangan staf FSPU/KAB (5.2.1 Model kepimpinan FSPU/KAB). ***Industrial trust & recognition, Leadership by example, dan Delegate, motivate & empower*** di dalam Model Kepimpinan FSPU/KAB jelas menunjukkan perancangan yang sistematis dapat direalisasikan bagi melahirkan kepimpinan yang dinamik. Pihak pengurusan FSPU/KAB sentiasa memberikan galakan warganya supaya dapat mengoptimakan kepakaran melalui Program *Mentor-Mentee, Triple-double*, penglibatan dengan program pelajar, industri, keusahawanan serta mewujudkan unit-unit di bawah ICAN dan MASMED. Penglibatan staf berkepakaran dapat dilihat melalui peningkatan bilangan staf yang mempunyai PhD, berkelayakan profesional serta pelantikan sebagai pakar rujuk, penceramah dan fasilitator (5.2.2 Staf berkelayakan). Gandingan mantap dalam kalangan staf akademik dan pentadbiran dalam setiap aktiviti yang dijalankan dapat mewujudkan suasana budaya kerja yang harmoni, cemerlang dan berkualiti.

### **Kecemerlangan dalam libat sama industri dan keusahawanan**

Pengurusan FSPU/KAB sentiasa menerapkan amalan perkongsian ilmu dan kepakaran dalam kalangan staf bagi perkembangan profesionalisme yang berterusan. Pembangunan penyelidikan, aktiviti perundingan, latihan dan pengkomersialan menjadi agenda utama dalam memenuhi kehendak industri. FSPU/KAB juga turut memanfaatkan jaringan industri sebagai satu platform penting terhadap komitmen tinggi dan usaha berterusan dalam memperkasakan JI&K dengan wujudnya staf sebagai pakar rujuk. ICAN dan MASMED sebagai platform bagi staf dan alumni FSPU/KAB yang berkhidmat di sektor awam dan swasta untuk membina *networking*, berinteraksi dan memberi sumbangan atas kapasiti profesional mereka sebagai eksekutif, teknokrat, usahawan dan akademia. Manakala bagi menyuburkan bidang keusahawanan, FSPU/KAB memberi tumpuan terhadap beberapa projek dan inisiatif bagi membangunkan *networking* (5.2.3 *Networking & Penglibatan projek*).

### **Meningkatkan persekitaran kolaborasi profesional**

Pendekatan menyeluruh melalui kolaborasi profesional telah mendorong keberkesanan perluasan ilmu pengetahuan bagi peningkatan JI&K. Penglibatan pemegang taruh dan FSPU/KAB juga diperkasa melalui (i) Kolaborasi dengan badan profesional dan akreditasi nasional dan antarabangsa (ii) kolaborasi bersama agensi kerajaan dan industri berteraskan alam bina dan (iii) Kolaborasi bersama industri bukan dalam bidang alam bina. Kolaborasi ini menjadikan pemain Industri sebagai pakar rujuk, pemeriksa luar dan panel penilai dalam proses PdP pelajar dan juga penambahan ilmu pengetahuan staf FSPU/KAB (5.2.4a Penglibatan panel industri). Penglibatan kolaborasi bersama industri melalui ***Visibility and Media*** adalah merupakan satu amalan yang kerap dijalankan oleh FSPU/KAB bagi memastikan peningkatan pengetahuan staf serta pelajar (5.2.4b Senarai Webinar).

### **Pengiktirafan kepada sumber manusia**

FSPU/KAB mengambil pendekatan dinamik dalam pengurusan sumber manusia untuk melakukan transformasi ke arah perkhidmatan yang cemerlang melalui pembudayaan amalan meraikan dan memberi penghargaan. Inisiatif beracuankan ***Celebrating Success*** ini akan menilai tahap produktiviti staf dapat ditingkatkan melalui persekitaran kerja yang kondusif. FSPU/KAB sentiasa menghargai setiap kecemerlangan prestasi yang diberikan oleh setiap warga melalui Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dengan penilaian prestasi tahunan (SKT & LNPT) melalui sistem MyATP. Majlis Anugerah Kecemerlangan (CBEEEx2022) merupakan

penghargaan berbentuk ganjaran kepada staf yang mempamerkan prestasi cemerlang dalam kategori tertentu termasuklah JI&K (5.2.5 APC & CBEEEx2023). Pengiktirafan ini bukan sahaja kepada rakan industri tetapi juga kepada pusat tanggungjawab, staf dan pelajar FSPU/KAB yang telah menyumbang dalam penghasilan aktiviti, program jaringan industri yang berimpak tinggi dan lestari.

**SENARAI BUKTI:**

1. [F0080\\_S01\\_SB02\\_20231\\_5.2.1 Model kepimpinan KAB.pdf](#)
2. [F0080\\_S01\\_SB02\\_20232\\_5.2.2 Bilangan staf berkelayakan.pdf](#)
3. [F0080\\_S01\\_SB02\\_20233\\_5.2.3 Networking \\_ Penglibatan Projek.pdf](#)
4. [F0080\\_S01\\_SB02\\_20234\\_5.2.4 penglibatan panel industri dan Senarai webinar.pdf](#)
5. [F0080\\_S01\\_SB02\\_20235\\_5.2.5 APC \\_ CBEEEx2022.pdf](#)

### **5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

#### **Perluasan kompetensi sumber manusia**

Model Kepimpinan FSPU/KAB diperluaskan dengan mengoptimakan kepakaran warga FSPU/KAB melalui kolaborasi bersama badan profesional dalam dan luar negara. FSPU/KAB telah mengambil langkah proaktif dengan menjalankan pelbagai program seperti kolaborasi akademik bersama pelbagai bidang industri dalam siri perkongsian syarahan oleh jemputan luar (emain industri, alumni dan pemeriksa luar industri) (5.3.1 Kolaborasi Industri dan Keusahawanan). Tahun 2022, menunjukkan peningkatan bilangan staf akademik yang memperolehi jawatan Professor, Doktor Falsafah dan kelayakan profesional dalam bidang kepakaran masing-masing. Selain tugas hakiki, staf juga perlu melibatkan diri dengan aktiviti perundingan, khidmat masyarakat, program ceramah motivasi dan kerjaya serta penglibatan sebagai jawatankuasa kelab dan persatuan yang ditubuhkan. Pelaksanaan program ini sebagai platform yang efektif kerana staf dan pelajar dapat menerima perkongsian ilmu profesional secara langsung.

#### **Penglibatan sumber manusia dalam membudayakan Inovasi**

Prinsip kebertanggungjawaban dan integriti menjadi asas dalam menjalankan penyelidikan yang berinovasi sehingga menjadikan staf FSPU/KAB diiktiraf oleh pihak luar dan dirujuk kepakarannya. Pembudayaan inovasi dan staf sebagai pakar rujuk ditingkatkan melalui termeterainya perjanjian **MoU/MoA** serta wujudnya mobiliti staf dan pelajar bersama pihak industri. Melalui inisiatif ini, staf akademik dan pelajar dapat melibatkan diri dalam pertandingan yang diadakan seperti pembentangan hasil penyelidikan dalam bentuk poster dan penulisan ilmiah sehingga menghasilkan kejayaan di peringkat nasional dan antarabangsa. Pihak industri juga telah menawarkan beberapa geran kepada para penyelidik dan pelajar FSPU/KAB bagi menzahirkan projek penyelidikan dan pembangunan R&D (5.3.2 Jenis geran). Dalam konteks ini, pelbagai kerjasama dilaksanakan seperti pertandingan rekacipta dan inovasi produk berkaitan dengan keperluan industri yang boleh membantu kreativiti staf dan pelajar dalam R&D.

#### **Memperkasakan latihan dan bengkel**

Pengurusan tertinggi FSPU/KAB sangat menggalakkan penglibatan aktif industri melalui sinergi dan usahasama dalam menyediakan kemahiran dan latihan kepada staf dan pelajar. Pihak ICAN dan MASMED berjaya menjalankan beberapa latihan dan webinar melibatkan staf dan industri. Terdapat beberapa aktiviti yang dilaksanakan dengan kerjasama industri seperti *MDEC Digital Entrepreneurship Workshop/Training* yang merupakan sinergi FSPU/KAB dengan beberapa rakan industri sekaligus menjadi **mentor industri**. FSPU/KAB juga mewajibkan staf meningkatkan kepakaran mereka dengan menghantar staf bagi menjalani latihan industri dalam bidang masing-masing bertujuan untuk meningkatkan kerjaya dan pemindahan ilmu dalam menjayakan **Industrial trust & recognition** (5.3.3 Latihan industri staf). Penglibatan staf dalam menzahirkan pelbagai siri kursus dan latihan profesional, seminar, webinar dan *professional talk* telah dijalankan dengan jayanya (5.3.4 Bengkel dan Program).

#### **Persekutuan yang kondusif**

Pelaksanaan **Infrastructure & Infostructure enhancement** adalah merupakan inisiatif FSPU/KAB bagi mengekalkan persekitaran tempat kerja yang profesional dan memastikan ruang kerja yang kondusif serta fasiliti yang terbaik untuk kemudahan pelajar dan staf. Antara pelaksanaan yang dibuat adalah dengan menaik taraf makmal-makmal komputer, makmal Geo-SUG dan makmal *concrete* (5.3.5a Menaiktaraf makmal/bengkel). Para alumni yang berada dalam industri telah memberikan sumbangan kepada pihak FSPU/KAB bagi membangunkan satu ruang RIICAN bagi kegunaan staf dan pelajar dalam menjalankan proses

penyelidikan dan PdP (5.3.5b Ruang RIICAN). Usaha ini akan memastikan pelajar-pelajar dapat menggunakan ruang dan fasiliti dengan berkesan dan staf akademik dapat menzahirkan kolaborasi bersama pemain industri. Ruang-ruang makmal/bengkel ini bukan sahaja digunakan oleh warga FSPU/KAB, tetapi ianya juga boleh disewa oleh pihak luar bagi menghasilkan penjanaan pendapatan.

**SENARAI BUKTI :**

1. [F0080\\_S01\\_SB03\\_20231\\_5.3.1\\_Kolaborasi\\_industri\\_keusahawanan.pdf](#)
2. [F0080\\_S01\\_SB03\\_20232\\_5.3.2\\_Jenis\\_geran.pdf](#)
3. [F0080\\_S01\\_SB03\\_20233\\_5.3.3\\_Latihan\\_industri.pdf](#)
4. [F0080\\_S01\\_SB03\\_20234\\_5.3.4\\_Bengkel\\_dan\\_program.pdf](#)
5. [F0080\\_S01\\_SB03\\_20235\\_5.3.5\\_Menaiktaraf\\_makmal\\_bengkel\\_ruang.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

FSPU/KAB komited dalam memastikan persekitaran bagi setiap warga kerja berada dalam tahap yang terbaik. Tahap kepuasan hati dan aduan sumber manusia terhadap persekitaran kerja diberi perhatian oleh pihak pengurusan. Hasil maklumbalas oleh staf pentadbiran menunjukkan **tahap kepuasan pelanggan** berada di tahap yang memuaskan. (5.4.1.1 Analisa Maklum Balas Pelanggan 2022).

Pemantauan berterusan bagi sepuluh (10) program di bawah FSPU/KAB oleh **lembaga dan badan profesional** serta **kolaborasi bersama pihak industri** di peringkat nasional dan antarabangsa dalam bidang alam bina, mewujudkan persekitaran kerja dan kebolehpasaran graduan memenuhi kehendak industri (5.4.1.2a Lembaga & badan profesional).

Bagi memastikan warga kerja sentiasa bermotivasi, staf disarankan untuk mengikuti **program latihan** yang dianjurkan oleh lembaga dan badan profesional bagi mengekalkan keahlian dan sekaligus bergiat aktif di peringkat industri (5.4.1.2b Senarai Latihan). Selain itu, peringatan bersama turut diberikan oleh pihak pengurusan kepada warga kerja yang mempunyai **jam latihan** yang kurang 42 jam, supaya mengikuti latihan yang dianjurkan oleh pihak UiTM dan agensi luar (5.4.1.2c Peringatan Latihan).

Perkhidmatan pengajaran dan pembelajaran adalah selari dengan kehendak industri, **lantikan pemeriksa luar dan panel industri** diperlukan dalam memberi khidmat nasihat dan pemantauan ke atas kualiti kurikulum yang bersepada agar graduan yang dihasilkan dapat memberi impak yang positif dalam kecemerlangan kerjaya di masa akan datang (5.4.1.3 Lantikan Pemeriksa Luar & Panel Industri).

Salah satu inisiatif FSPU/KAB adalah meningkatkan tadbir urus dari segi **pemantauan audit** (5.4.1.4a Senarai Juruaudit) dan penilaian **Self-Review Report (SRR)** (5.4.1.4b *Self-Review Report*) supaya berada di tahap pencapaian tertinggi. Pertambahan jumlah panel juruaudit bagi meningkatkan akauntabiliti dan integriti warga kerja FSPU/KAB dengan mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh *The Institute of Internal Auditors Global*. Ini sekaligus dapat melonjakkan nama FSPU/KAB sebagai salah satu fakulti Alam Bina yang menjadi pakar rujuk oleh pihak industri.

Peranan kepimpinan pengurusan atasan FSPU/KAB memainkan peranan penting dalam memastikan warga kerja FSPU/KAB sentiasa bekerja dalam suasana yang harmoni dan efektif. Untuk memastikan khidmat yang diberikan memenuhi kepuasan hati warga kerja, taklimat oleh Penolong Naib Canselor dalam menyampaikan **amanat** dan mewujudkan komunikasi secara langsung bersama dengan warga FSPU/KAB agar bergiat aktif bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi juga bergiat aktif dalam industri (5.4.1.5 Taklimat Penolong Naib Canselor).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0080\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20231\\_5.4.1.1.pdf](#)
2. [F0080\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20232\\_5.4.1.2.pdf](#)
3. [F0080\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20233\\_5.4.1.3.pdf](#)
4. [F0080\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20234\\_5.4.1.4.pdf](#)
5. [F0080\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20235\\_5.4.1.5.pdf](#)

#### **5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Pengurusan risiko diperlukan bagi memastikan setiap permasalahan dalam pengurusan sumber manusia mempunyai pelan tindakan yang baik. Kebanyakan aktiviti pelajar yang dilaksanakan secara fizikal sebelum ini terpaksa ditangguhkan akibat pandemik Covid-19 dengan mengubah kepada **medium pengajaran secara atas talian**. FSPU/KAB memastikan keberkesanan jalinan kerjasama pihak industri terus dilaksanakan dengan baik tanpa memberi impak yang negatif kepada keseluruhan sistem pentadbiran dan akademik pelajar (5.4.2.1 Senarai Aktiviti bersama Pihak Industri).

Pada tahun 2021, penglibatan pelajar dan warga kerja sebagai usahawan tidak mencapai petunjuk prestasi (PI) yang disasarkan di dalam Pelan Strategik. Oleh itu, pada tahun 2022, FSPU/KAB mengambil cakna dan pendekatan dengan meningkatkan **aktiviti keusahawanan** sebagai nilai tambah dalam profesion sebagai usahawan secara global dan telah mencapai sasaran yang ditetapkan. Perancangan strategik FSPU/KAB turut memastikan elemen keusahawanan dijadikan sebagai salah satu objektif dalam pencapaian prestasi FSPU/KAB (5.4.2.2 Keusahawanan FSPU/KAB).

Program webinar bersama pihak industri memberi impak yang positif dalam penyaluran ilmu buat warga FSPU/KAB. Namun pelaksanaan program webinar memerlukan **data simpanan** untuk menyimpan hasil rekod webinar tersebut. Pentadbiran warga FSPU/KAB perlu menyimpan data di dalam folder *google drive* dan penggunaan *Microsoft Team/One Drive* kerana kebanyakan urusan adalah secara atas talian dan melibatkan jumlah data yang besar (5.4.2.3a Daftar Risiko 2022).

**Pengurangan jumlah staf akademik** berikutan peningkatan staf yang berpencen, secara tidak langsung mengurangkan bilangan pensyarah yang terlibat secara profesional dalam industri. Kesannya, beban tugas pensyarah sedia ada bertambah bagi menampung kehendak PdP dan penglibatan industri. Tindakan pengambilan pensyarah baharu dan menggalakkan aktif dalam industri telah dijalankan oleh pihak pengurusan atasan bagi memastikan operasi FSPU/KAB berjalan lancar (5.4.2.3b Daftar Risiko 2022).

Revolusi Industri 4.0 yang rancak berlaku di seluruh dunia memerlukan semua pihak bertindak pantas seiring dengan pembangunan pesat. Staf akademik telah diberi peluang untuk praktis di industri melalui **latihan sabatikal** bagi meningkatkan pengetahuan semasa dan amalan profesional secara langsung dengan pihak industri (5.4.2.4 Latihan Sabatikal).

Terdapat risiko terhadap **tahap pemahaman pelajar** ketika aktiviti pembelajaran JI&K dilakukan secara atas talian. Untuk mengatasi permasalahan ini, staf akademik perlu memastikan pengendalian webinar direkodkan agar boleh diulang tayang semula oleh pelajar atau *link recording* diberi kepada pelajar selepas program webinar bersama pihak industri (5.4.2.5 *Link recording* Webinar).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0080\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20231\\_5.4.2.1.pdf](#)
2. [F0080\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20232\\_5.4.2.2.pdf](#)
3. [F0080\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20233\\_5.4.2.3.pdf](#)
4. [F0080\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20234\\_5.4.2.4.pdf](#)
5. [F0080\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20235\\_5.4.2.5.pdf](#)

#### **5.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Berlandaskan **Model Kepimpinan FSPU/KAB**, warga FSPU/KAB menggembung tenaga untuk memastikan persekitaran kerja yang kondusif dapat dilaksanakan di tahap yang terbaik. Pencapaian PI (5.4.3.1a PI Achievement Report UiTM FSPU/KAB 2022) dan Pelan Tindakan Strategik FSPU/KAB diteliti bagi melihat keberkesanan perancangan dan melakukan penambahbaikan (5.4.3.1b Pelan Tindakan Strategik FSPU/KAB 2022-2025).

FSPU/KAB turut menambahbaik dari segi kualiti ilmu berasaskan kesahan dan kebolehpercayaan dengan mengadakan **seminar atau bengkel perkongsian (sharing session)** bersama pihak industri supaya membolehkan mereka mengaplikasikan pengajaran dan pembelajaran yang lebih praktikal dan relevan dengan kehendak industri (5.4.3.2 Senarai webinar atau bengkel). Pembudayaan sesi perkongsian ini melalui pendekatan pengajaran secara kolaborasi (*Collaborative Teaching*), penganjuran webinar, penglibatan badan profesional dan kolaborasi bersama alumni.

Selain itu, pelaksanaan aktiviti melalui **MoU/MoA** dan projek konsultansi, sentiasa dipertingkatkan setiap tahun untuk mencapai sasaran yang ditetapkan. (5.4.3.3 Senarai MoU/MoA). Justeru, menjadi tanggungjawab setiap pusat pengajian untuk memantau dan seterusnya menambah baik kerjasama bersama industri dan keusahawanan agar tidak memberi kesan negatif kepada pelajar dan staf yang terlibat.

Staf bukan akademik turut membantu dalam menerapkan **elemen keusahawanan**, dari segi penjimatan kewangan FSPU/KAB melalui pembinaan wakaf PTAR dan pembuatan Cendera Kenangan FSPU/KAB (5.4.3.4 Produk FSPU/KAB). Ini sekaligus, meningkatkan visibiliti FSPU/KAB kerana mampu melahirkan staf yang kreatif dan berinovasi ke arah pengukuhan minda serta kemahiran keusahawanan.

Selain itu, melalui jalinan kerjasama dan hubungan yang baik dengan pihak alumni yang berkhidmat secara profesional dengan pihak industri, secara langsung membantu menerapkan elemen keusahawanan dalam meningkatkan penjanaan pendapatan iaitu berjumlah **RM285,815.00** melalui **penjualan buku 5 Dekad FSPU** (5.4.3.5a Buku 5 Dekad FSPU). Secara tidak langsung, hasil jualan buku tersebut telah membantu para pelajar FSPU/KAB yang kurang berkemampuan dari sudut kewangan dengan cara pembelian laptop dan diserahkan secara terus kepada pelajar yang telah dikenalpasti dalam kalangan keluarga B40.

FSPU/KAB turut memberi penganugerahan kepada staf akademik dan staf bukan akademik untuk meningkatkan lagi produktiviti dan keberkesanan sumber manusia melalui **pembudayaan kecemerlangan** dengan mengiktiraf staf yang terlibat secara aktif di bidang industri (5.4.3.5b CBEEEx 2022). Ini akan menjadi suatu platform bagi semua warga kerja FSPU/KAB dalam meningkatkan kualiti kerja dan memotivasikan warga FSPU/KAB supaya sentiasa berdaya saing dan mencapai sasaran yang ditetapkan.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0080\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20231\\_5.4.3.1.pdf](#)
2. [F0080\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20232\\_5.4.3.2.pdf](#)
3. [F0080\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20233\\_5.4.3.3.pdf](#)
4. [F0080\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20234\\_5.4.3.4.pdf](#)
5. [F0080\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20235\\_5.4.3.5.pdf](#)

## 5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Aspirasi memperkasa Jaringan Industri dan Keusahawanan (JI&K) dalam kalangan warga FSPU/KAB adalah merupakan budaya kualiti yang tinggi yang telah dilaksanakan dengan baik di dalam pengurusan sumber manusia. Pengurusan sumber manusia yang cekap telah berjaya mentadbir JI&K dengan berkesan. Keberkesanan mengoptimakan kepakaran sumber manusia dalam penglibatan JI&K telah berupaya memperluaskan dan meningkatkan keupayaan sumber manusia di peringkat nasional dan seterusnya peringkat global. Berkonsepkan “*Generations of Professional Excellence*” dan Model Inisiatif JI&K serta keberhasilan “*Leadership by Example*” melalui penetapan hala tuju yang strategik dengan pembentukan kluster dan memperkasakan profesionalisme sumber manusia, **pembudayaan perluasan ilmu pengetahuan** melalui **budaya sinergi kolaborasi** telah dapat diwujudkan. Kumpulan pakar profesional dan pakar dalam bidang teras telah dibentuk. Pembudayaan ini telah mendorong kolaborasi JI&K menghasilkan solusi yang cemerlang. Keberkesanan pembudayaan ini dilihat dengan terjalannya jaringan industri antara FSPU/KAB dengan pelbagai industri dan organisasi (kepakaran “*cross discipline*”) contohnya (5.5.1a kepakaran sumber manusia sebagai pakar rujuk di peringkat nasional dan antarabangsa; 5.5.1b Kolaborasi dengan badan profesional dan badan akreditasi nasional dan antarabangsa; 5.5.1c Kolaborasi dengan agensi kerajaan dan industri berteraskan Alam Bina iaitu Tenaga Nasional Berhad (TNB) & Brunei Institution of Geomatic dan 5.5.1d Kolaborasi bukan dalam bidang Alam Bina iaitu Syarikat He&She Coffee dan Yayasan Rahmah).

Keberkesanan pengoptimaan sumber manusia dengan keterlibatan staf akademik yang mempunyai kepakaran keusahawanan telah menyokong pelajar dalam pendedahan kepada dunia keusahawanan dengan terjalannya program keusahawanan FSPU/KAB (5.5.1e Senarai pensyarah kepakaran keusahawanan dan projek bersama Digi). Budaya ini telah meningkatkan prestasi dan penambahbaikan pengurusan sumber manusia FSPU/KAB dalam menjalankan JI&K sehingga telah menggapai kecemerlangan global. Budaya yang dilaksanakan secara berterusan dan dijadikan amalan telah mampu meningkatkan **visibility sumber manusia FSPU/KAB**.

Keberkesanan penambahbaikan perancangan sistematik dan perluasan terancang menjadi pemungkin kepada pembudayaan keberkesanan JI&K bagi menghasilkan sumber manusia yang mempunyai budaya kerja **pemikiran kreatif dan inovatif**. Berasaskan kepada hala tuju perancangan strategik dan juga kualiti objektif FSPU/KAB, libat sama industri dan keusahawanan telah meningkatkan kompetensi tenaga kerja dalam pembudayaan menzahirkan inovasi yang sentiasa melakukan penambahbaikan secara berterusan dalam menggapai “*globally competent*” pada tahun 2022 dan seterusnya GRU pada tahun 2025. Keterlibatan pensyarah sebagai penasihat keusahawanan telah membantu pelajar dalam mewujudkan ekosistem keusahawanan di dalam kampus. Projek keusahawanan ‘FSPU Market Day’ dan “*FSPU Entrepreneurship Summer Camp*”, telah menerapkan budaya keusahawanan dalam kalangan graduan bagi menghasilkan graduan keusahawanan yang seimbang, kompeten dan kebolehpasaran di peringkat global (5.5.2 Projek Keusahawanan FSPU/KAB).

Bagi staf bukan akademik, penghasilan produk cendera kenangan telah meningkatkan kepakaran yang ada bagi membudayakan pemikiran kreatif dan inovatif. Produk ini telah dapat dihasilkan untuk **visibility** FSPU/KAB (5.5.3 Produk Cendera Kenangan). Ruang yang sedia ada di FSPU/KAB, telah dapat dipromosikan bagi projek penjanaan pendapatan (5.5.4 Ruang Sewa FSPU/KAB). Keberkesanan pengurusan sumber yang baik dan cekap di FSPU/KAB, telah memacu **pembudayaan pengiktirafan dan penghargaan kecemerlangan** warga FSPU/KAB. Budaya pengiktirafan dan penghargaan kepada staf akademik dan staf bukan akademik ini telah diraikan kejayaan dan pencapaian warga FSPU/KAB sepanjang tahun 2022 (5.5.5 College of Built Environment Excellence Awards 2022 (CBEEx)). Pembudayaan ini telah memberi peluang kepada warga untuk menggarap potensi dalam meningkatkan prestasi jaringan industri dan keusahawanan dalam memacu kejayaan global.

LAMPIRAN

1. [F0080\\_S01\\_SB05\\_20231\\_Lampiran 5.5.1.pdf](#)
2. [F0080\\_S01\\_SB05\\_20232\\_Lampiran 5.5.2..pdf](#)
3. [F0080\\_S01\\_SB05\\_20233\\_Lampiran 5.5.3..pdf](#)
4. [F0080\\_S01\\_SB05\\_20234\\_Lampiran 5.5.4..pdf](#)
5. [F0080\\_S01\\_SB05\\_20235\\_Lampiran 5.5.5..pdf](#)

## **KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI**

### **6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

#### **Perancangan**

Sejajar dengan pengiktirafan global melalui QS Ranking dan kebolehpasaran graduan, FSPU/KAB dedikasi dalam memastikan pengoperasian aspek jaringan industri dan keusahawanan bergerak seiring dalam mencapai KPI universiti. Perancangan yang sistematik di setiap bidang menepati sasaran pencapaian untuk momentum kecemerlangan yang berterusan. Dari segi silibus pengajaran, telah meletakkan aspek keusahawanan menepati

**Pelan Strategik UiTM 2025.** Melalui aktiviti keusahawanan FSPU/KAB, para pelajar diberi peluang untuk mendalamai bagi memperkasa set minda global dalam kalangan pelajar UiTM. Aspek jaringan industri telah meningkatkan tahap kepakaran para pensyarah dalam pelbagai bidang yang dikehendaki oleh pasaran. FSPU/KAB sentiasa memberi dorongan dalam mempertingkatkan kecekapan tenaga pengajar dalam bidang iktisas.

#### **Pelaksanaan**

Pelaksanaan operasi aspek jaringan industri dan keusahawanan (JI&K) dilaksanakan secara sistematik melalui kaedah yang sesuai, efektif dan terancang bagi melahirkan kompetensi cemerlang staf akademik dan pengurusan pentadbiran yang cekap. Selain itu, penglibatan badan professional dan ahli industri mengukuhkan teras operasi FSPU/KAB bergerak lebih jitu dengan pelaksanaan pengajaran kolaboratif, webinar dan panel penilai projek pelajar telah memberi impak yang besar dalam meningkatkan jalur perkembangan dengan industri luar. Susulan itu, FSPU/KAB sentiasa proaktif dalam khidmat perundingan yang dijalankan dengan perolehan dana dalam pelbagai sektor melibatkan penglibatan pensyarah dan juga para pelajar. Selain itu, dari segi aspek keusahawanan, FSPU/KAB telah melaksanakan pelbagai aktiviti dan program melalui Keusahawanan FSPU/KAB dengan kerjasama MASMED telah menjadi tunggak utama dalam pembudayaan **minda keusahawanan** dikalangan pelajar dan juga staf.

#### **Pemantauan**

FSPU/KAB sentiasa memantau pengoperasian JI&K berada pada landasan yang mengikuti keperluan semasa dan kehendak universiti dan juga industri. Asas keutuhan FSPU/KAB di dalam keperluan bidang adalah penekanan kepada para pensyarah bagi memperoleh gelaran profesional dari badan iktisas. Hal ini dapat dilihat FSPU/KAB adalah antara Fakulti atau Kolej Pengajian yang memiliki gelaran professional yang tertinggi berbanding fakulti lain. Selain itu, usaha jitu pihak FSPU/KAB dalam membudayakan **minda keusahawanan** dikalangan para pelajar dan pensyarah dapat dilihat melalui program dan aktiviti yang mendapat kerjasama dari MASMED. Pelbagai projek berteraskan keusahawanan memberi impak yang besar kepada para pelajar bagi melahirkan graduan yang **berjiwa usahawan dan berdaya saing** yang tinggi.

#### **Tindakan Penambahbaikan**

FSPU/KAB sentiasa cakna dalam tindakan penambahbaikan bagi mempertingkatkan tahap daya saing dalam kecemerlangan dan kualiti pengoperasian mengikut keperluan pelbagai bidang. Aspek JI&K dilihat sebagai satu kekuatan kepada FSPU/KAB mengorak rentas global yang jitu dalam memastikan setiap tindakan dan strategi yang dibuat adalah mengikut pencaturan yang telah ditetapkan. Setiap program dan aktiviti yang dilaksanakan di bawah JI&K dirancang dengan teliti dalam usaha mencapai PI universiti. Program-program yang dilaksanakan seperti webinar dan syarahan jemputan mengikuti prosedur yang ditetapkan seperti membuat kaji selidik bagi penambahbaikan operasi pada masa akan datang. Kaji selidik

ini amat penting bagi melihat tahap kepuasan pelanggan dalam penyertaan yang dijalankan. Keberkesanan program yang dijalankan adalah diukur secara menyeluruh meliputi kaedah pelaksanaan, penyampaian serta hasil dapatan. Hal ini penting, setiap *post-mortem* yang dibuat mengambil kira kelemahan operasi dan juga kekuatan bagi tujuan penambahbaikan. Pengoperasian aspek JI&K FSPU/KAB menunjukkan skala yang sistematik melalui laporan hasil daftar risiko dari semua unit pelaksana bagi memastikan tindakan dan strategi yang diambil adalah mengikut operasi standard prosedur (SOP).

## 6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Penstrukturkan semula fakulti kepada kolej memperlihatkan perubahan struktur organisasi yang lebih komprehensif. Pengurusan tertinggi diterajui oleh PNC bersama-sama empat jawatan dekan dengan tumpuan dan portfolio pengkhususan bidang masing-masing. JI&K dibawah fokus Dekan Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN) seterusnya memberikan tumpuan yang khusus terhadap sasaran dan keberhasilan dibawah bidang ini.

FSPU/KAB berlitzam mengintensifkan bidang tujuan JI&K melalui penyelidikan, perundingan, keusahawanan, dan aktiviti jalinan industri dan kemasyarakatan yang berterusan. Bagi melancarkan operasi yang diperlukan oleh pelanggan, pengurusan FSPU/KAB melalui **proses kualiti PDCA** model ISO 9001:2015 memastikan perancangan inisiatif, menentukan keperluan untuk produk, pelaksanaan dan menyemak semula operasi dijalankan dengan berkesan. (6.2.1 Model PDCA)

Untuk mencapai sasaran bidang tumpuan, FSPU/KAB menyasarkan empat objektif strategik yang perlu dicapai iaitu pemerkasaan keusahawanan, pemerkasaan hubungan industri, memperkasakan perundingan dan memperkasakan hubungan industri di bawah tumpuan JI&K. Bagi mencapai kesemua objektif, FSPU/KAB telah mengenalpasti strategi yang boleh menyokong kepada objektif tersebut. FSPU/KAB menyasarkan setiap graduan siswazah perlu mempunyai **minda keusahawanan** dengan menggalakkan pendaftaran syarikat di Suruhanjaya Syarikat Malaysia(SSM) seterusnya penjanaan pendapatan tahunan. Bagi pelajar pascasiswazah, mereka diwajibkan untuk lulus kursus keusahawanan TIE2 anjuran MASMED untuk melayakkan mereka ke peringkat pembentangan cadangan penyelidikan. Manakala bagi staf akademik, mereka digalakkan untuk memiliki minda keusahawanan dengan penglibatan sebagai panel, penceramah program keusahawanan, penasihat pakar dan sebagainya (6.2.2 Pelan Strategi Keusahawanan FSPU/KAB).

Perancangan teliti dibuat untuk mengenal pasti kesesuaian bidang pengajaran di dalam industri serta program yang ditawarkan samada ia boleh memberi impak penjanaan pendapatan melalui projek perundingan dan geran yang ditawarkan. Kekuatan FSPU/KAB adalah setiap bidang pengajian terdapat pensyarah yang mempunyai **kelayakan sijil professional yang diiktiraf oleh lembaga dan badan profesional**(6.2.3a Maklumat Keahlian Badan Professional). Usaha menggalakkan lebih ramai pensyarah untuk mempunyai kelayakan profesional ini, FSPU/KAB telah memberi pengiktirafan terhadap kenaikan pangkat melalui sijil profesional tersebut. Melalui pengiktirafan yang diberikan, ia memberikan suntikan semangat kepada pensyarah untuk terus menjalinkan hubungan erat dengan pihak industri seterusnya berusaha untuk mendapatkan kelayakan sijil profesional tersebut. Inisiatif ini akan terus menyokong bagi pencapaian objektif strategik dalam memperkasakan hubungan industri(6.2.3b Borang Kenaikan Pangkat Melalui Kelayakan Profesional).

**Pengiktirafan kelayakan professional** ini memberikan keyakinan dari pihak industri untuk berkolaborasi dalam bentuk MoU/MoA untuk perundingan dan penyelidikan. Ia merupakan satu kekuatan FSPU/KAB apabila membuat usul perancangan dan permohonan projek perundingan dengan pihak industri. Pengiktirafan ini dizahirkan melalui lantikan staf akademik dalam jawatankuasa dan pakar rujuk lembaga dan badan profesional (6.2.3c Lantikan jawatankuasa dan pakar rujuk lembaga). Bagi memperkasakan perundingan, FSPU/KAB telah menyasarkan perundingan luar negara untuk menambah bilangan dan nilai geran perundingan selain projek perundingan dalam negara.

FSPU/KAB sentiasa menggalakkan aktiviti pelajar bersama industri serta perkongsian kepakaran bersama alumni untuk memberi pendedahan praktikal dan informasi terkini berkaitan amalan professional. Pelbagai webinar dan program telah dirancang untuk memastikan informasi terkini dapat disampaikan kepada kakitangan akademik dan pelajar. Penganjuran konferensi antarabangsa dan perundingan yang mendapat endorsement dari pelbagai organisasi kerajaan, lembaga dan badan profesional dalam bentuk mata CPD (6.2.4 Poster CPD points IConBEE2022). Seterusnya, memberikan penghargaan keatas setiap pencapaian

Kemahiran dan Inovasi Kecemerlangan di Sektor (CBEEEx) sebagaimana ditunjukkan pencapaian berterusan (6.2.5 Penghargaan Majlis Anugerah Kecemerlangan FSPU/KAB (CBEEEx) 2022)

**SENARAI BUKTI:**

1. [F0080\\_O01\\_OB02\\_20231\\_6.2.1 Model PDCA.pdf](#)
2. [F0080\\_O01\\_OB02\\_20232\\_6.2.2 Pelan Strategi Keusahawanan KAB.pdf](#)
3. [F0080\\_O01\\_OB02\\_20233\\_6.2.3 Maklumat Keahlian Badan Profesional.pdf](#)
4. [F0080\\_O01\\_OB02\\_20234\\_6.2.4 Poster CPD Point ICONBEE2022.pdf](#)
5. [F0080\\_O01\\_OB02\\_20235\\_6.2.5 Penghargaan Majlis Anugerah Kecemerlangan FSPU\\_KAB \(CBEEEx\) 2022.pdf](#)

### **6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Operasi jaringan industri dan keusahawanan (JI&K) di FSPU/KAB menitikberatkan **integrasi** antara pelbagai pihak bermula daripada pihak pengurusan atasan, peringkat pusat-pusat pengajian, pentadbiran dan staf teknikal meliputi kampus di Shah Alam dan Puncak Alam.

Projek dibawah JI&K dikawal selia oleh Dekan ICAN melalui Penyelaras ICAN dan Koordinator Keusahawanan FSPU/KAB, dibantu oleh wakil Pusat Pengajian. Aktiviti utama yang telah dirancangkan disebarluaskan kepada staf melalui hebahan email, aplikasi WhatsApp dan pelbagai platform media sosial (*Instagram* dan *Facebook*) yang dikendalikan oleh Unit Korporat FSPU/KAB. Libatsama industri dalam semua aktiviti di FSPU/KAB telah menjadi sebahagian dari operasi di FSPU/KAB yang akan menjadikan ***Generations of Professional Excellence*** satu kenyataan. Kesemua program di FSPU/KAB mendapat pengiktirafan Badan Profesional bidang masing-masing. Dari itu, FSPU/KAB sering menerima lawatan dari wakil badan professional samada untuk lawatan akreditasi maupun lawatan kunjungan hormat.

Badan-badan profesional ini juga melaksanakan sesi bicara bersama pelajar (6.3.1 Lawatan Badan Profesional). Pengajaran kolaboratif merujuk kepada pendekatan pengajaran yang melibatkan kerjasama tenaga pengajar dalam kalangan staf akademik dan rakan industri. Pelajar memperolehi ilmu industri tanpa implikasi kewangan dari kolej dan tenaga pengajar memperolehi mata CPD. Kerjasama ini telah melibatkan 61 kursus dan didaftar di bawah *Centre of Innovative Delivery and Learning* (CiDL). Dari 61 kursus, 48 (79%) daripadanya melibatkan rakan kongsi industri dan 3 daripadanya melibatkan rakan industri antarabangsa (6.3.2a Jumlah Pengajaran Kolaboratif (kategori Industri) 2022). Sebagai contoh pada pembelajaran sesi Mac 2022, Pusat Pengajaran Pembinaan dan Ukur Bahan telah bekerjasama dengan *Sunway Construction* untuk sesi pengajaran (6.3.2b Pengajaran Kolaboratif CMA423).

Disamping itu, kehadiran beberapa **kapten industri** dan **notable alumni** terkemuka dalam bidang alam bina di FSPU/KAB seperti Ar Hijjas Kasturi, Datuk Sr Hj Kamarulzaman Mat Salleh dan Professor Dato' Tajuddin Ismail sebagai Profesor Adjung telah meningkatkan persekitaran professional dan mempertingkat penglibatan industri dalam PdP di FSPU/KAB. Lantikan Profesor Adjung ini membentuk kebersamaan yang dapat membantu FSPU/KAB dalam mencetuskan strategi bagi menyediakan pelajar dengan keperluan industri sebelum memasuki dunia pekerjaan (6.3.3 Professor Adjung). Pelaksanaan pelbagai inisiatif ini bukan sahaja menaikkan visibiliti FSPU/KAB dimata industri, malahan memberi impak positif kepada pelajar melalui pengajaran kolaboratif. Libatsama industri dalam pelbagai seminar dan webinar yang dianjurkan di FSPU/KAB menunjukkan komitmen FSPU/KAB dalam memantapkan budaya perkongsian ilmu di kalangan pelajar dan stafnya. (6.3.4 Seminar dan Webinar FSPU/KAB). Kesemua aktiviti ini dilaporkan dalam sistem SMART dan PRIME.

Aktiviti keusahawanan di FSPU/KAB dilaksanakan melalui KPI yang ditetapkan sewaktu perancangan strategik. Contoh aktiviti yang telah dilaksanakan adalah *Market Day*. Aktiviti ini dirancang dari peringkat perancangan strategik (6.3.5a Perancangan Strategik Market Day). Setelah mendapat kelulusan (6.3.5b Surat Kelulusan), Koordinator Keusahawanan (MASMED) mendapatkan peserta untuk berniaga di Pasar Rabu dan seterusnya dilaksanakan pada tarikh yang telah ditetapkan (6.3.5c Market Day). Pembukaan gerai jualan adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang digariskan oleh Pejabat Pembangunan Infrastruktur dan Infostruktur, UiTM. Selain daripada itu, untuk mencapai aspirasi ***entrepreneurial and well-balanced graduates*** aktiviti seperti penyertaan dalam pertandingan (*Start-Up International League Competition, MyENT Registration, I-Nation Mranti Program FSPU, MDEC Digital Entrepreneurship*). Keusahawan juga diterapkan melalui pelaksanaan melalui aktiviti PdP seperti contoh peraduan merekabentuk kafe *He & She Coffee* (6.3.5d Pertandingan merekabentuk He& She Coffee).

#### **SENARAI BUKTI :**

- [1. F0080\\_O01\\_OB03\\_20231\\_6.3.1 Lawatan Budaya Profesional.pdf](#)
- 2. [F0080\\_O01\\_OB03\\_20232\\_6.3.2 Collaborative Teaching.pdf](#)
- 3. [F0080\\_O01\\_OB03\\_20233\\_6.3.3 Profesor Adjung FSPU\\_KAB.pdf](#)
- 4. [F0080\\_O01\\_OB03\\_20234\\_6.3.4 Seminar dan Webinar FSPU\\_KAB.pdf](#)
- 5. [F0080\\_O01\\_OB03\\_20235\\_6.3.5 Pelaksanaan Operasi Keusahawanan KAB.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pemantauan JI&K dilaksanakan melalui pelbagai cara. Untuk aktiviti yang melibatkan PdP, kandungan pembelajaran yang dilaksanakan diperingkat FSPU/KAB dipastikan selari mengikut kehendak industri dan juga aspek keusahawanan menjadi tunggak kepada kecemerlangan dan daya saing kepada para pelajar dan pensyarah. Demi memastikan kelangsungan setiap program yang ditawarkan, pembangunan kurikulum sentiasa dikemaskini melalui semakan silibus yang diadakan setiap tiga ke lima tahun dengan **pemantauan dari badan profesional** dan pemegang taruh yang telah dilantik (6.4.1.1 sijil penganugerahan akreditasi). Laporan tahunan perlu dikemukakan kepada penganugerah akreditasi sebagai langkah pemantauan dipihak mereka. Kurikulum yang ditawarkan di FSPU/KAB sentiasa selaras dengan kehendak industri bagi menjamin tahap relevan mengikut keperluan semasa dan akan datang (6.4.1.2 Kelulusan Semakan Kurikulum). Penilaian secara berkala untuk memantau perjalanan program akademik dilaksanakan melalui lantikan penilai luar dan dalam dan lantikan panel industri (6.4.1.3: Penilai Luar dan Dalaman). Keterlibatan panel industri dan keusahawanan adalah selaras dengan kehendak FSPU/KAB bagi menjamin bidang yang dipasarkan adalah memenuhi keperluan industri dan keusahawanan bagi melahirkan **graduan yang holistik bercirikan keusahawanan dan seimbang**. Pelbagai inisiatif FSPU/KAB untuk melibatkan panel industri dan pemegang taruh secara terus dalam pengajaran mengikut bidang terutama menjadi penilai dalam kerja kursus pelajar serta memberi galakkan melalui perkongsian syarahan dan pengalaman industri. Maklumbalas dari panel industri dan pemegang taruh semasa program berlangsung membolehkan pelajar mendapat input industri yang amat penting dalam pembentukan diri mereka. Untuk aktiviti JI&K, pemantauan dilaksanakan secara aktif oleh Dekan ICAN melalui laporan pencapaian PI oleh unit perancangan strategik FSPU/KAB.

Untuk pembelajaran yang melibatkan keusahawanan, pelaksanaan kaedah pemantauan pembelajaran dilakukan dengan mengambilkira keterlibatan pelajar dalam kursus dan projek yang berkait terus kepada industri dan keusahawanan. Contohnya melalui laporan perkembangan kursus ENT600. Kursus *Technology Entrepreneurship* (ENT600) dan kursus-kursus lain yang mempunyai PLO keusahawanan menjadi asas ilmu bagi menghasilkan **pelajar berminda keusahawanan** dan seterusnya meningkatkan kecenderungan penglibatan di dalam keusahawanan melalui projek inovasi dan kreatif (6.4.1.4 *Built Environment Entrepreneurship Day*). Unit Keusahawanan FSPU/KAB memantau program yang telak dilaksanakan dengan menganalisa peningkatan jumlah penglibatan dan tahap pencapaian pelajar di dalam program dan pertandingan yang sertai, selaras dengan KPI yang telah ditetapkan oleh ICAN dan MASMED (6.4.1.5 Kejayaan pertandingan peringkat antarabangsa).

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0080\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20231\\_6.4.1.1 Kelulusan Akreditasi.pdf](#)
2. [F0080\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20232\\_6.4.1.2 Kelulusan Semakan Kurikulum.pdf](#)
3. [F0080\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20233\\_6.4.1.3 Penilai Luar dan Dalaman.pdf](#)
4. [F0080\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20234\\_6.4.1.4 Built Environment Entrepreneurship Day.pdf](#)
5. [F0080\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20235\\_6.4.1.5 Kejayaan Pertandingan Peringkat Antarabangsa.pdf](#)

#### **6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Untuk mengerakkan inisiatif strategi JI&K, FSPU/KAB sentiasa peka dan bersedia untuk mengurus risiko supaya JI&K berjalan dengan lancar. Pelan tindakan pengurusan risiko di peringkat FSPU/KAB dipertanggungjawabkan kepada Unit Pengurusan Risiko FSPU/KAB. Penyelaras Risiko telah dilantik bagi menyelaras risiko-risiko di FSPU/KAB bersama wakil dari setiap pemilik risiko iaitu kesemua dekan dan ketua-ketua pengajian. Wakil pemilik risiko bertanggungjawab mengenal pasti risiko di pusat pengajian dan unit pentadbiran masing-masing. PRF seterusnya akan menyelaraskan risiko-risiko ini dan membuat pelaporan dalam Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan bagi tindakan lanjut oleh PTJ (6.4.2.1 Minit Mesyuarat MKSP). Risiko berkenaan JI&K didaftarkan sebagai risiko dan langkah penyelesaian dilaporkan dalam sistem Daftar Risiko eRMS (6.4.2.2: Laporan Pendaftaran Risiko FSPU/KAB - Industri). Setiap pusat pengajian dan unit pentadbiran akan mengisi daftar risiko untuk merekodkan risiko yang telah dikenalpasti. Daftar risiko juga memerlukan pemilik risiko untuk merekodkan kawalan sedia ada yang telah dilaksanakan. Ini membolehkan tindakan mitigasi dilaksanakan kepada risiko yang telah dijangkakan. Operasi JI&K yang melibatkan pelajar, staf akademik dan staf bukan adamik di FSPU/KAB memerlukan kawalan risiko yang baik untuk memastikan setiap projek berjalan lancar.

Sepanjang 2022, risiko pengoperasian di FSPU/KAB kebanyakannya berkisar tentang impak selepas pandemik COVID-19. Masih terdapat beberapa aktiviti yang melibatkan industri yang tidak dapat dilaksanakan secara optimum akibat pandemik (6.4.2.2: Laporan Pendaftaran Risiko FSPU/KAB - Industri). Contohnya aktiviti Hazard Identification, Risk Assessment and Risk Control (HIRACH) tidak dapat dijalankan kerana memerlukan pemantauan fizikal. Risiko melibatkan aktiviti keusahawanan juga dikenalpasti dan dilaporkan (6.4.2.3: Laporan Pendaftaran Risiko FSPU/KAB - Keusahawanan). Selain dari itu, risiko sumber seperti fasiliti di FSPU/KAB yang telah rosak menyebabkan aktiviti bersama agensi luar untuk PdP tidak dapat dilaksanakan. Pandemik juga menyebabkan beberapa software yang terdapat di FSPU/KAB tidak dikemaskini dan untuk pengajaran secara kolaboratif dengan industri. Namun begitu, kebanyakannya projek yang telah dirancang dapat dilaksanakan secara atas talian (6.4.2.4 Daftar Risiko FSPU - Online). Walaupun pada tahun 2022 FSPU/KAB telah beroperasi secara fizikal, namun Langkah fasa *post-pandemic* masih lagi memerlukan pendekatan dan langkah berjaga-jaga di dalam perlaksanaan semua program yang telah dirancang di mana beberapa program dijalankan secara atas talian dan hybrid (6.4.2.5 Program secara atas talian dan hibrid).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0080\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20231\\_6.4.2.1 Minit Mesyuarat MKSP.pdf](#)
2. [F0080\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20232\\_6.4.2.2 Laporan Pendaftaran Risiko FSPU\\_KAB - Industry.pdf](#)
3. [F0080\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20233\\_6.4.2.3 Laporan Pendaftaran Risiko FSPU\\_KAB - Keusahawanan.pdf](#)
4. [F0080\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20234\\_6.4.2.4 Daftar Risiko FSPU - Online.pdf](#)
5. [F0080\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20235\\_6.4.2.5 Program atas talian dan hibrid.pdf](#)

#### **6.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

FSPU/KAB komited dalam tindakan penambahbaikan berterusan untuk memastikan setiap aktiviti bidang tumpuan yang dirancang berjalan dengan baik dan mendapatkan hasil yang optimum. Inisiatif yang dijalankan telah direkod, dipantau dan dikaji semula secara berkala mengikut prosedur ICAN yang ditetapkan melalui sistem SMART dan PRIME. Maklumat dianalisa dan dinilai untuk penambahbaikan operasi supaya berjalan dengan lancar dan mencapai sasaran PI. Sebagai contoh, webinar *Visiting Professor Talk*, kaji selidik terhadap **tahap keberkesanan program** dijalankan agar penambahbaikan boleh dilakukan pada masa akan datang (6.4.3.1 *Visiting Professor Talk-Lean Project Management*). Konferensi IConBEE2022 pertama kali dijalankan secara hibrid telah melakukan kaji selidik untuk mengetahui tahap kepuasan peserta terhadap keberkesanan konferensi. Ini membolehkan penambahbaikan dapat dilakukan pada masa hadapan (6.4.3.2 *Satisfaction Survey*). Untuk inisiatif JK&I yang melibatkan PdP, pemantauan dilaksanakan mengikut saluran yang ditetapkan oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik UiTM. Kaji selidik yang melibatkan maklumbalas pelajar di platform yang disediakan oleh UiTM seperti SuFO, CDL-CQI dan sebagainya dianalisa dan dilaporkan dalam mesyuarat di peringkat pengajian. Disamping itu, laporan pengajaran kolaboratif bersama industri dilaporkan ke CiDL untuk rekod dan penambahbaikan seterusnya oleh staf akademik mengajar, rakan industri dan FSPU/KAB (6.4.3.3 Contoh laporan pengajaran kolaboratif).

Dari segi inisiatif keusahawanan, pemantauan berkala dilaksanakan melalui mesyuarat dan laporan BTU untuk KPI ICAN dan MASMED. Laporan penutup untuk setiap program yang dilaksanakan perlu menyertakan penemuan tentang prestasi dankekangan berserta cadangan penambahbaikan oleh Unit Keusahawanan FSPU/KAB. Sebagai contoh, untuk program *International League Competition*, penambahan penyertaan pelajar diperlukan dan penambahbaikan bentuk dan cara untuk menghasilkan inovasi produk dan servis serta *pitching* yang lebih efektif perlu diketengahkan untuk tahun akan datang (6.4.3.4 Laporan Akhir Startup International League 2022). Oleh itu, Koordinator Keusahawanan dan staf akademik di FSPU/KAB telah menyertai bengkel untuk melengkapkan kemahiran keusahawanan. Ini akan membolehkan koordinator melaksanakan program dengan lebih efisyen dan melakukan *coaching* kepada bakal peserta untuk tahun-tahun berikutnya (6.4.3.5 Koordinator Keusahawanan menghadiri *Training on Strengthening Ideation*). Ini menunjukkan bahawa aktiviti yang dijalankan tidak berakhir apabila selesai aktiviti tersebut, malahan terus diperbaiki demi **membentuk ekosistem JK&I** yang menghubungkan kemahiran staf akademik dan keberhasilan pelajar. Ini seterusnya akan menyumbang kepada UiTM untuk terus memacu transformasi kearah lebih baik dalam mencapai aspirasi **Globally Renowned University**.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0080\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20231\\_6.4.3.1 Visiting Professor Talk-Lean Project Management.pdf](#)
2. [F0080\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20232\\_6.4.3.2 Participation Survey.pdf](#)
3. [F0080\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20233\\_6.4.3.3 Contoh laporan pengajaran kolaboratif.pdf](#)
4. [F0080\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20234\\_6.4.3.4 Laporan Akhir Startup International League 2022.pdf](#)
5. [F0080\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20235\\_6.4.3.5 Koordinator Keusahawanan menghadiri Training on Strengthening Ideation.pdf](#)

## **6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

FSPU/KAB memacu kecemerlangan melalui pembudayaan **jana dan belanja** dalam melaksanakan pengoperasian yang lebih jitu dalam aspek JI&K. Bagi melebarkan keterserahan FSPU/KAB di peringkat global, strategi yang digunakan terus mengekalkan tahap daya saing yang tinggi melalui program dan aktiviti yang kekal relevan dijalankan untuk meningkatkan prestasi pelajar, staf akademik dan bukan akademik (6.5.1 FSPU TOP 200). Sistem pengoperasian yang sistematik dan efektif telah **meningkatkan visibiliti di persada antarabangsa**. Pembangunan operasi JI&K adalah seiring dengan keperluan semasa yang meliputi pelbagai aspek seperti kehendak pasaran, persekitaran dan juga kelangsungan bidang yang menjadi keutamaan bagi melahirkan graduan yang berilmu, berdisiplin, amanah, rajin dan bertanggungjawab. Oleh itu, PdP secara kolaboratif telah menjadi budaya bagi semua bidang di FSPU/KAB yang melibatkan pemegang taruh, industri, dan juga badan professional. Pembudayaan pendekatan ini dapat meluaskan jaringan industri melalui program webinar, perkongsian pengalaman dan syarahan jemputan industri. Penglibatan alumni FSPU/KAB dalam jaringan industri amat penting dalam kelangsungan bidang tumpuan (6.5.2 Poster Collaborative Teaching-Industry Talk). Pembudayaan penglibatan alumni ini menjadi satu sinergi yang strategik kepada FSPU/KAB dalam terus mengekalkan kecemerlangan dan kejayaan global bidang tumpuan.

Pengoperasian semasa FSPU/KAB terus mendukung aspirasi universiti kearah pembudayaan penjanaan pendapatan menerusi penglibatan pensyarah dalam JI&K mengikut bidang kepakaran masing-masing. Aktiviti JI&K yang dijalankan memberi impak yang besar kepada universiti untuk terus menjadi keutamaan bidang dalam membantu masyarakat dan negara. **Pembudayaan kompetensi global** telah digalas oleh staf akademik melalui pengiktirafan lembaga dan badan profesional dari dalam dan luar negara. Ini secara tidak langsung memberi refleksi yang positif kepada pihak luar dan diterjemahkan melalui kepercayaan dalam projek perundingan yang telah menjana pengoperasian kewangan yang optimum (6.5.3 Konsultansi Penjanaan).

Pembangunan pelajar FSPU/KAB tidak terhad kepada program akademik tetapi elemen **pembudayaan keusahawanan** menjadi intervensi dalam pembentukan diri pelajar yang berdaya saing. Kegiatan pelajar dalam bidang keusahawanan dioperasikan melalui unit Keusahawanan FSPU/KAB dengan kerjasama MASMED UiTM. Pembudayaan **minda usahawan** dikalangan para pelajar dan pensyarah bukan sahaja dapat meningkatkan nilai daya saing malah menambah nilai kompetensi kepimpinan dalam organisasi (6.5.4 Keusahawanan FSPU\_Projek Inovasi). Antara contoh, inisiatif Pasar Rabu telah menjadi tradisi dan tunjang utama aktiviti keusahawanan dengan penglibatan pelajar dan penasihat persatuan menerusi persatuan dalaman FSPU/KAB. Selain itu, pelbagai usaha FSPU/KAB bagi memantapkan budaya keusahawanan dan inisiatif melibatkan pelajar dan staf akademik terutama dalam pertandingan **inovasi berteraskan keusahawanan**.

Pemacuan pengoperasian FSPU/KAB bergerak merentas jurang dengan melebarkan sayap ke peringkat antarabangsa membuktikan keupayaan staf akademik dan pelajar untuk bersaing dan menyumbang diperingkat global. Kerjasama dengan agensi luar adalah norma biasa dalam aktiviti di FSPU/KAB. Sebagai salah satu contoh aktiviti outbound ke Universiti Kathmandu dan pendakian *Annapurna Base Camp* memerlukan jaringan dan penajaan dari pelbagai agensi luar (6.5.5 Jaringan Pengantarabangsaan). Pembudayaan operasi yang efisyen mengikut model **Plan Do Check Action** telah memberikan hasil yang boleh dijadikan teladan. Konsep **jana dan belanja** yang telah diterapkan dan menjadi sebahagian dari cara kerja membolehkan pelbagai aktiviti di FSPU/KAB dijalankan dengan cemerlang samada di peringkat nasional dan juga global. Ini seterusnya menunjukkan kesinambungan tadbir urus, operasi dan kelestarian kewangan yang akan terus memacu kecemerlangan FSPU/KAB yang telah dan akan terus menghasilkan **Generation of Professional Excellence**.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0080\\_O01\\_OB05\\_20231\\_6.5.1 FSPU TOP 200.pdf](#)
2. [F0080\\_O01\\_OB05\\_20232\\_6.5.2 Poster Collaborative Teaching\\_Industry Talk.pdf](#)
3. [F0080\\_O01\\_OB05\\_20233\\_6.5.3 Konsultasi\\_Penjanaan.pdf](#)
4. [F0080\\_O01\\_OB05\\_20234\\_6.5.4 Keusahawanan FSPU\\_Projek Inovasi.pdf](#)
5. [F0080\\_O01\\_OB05\\_20235\\_6.5.5 Jaringan Pengantarabangsaan.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.1 HASIL UTAMA 1**

Hasil Utama 1 memberi fokus kepada perancangan strategik yang dicapai melalui **enam teras utama** bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan (JI&K) melalui **pelaksanaan 36 projek** dalam menghasilkan *Generations of Professional Excellence*.

#### **7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Prestasi FSPU/KAB dalam perancangan strategik dapat dilihat melalui **pemerkasaan** kolaborasi dengan universiti luar, badan professional, agensi kerajaan, syarikat-syarikat korporat, panel industri, alumni dan masyarakat/komuniti. **Tahap Pencapaian FSPU/KAB dalam bidang tumpuan JI&K adalah cemerlang pada tahun 2022.** Dari segi jaringan kerjasama dengan pihak industri, **FSPU/KAB telah mencapai KPI 100% berjaya**, iaitu *Performance Indicator* (PI) telah **mencapai sasaran** selari dengan matlamat Bahagian Transformasi Universiti (BTU). Manakala dari sudut keusahawanan, unit Keusahawanan FSPU/KAB dengan kerjasama MASMED telah berjaya mewujudkan **ekosistem keusahawanan** yang telah membuka platform keusahawanan kepada warga FSPU/KAB terutama dikalangan pelajar sekaligus menjadi **penyumbang kepada pencapaian PI yang membanggakan**.

Kolaborasi bersama industri pada tahun 2022 terus dipergiatkan untuk meningkatkan kompetensi warga FSPU/KAB di peringkat global. Hasil Perancangan Strategik menunjukkan tren **peningkatan yang amat positif** khususnya dari segi bilangan kolaborasi bersama pihak industri dan luar serta **pertambahan jumlah pendapatan geran industri**. Manakala dari segi **bidang keusahawanan**, jelas menunjukkan tren yang **meningkat sebanyak 30 kali ganda**.

Pelbagai inisiatif telah dijalankan oleh warga FSPU/KAB untuk berada di tahap ini. Di antara program-program yang telah menyumbang kepada prestasi cemerlang dari sudut **jaringan kerjasama dengan pihak industri** adalah **Projek gloBE** dan **Projek Built Environment Excellent Mission** yang merangkumi aktiviti seperti hubungan kerjasama melalui MoU/MoA, *global industrial sharing session* serta sesi perkongsian antarabangsa melalui webinar.

Manakala program yang telah menyumbang kepada kewujudan **ekosistem keusahawanan** dalam FSPU/KAB termasuklah **BuiltEntrepreneur's Day** yang merangkumi program seperti **FSPU Digital Entrepreneurship, Program FSPU Market Day, Program FSPU Entrepreneurship Summer Camp, dan Program FSPU\_STARTUP**.

Berdasarkan pencapaian dan tren prestasi FSPU/KAB pada tahun 2022, jelas menunjukkan bahawa FSPU/KAB bukan sahaja **setaraf dengan universiti berorientasikan penyelidikan dalam bidang tujuan yang sama**, malah turut kompetitif di peringkat antarabangsa selari dengan tema strategik UiTM2025 yang bertemakan **Globally Competent**. FSPU/KAB juga merupakan **satu-satunya Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang menggerakkan inisiatif keusahawanan di peringkat kolej pengajian berbanding PTJ lain di UiTM**.

Melalui kerjasama penuh dari semua warga FSPU/KAB secara kolektif, segala program, projek strategik dan aktiviti sepanjang tahun 2022 telah memberi **impak besar dan telah melonjakkan ketampakan FSPU/KAB di persada global**. Hasil dari MoU/MoA, penjanaan dana dan kolaborasi bersama pihak industri, dan intervensi pendekatan keusahawanan yang telah dilaksanakan, secara langsung membuka lebih luas pintu kerjasama dan kebolehcapaian warga FSPU/KAB serta UiTM ke arah **Kecemerlangan Global dan Pendidikan Berkualiti**.

#### **7.1.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H1\\_F0080\\_HB02\\_20231\\_HASIL UTAMA 1 - Tahap- Final.pdf](#)

**7.1.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H1\\_F0080\\_HB03\\_20232\\_HASIL UTAMA 1 - Tren- Final.pdf](#)

**7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H1\\_F0080\\_HB04\\_20233\\_HASIL UTAMA 1 - Perbandingan- Final.pdf](#)

**7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H1\\_F0080\\_HB05\\_20234\\_HASIL UTAMA 1 - Kepentingan- Final.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.2 HASIL UTAMA 2**

Hasil Utama ini berpusat pada penglibatan strategik sumber manusia melalui kerjasama dalam kalangan staf FSPU/KAB dan pihak industri yang terdiri daripada lembaga/pertubuhan profesional, rakan industri dari bidang alam bina dan lain-lain industri. Kerjasama ini bertujuan untuk memupuk hubungan yang kukuh dan menggalakkan usaha mencapai kecemerlangan jaringan industri dan keusahawanan (JI&K).

#### **7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pengurusan sumber manusia yang efisien dan berstrategik oleh pengurusan kanan telah berjaya menggerakkan JI&K bersama warga FSPU/KAB. Dalam memberikan tumpuan kepada penglibatan sumber manusia bagi memperkasakan JI&K, pelbagai usaha telah diambil untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Hasil yang dicapai dilihat dari segi keberkesan penglibatan sumber manusia dan sumbangan berterusan dari rakan strategik/industri. Kerjasama ini diper mudahkan melalui kolaborasi dalam bentuk MoU/MoA dengan industri samada di peringkat nasional dan antarabangsa. Kebanyakan hasil pencapaian bagi tahun 2022 telah **mencapai tahap sasaran**. Manakala sebahagian pencapaian adalah **melebihi sasaran**.

Membina hubungan industri dan budaya keusahawanan yang kukuh memerlukan masa dan usaha. Sebagai langkah untuk menjadikan UiTM sebagai ***Globally Competent University***, FSPU/KAB telah merangka pelbagai inisiatif pemantapan JI&K secara kolaborasi bagi meningkatkan **Visibility** staf akademik di peringkat nasional dan antarabangsa. Setiap program/bidang di FSPU/KAB mempunyai hubungan kukuh dengan pihak industri samada diperingkat nasional atau antarabangsa dan ianya diperkuuhkan lagi melalui jalinan kerjasama dengan pembentukan MoU/MoA. Melalui MoU, kepakaran staf akademik dapat diperluaskan serta memberi manfaat dari pelbagai sudut melalui kerjasama dalam penganjuran konferensi, seminar/webinar, kursus jangka pendek, program mobiliti pelajar dan staf, pembangunan program baharu serta semakan kurikulum sediada. **Perbandingan tanda aras** yang dibuat antara FSPU/KAB dengan universiti lain samada diperingkat nasional atau antarabangsa menunjukkan bahawa pencapaian FSPU/KAB adalah **setanding atau lebih tinggi** dari mereka.

**Tren yang positif** dapat dilihat pada kebanyakan pencapaian FSPU/KAB mengikut **performance indicator** (PI) yang ditetapkan oleh pihak UiTM. Pihak pengurusan FSPU/KAB telah melaksanakan inisiatif **Triple-Double** dalam usaha mengoptimumkan kepakaran staf akademik terutama sekali dalam menambah bilangan Profesor, Profesor Madya dan juga kelayakan profesional. Program **Mentor-Mentee** telah diperluaskan untuk memberi bimbingan dalam perkembangan kerjaya seorang akademik. Selain dari itu, program ini juga bertujuan untuk meningkatkan kompetensi kerja dan memberi bantuan profesional agar mencapai sasaran yang ditetapkan. Hasilnya dapat dilihat dari segi peningkatan bilangan staf akademik dengan kelayakan PhD dan pertambahan staf dengan kelayakan professional dalam bidang masing-masing. Ini merupakan pencapaian yang sangat membanggakan FSPU/KAB. Pencapaian ini sekaligus memberikan banyak peluang kepada staf akademik bagi menonjolkan ilmu serta kepakaran mereka di persekitaran akademik dan industri alam bina yang lebih luas. Hasil usaha ini dapat dilihat melalui pengiktirafan dan anugerah yang diterima oleh staf dari pelbagai pihak diperingkat nasional dan antarabangsa. Pengiktirafan yang diberi terutamanya anugerah, lantikan sebagai pakar rujuk, ahli lembaga dan jawatankuasa badan profesional, panel penasihat program akademik dan panel penilai akreditasi, membuktikan kepakaran staf akademik FSPU/KAB diterima oleh institusi luar.

Usaha FSPU/KAB dalam merealisasikan visi UiTM untuk menjadi sebuah universiti terkemuka dunia dalam bidang Sains, Teknologi, Kemanusiaan dan Keusahawanan banyak dibantu oleh **Unit Keusahawanan** FSPU/KAB. Pelbagai strategi dan inisiatif keusahawanan telah dijalankan

sepanjang tahun 2022 bagi memupuk minat dan budaya keusahawanan dalam kalangan staf dan pelajar.

Kesimpulannya, hasil tumpuan sumber manusia adalah penting bagi memastikan FSPU/KAB menjadi ***Comprehensively Excellent*** dalam membangunkan hubungan industri yang kukuh dan menggalakkan aktiviti keusahawanan. Keupayaan warga FSPU/KAB untuk merapatkan jurang antara akademik dan industri telah memupuk ekosistem yang dinamik di mana ilmu pengetahuan mengalir dengan bebas, inovasi berkembang maju, dan pelajar lebih bersedia untuk menyumbang secara bermakna kepada tenaga kerja dan masyarakat secara keseluruhan.

#### **7.2.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H2\\_F0080\\_HB02\\_20231\\_HASIL 2\\_TAHAP\\_29082023\\_upload.pdf](#)

#### **7.2.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H2\\_F0080\\_HB03\\_20232\\_HASIL 2 TREN\\_29082023a\\_upload.pdf](#)

#### **7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H2\\_F0080\\_HB04\\_20233\\_HASIL 2\\_PERBANDINGAN TANDA ARAS\\_upload.pdf](#)

#### **7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H2\\_F0080\\_HB05\\_20234\\_HASIL 2 KEPENTINGAN\\_UPLOAD.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.3 HASIL UTAMA 3**

Hasil Utama 2 menumpukan kepada domain Tumpuan Kepada Pelanggan yang menjurus kepada Jaringan Industri dan Keusahawanan (JI&K) FSPU/KAB. Penterjemahan adalah melalui aktiviti-aktiviti yang melibatkan para pelajar dalam konteks JI&K, termasuk secara langsung atau tidak langsung yang menyumbang kepada pemerkasaan kecemerlangan pelanggan melalui bidang tumpuan tersebut.

#### **7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Tahap pencapaian yang menjurus kepada domain tumpuan kepada pelanggan melalui JI&K dapat dilihat melalui kejayaan Pencapaian Sasaran PI JI&K pada tahun 2022, terutamanya peratusan Nilai-nilai Pencapaian yang menepati dan melebihi Nilai Sasaran yang ditetapkan. Komitmen FSPU/KAB dalam memanfaatkan pelanggan-pelanggannya baik luaran maupun dalaman ke arah Tema-Tema Strategik dan Objektif UiTM yang berkaitan dilihat melalui peningkatan yang positif serta lonjakan jumlah bilangan kolaborasi yang berlaku dengan JI&K termasuk Alumni serta pihak-pihak luar terutamanya melalui webinar, seminar, pengajaran kolaboratif, lawatan akademik, konferensi dan pameran bengkel serta keusahawanan dan konsultasi.

Komitmen ke arah memacu pembudayaan UiTM membina JI&K menzahirkan tren tujuan peningkatan Kebolehpasaran Graduan dan peningkatan jumlah penglibatan FSPU/KAB dalam pacuan kolaborasi dengan pelanggan luaran dan dalaman. Tren peningkatan bilangan MoU/MoA juga konsisten. Walaupun terdapat penurunan kolaborasi dengan negara luar daripada 9 negara pada tahun 2022 berbanding dengan 10 negara luar pada tahun 2021, hasil secara tidak langsung kelihatan dialirkan kepada tren peningkatan MoU/MoA secara konsisten. Peningkatan MoU/MoA telah mencerminkan kemantapan tahap pencapaian FSPU/KAB serta kesepakatan dalam perkongsian pintar melalui JI&K.

Penajaran kedudukan FSPU/KAB diperingkat **antarabangsa** diterjemahkan melalui pernyataan *QS World University Ranking By Subject (WURS)*. Tahap kompetitif FSPU/KAB dalam memastikan pelanggan UiTM khususnya FSPU/KAB menerima ilmu bertahap antarabangsa dilihat melalui perbandingan dengan universiti-universiti lain di Malaysia, Asia dan antarabangsa. Kedudukan FSPU/KAB berdasarkan 2022 QS WURS meletakkannya sebagai ke-3 teratas apabila dibandingkan dengan bidang-bidang pengajian lain dalam UiTM. Pencapaian melalui QS WURS ini antara faktor utama melonjakkan peningkatan Kebolehcapaian Graduan serta kompetensi staf akademik di mana secara tidak langsung adalah memanfaatkan pelanggan dalaman dan luaran FSPU/KAB. Kejayaan dalam JI&K oleh FSPU/KAB dilihat teratas berbanding fakulti/kolej/pusat pengajian di dalam UiTM melalui peratusan jumlah *Principal Investigator* bagi Geran Penyelidikan yang dibiayai oleh Industri.

Kepentingan FSPU/KAB dalam bidang tumpuan kepada pelanggan adalah pamacuan FSPU/KAB ke arah pemantapan JI&K melalui kolaborasi dengan pelbagai pengamal industri, professional, Alumni, pihak luar, universiti-universiti tempatan dan antarabangsa. Malah aktiviti-aktiviti pelajar bukan sahaja melibatkan professional dan industri malah juga merangkumi (*extended*) juga berkaitan IDART-ESI dan komuniti. Bak “Serampang yang bukan hanya satu mata”.

#### **7.3.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H3\\_F0080\\_HB02\\_20231\\_HASIL 3 TAHAP final.pdf](#)

#### **7.3.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H3\\_F0080\\_HB03\\_20232\\_HASIL 3 TREN final.pdf](#)

#### **7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H3\\_F0080\\_HB04\\_20233\\_HASIL 3 PERBANDINGAN TANDA ARAS final.pdf](#)

#### **7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H3\\_F0080\\_HB05\\_20234\\_HASIL 3 KEPENTINGAN final.pdf](#)